

Melayu  
Akan  
Hilang  
Di Dunia

**RAHMANMAT**

PENERBITAN MANCHU  
Kuala Lumpur  
1987

Diterbitkan oleh

## Penerbitan Manchu

4, Tingkat 3,  
Wisma Ann Koai,  
Jalan Ampang,  
Kuala Lumpur.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang, menyimpan dalam sistem komputer atau dalam apa juga bentuk pun dan dengan cara baik secara elektronik, mekanik, foto kopi, rakaman atau lain-lain, mana bahagian kandungan buku ini tanpa kebenaran dari Penerbitan Manchu.

© Rahmanmat

*Dicetak oleh:*

Hadiab

733446

*Dicetak di Malaysia oleh*

*Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd., Selangor*

M

324.25954

RAH

12 OCT 1994

Perpustakaan Negara

Malaysia

UMNO SANGAT BURUK,  
PAS BURUK,  
BAIK PAS, TAK JISK.

## **D**AFTAR ISI

- 1.0 PERJUANGAN MANUSIA MELAYU
- 1.1 Perpecahan Pengundi Melayu
- 1.2 Persaingan Dalam Parti
- 1.3 Krisis Kepercayaan Sesama Melayu
- 2.0 GELAGAT PAS DAN SUMBANGSIH UMNO
- 2.1 Pemimpin-pemimpin PAS Pembelot Dan Pengkhianat Orang Melayu
- 2.2 Sumbangan UMNO Pada Orang Melayu
- 3.0 PEREBUTAN KUASA POLITIK PUNCA PERPECAHAN MELAYU
- 3.1 Penganut PAS Diperbodohkan Oleh Pemimpin-Pemimpin Mereka
- 3.2 Antara Pemimpin Dan Pengikut
- 3.3 Sengketa Antara PAS vs Melayu UMNO
- 4.0 PENGAWAI MELAYU KERAJAAN PELINGKUP BANGSANYA
- 5.0 PERPECAHAN ADAT RESAM MELAYU
- WAWANCARA IMAJINASI DENGAN TUN RAZAK
- UNGKAPAN AKHIR



*Kepada  
Pemimpin-pemimpin Melayu yang lupa  
daratan dan lupa kesinambungan perjuangan  
politik generasi mendatang.*

## **SEKAPUR SIREH**

Melayu Akan Hilang Di Dunia sebuah celoteh yang cuba memaparkan ujudnya perpecahan orang Melayu berpunca dari perebutan kuasa politik.

Metode penulisan buku ini berlandaskan pada cara pemikiran cacamarba. Terlepas dari ikatan disiplin ilmu pengetahuan sosial.

Mesej utama dalam Melayu Akan Hilang Di Dunia adalah supaya orang Melayu berwaspada agar tidak hanyut di bumi sendiri.

Anda yang tidak setuju dengan cara dan idea penulisan boleh kritik setinggi gunung dan kita jadikan polemik. Tradisi Melayu juga suka berpolemik.

Rahmanmat

# 1.0

## PERJUANGAN MANUSIA MELAYU

Sistem kapitalis telah membawa manusia untuk cinta dan mendapatkan harta benda sebanyak yang boleh. Sekarang adalah zaman materialis. Seseorang akan diukur sukses atau tidak dalam perjuangan hidup berdasarkan kekayaan atau kemiskinan. Kekayaan atau kemiskinan dapat melemahkan atau memesongkan seseorang dari mengerjakan ajaran agama. Kebahagiaan seseorang juga diukur dari harta benda.

Kapitalisme sebagaimana yang kita maklum wujud kerana manusia telah menjalankan perniagaan dan perdagangan. Perniagaan adalah cara mencari makan seperti pekerjaan lain juga. Setelah Revolusi Industri terjadilah suatu corak di mana orang dapat mencari kekayaan yang tidak ada had.

Orang yang pandai dapat mencari harta lebih dari cukup makan, hingga sampai ke taraf hartawan atau jutawan. Orang kaya (jutawan) dapat membuat apa saja dan orang kaya dapat membeli 'kuasa'. Sumbangan yang besar dari hartawan, mereka dapat memberi pekerjaan pada orang lain. Biasanya seorang hartawan bersifat tamak. Kita maklum sifat tamak terdapat pada setiap manusia selagi orang itu 'waras' terhadap harta benda untuk kepentingan hidup.

Orang Melayu, setelah negara mencapai kemerdekaan baru dapat menikmati kekayaan harta benda dan wang ringgit. Bukan semua orang Melayu dapat menikmati kemewahan hidup, cuma orang yang bijak saja dapat mengumpul kekayaan. Dan orang yang bodoh tetap mengeluarkan peluh untuk mencari nafkah, ada pula orang yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Tidak dapat dinafikan, secara rasmi setiap insan Melayu, perjuangan hidup adalah mencari nafkah. Dari buruh kasar sampai Perdana Menteri perjuangan yang pertama adalah mencari makan. Kalau seseorang itu mengatakan perjuangannya untuk Allah, maka perjuangan itu adalah sambil saja. Sambil lalu iaitu di samping perjuangan untuk perut. Kalau seseorang itu mengatakan perjuangannya untuk bangsa dan negara, maka perjuangannya terletak pada sikap orang tersebut terhadap bangsanya.

Katakanlah imam Masjid Negara yang dilantik oleh kerajaan, full time sebagai imam dari sembahyang Subuh hingga sembahyang Jumaat. Dan kerajaan tidak membayar upah padanya. Kita bertanya sanggupkah orang itu menerima pekerjaan sebagai imam? Sudah tentu dia tidak sanggup, kalau sanggup ertinya dia makan sejadah (tikar sembahyang) tiap hari. Kalau seseorang itu bekerja sebagai Pegawai Daerah, sambil aktif dalam UMNO maka orang tersebut mencari nafkah melalui pekerjaan sebagai Pegawai Daerah kerana dibayar upah (gaji). Dan perjuangan dalam UMNO kerana hendak mendapat kuasa dalam parti bagi menambah pendapatan serta mengumpul kekayaan. Bila orang tersebut sudah berjaya dalam UMNO dan dilantik sebagai Menteri dalam kabinet, dia masih tetap pada taraf perjuangan isi perut.

Dalam masa mencari nafkah mempunyai pegangan atau mempunyai prinsip iaitu setiap yang dilakukan (dalam masa mencari nafkah) tidak merugikan atau memusnahkan kepentingan bangsa Melayu maka orang tersebut barulah disebut mempunyai perjuangan terhadap bangsanya.

Apabila (seseorang) dalam masa mencari nafkah mempunyai prinsip iaitu apa yang dilakukannya tidak mengkhianati atau mempermainkan kesucian ajaran Islam malah mengembangkan ajaran Islam dengan cara benar/betul maka orang

tersebut barulah disebut mempunyai perjuangan untuk agama.

Begitu juga kalau seseorang itu dalam masa (hidup) mencari nafkah mempunyai pegangan dan dalam kegiatannya tidak merugikan negara, maka orang tersebut dapatlah dikatakan sebagai hidupnya mempunyai makna kepada negara atau perjuangannya untuk negara.

Pengertian ini dapatlah diterapkan pada pemimpin-pemimpin PAS yang selalu melaungkan perjuangan mereka (PAS) untuk agama Islam dan orang Melayu. Pada hal pemimpin-pemimpin PAS dalam perjuangan mereka kelihatan cenderung memperalat ajaran Islam dan seolah-olah mengkhianati bangsa Melayu. Perjuangan mereka (pemimpin-pemimpin PAS) untuk kepentingan diri dan kelompok mereka, bukan perjuangan suci sepertimana yang selalu mereka 'gembargemborkan'.

Kalau pengertian di atas diterapkan pada UMNO, terbukti UMNO telah dan sedang mengembangkan syiar Islam antara lain memberi kemudahan ibadah dan melaksanakan ajaran Islam; dan pada orang Melayu, UMNO telah memberi kemudahan dan peluang ke arah mencapai kesenangan material dan sosial. Bermakna UMNO telah memajukan bangsa Melayu dan mengikuti ajaran Islam. Cuma belum dapat memenuhi semua keperluan orang Melayu.

Apa yang nampak dari perjuangan manusia Melayu terkandung dalam dua perkara besar iaitu mencari material dan perjuangan menegakkan serta melaksanakan ajaran Islam. Ada orang yang berusaha bidang material sahaja dan ada pula yang hanya 'melihat' pada Islam. Ada pula manusia Melayu yang mencari dan mendapatkan kedua-duanya sekali.

Perjuangan orang Melayu telah dipecahkan dalam dua golongan utama. Golongan yang memperjuangkan material dan menegakkan ajaran Islam. Dan golongan yang bergerak hanya dalam bidang keagamaan. Dalam hal ini UMNO telah dan sedang memperjuangkan material (pembangunan ekonomi) dan mengisi tuntutan Islam. Sedangkan PAS hanya bergerak menegakkan Islam tanpa memikirkan pembangunan ekonomi.

Tuntutan hidup zaman kini tidak sama dengan tuntutan hidup zaman Rasulullah. Zaman kini menghendaki material sebagai pelindung hidup dan sebagai sarana mengerjakan perintah Allah. Tanpa material tidak dapat mengerjakan ibadat dengan sempurna.

Pemimpin-pemimpin PAS telah menutup mata dan telinga dari kenyataan tersebut. Perkara-perkara yang berhubung dengan duniawi seolah-olah ditolak dan mereka takut pengaruh pembangunan material terhadap keimanan.

Pemimpin-pemimpin PAS menghendaki amalan

ajaran Islam yang mirip dengan kehidupan zaman Nabi Muhammad. Apakah pemimpin-pemimpin PAS tidak sedar bahawa kehidupan sekarang bukan lagi kehidupan zaman nabi? Kehidupan kini sudah mengalami modernisasi. Kehidupan zaman Nabi Muhammad tidak sesuai lagi. Sekiranya pemimpin-pemimpin PAS berusaha juga hendak menegakkan kehidupan zaman nabi, mungkin hal-hal negatif akan berlaku pada masyarakat yang telah menerima nilai moden.

Pemimpin-pemimpin dan penganut PAS memperjuangkan amalan zaman Nabi cenderung menimbulkan pertentangan dengan pengikut UMNO dan juga mengamalkan ajaran Islam yang disesuaikan mengikut tuntutan zaman sekarang. Kesannya orang Melayu kini sudah bermusuhan sesama sendiri dan tidak lagi terdapat perpaduan orang Melayu, pada hal orang Melayu pemeluk agama Islam. Kami bimbang (akibat dari pertentangan itu) orang Melayu akan kehilangan segala-galanya. Kerana apa yang dikejarkan oleh PAS tidak dapat dan UMNO yang sudah memiliki material serta melaksanakan ajaran Islam akan lenyap.

Pemimpin-pemimpin PAS mahu kerajaan dan orang Melayu melaksanakan peraturan dan hukum Islam yang betul, sedangkan pemimpin-pemimpin dan pengikut UMNO telah dihina dan dikecam kerana tidak mengikut hukum-hukum Islam.



Berbagai tuduhan anti Islam telah dilemparkan pada golongan UMNO. Seolah-olah pelaksanaan ajaran Islam hanya benar pada mereka (golongan PAS) dan mereka saja yang mengikut hukum Islam, dan pengikut UMNO telah menyeleweng dari hukum Islam.

Perjuangan orang Melayu haruslah mencapai pembangunan material yang menjadi landasan kehidupan moden, dan melaksanakan ajaran Islam yang akan membawa kebahagiaan akhirat juga sebagai kontrol kehidupan dunia.

Bagi membina kehidupan sempurna haruslah disesuaikan ajaran Islam dengan kehidupan moden. Kadang-kadang timbul kekeliruan antara Islam dengan material. Belum tentu orang yang kejar material akan menolak Islam dan gilakan material saja. Dan belum tentu orang yang cintakan Islam akan menolak material.

Perjuangan Melayu haruslah pada prinsip perjuangan mencari kekayaan dan mempunyai sikap fleksibel terhadap Islam.

Perjuangan orang Melayu membina kejayaan (pembangunan ekonomi) akan membantu ke arah pengukuhan Islam. Untuk mencapai matlamat, orang Melayu haruslah menerima kenyataan bahawa kelangsungan perjuangan Melayu terletak pada perpaduan orang Melayu dalam menegakkan kuasa politik. Melalui kuasa politik Islam dapat disalurkan secara lebih berkesan dalam pentad-

biran negara dan pembangunan ekonomi dapat dicapai tanpa rintangan. Ingatlah, hanya dengan material orang Melayu dapat menegakkan Islam dan akan memberi kebahagiaan dunia dan akhirat.

# 1.1

## **Perpecahan Pengundi Melayu**

Ramai manusia Melayu yang aktif dalam organisasi politik bertujuan untuk mendapatkan kuasa dan mengisi kepentingan hidup. Samada dalam UMNO, PAS, HAMIM, BERJASA, NasMa, PSRM, dan SDP. Manusia Melayu yang berkecimpung politik akan dihadapkan persoalan bangsa Melayu.

Ketika ini, manusia Melayu telah terbahagi dalam beberapa organisasi politik. Anggaran besar, ramai orang Melayu aktif dalam UMNO, kerana parti yang memegang kuasa kerajaan. Diikuti parti PAS, yang jatuh nombor dua dari segi jumlah pengikut. Paling sedikit pengikut Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM), SDP, NasMa, HAMIM dan BERJASA. Juga DAP mempunyai

pengikut Melayu.

BERJASA dan HAMIM, penyokong-penyokong parti hanya dari manusia Melayu. Sementara PSRM, SDP dan NasMa pengikut parti terdiri dari orang Melayu dan kaum lain. Kelima-lima parti ini kami katakan sebagai parti daif.

BERJASA muncul di Kelantan akibat konflik kepentingan antara Mohamad Asri Haji Muda dengan Mohamad Nasir. Majoriti penyokong PAS Kelantan telah memberi sokongan bulat pada Mohamad Nasir.

Demonstrasi Oktober 1977 di Kelantan telah menurunkan imej Asri. Ibrahim Ali muncul dalam demonstrasi Oktober, beliau yang rapat dengan Tengku Razaleigh memang terkenal sebagai pakar menghimpun orang ramai untuk tujuan demonstrasi.

Dan atas kepakarannya berdemonstrasi kini beliau telah dipilih sebagai wakil rakyat (Member of Parliament) atas sokongan Anwar Ibrahim. Ibrahim dan Anwar memang dua sahabat yang sama-sama bergiat dalam demonstrasi dulu, tapi Anwar lebih pintar muncul ke pentas untuk berpidato, sedangkan Ibrahim Ali 'tukang kumpul' orang. Pendek kata Ibrahim Ali sebagai penghulu demonstrasi. Sebelum masuk UMNO, Ibrahim Ali bergiat dalam BERJASA, kemudian meninggalkan BERJASA. Dengan alasan BERJASA bercantum dalam Barisan Nasional. Tapi, akhirnya beliau

masuk UMNO. Taktik orang cari makan.

Sekarang, BERJASA di bawah pimpinan baru telah keluar dari Barisan Nasional, kerana merajuk UMNO mengambil HAMIM sebagai anggota komponen Barisan Nasional menjelang pilihanraya 1986. Anggota-anggota BERJASA kebanyakan terdiri dari bekas penyokong-penyokong PAS dan ada juga (bilangan kecil) bekas penyokong UMNO yang kecewa atau ditendang keluar dari UMNO.

HAMIM, perjuangan berlandaskan Islam dan dibawah pimpinan Asri Muda. Beliau menubuhkan parti HAMIM setelah kepimpinannya dalam PAS tidak diterima lagi. Asri Muda pemimpin Melayu yang dianggap bertanggungjawab atas perpecahan orang Melayu; beliaulah dikatakan punca yang menimbulkan perpecahan orang Melayu hingga hari ini. Oleh kerana sikap beliau mempertahankan kepentingan diri, PAS telah disingkir dari Barisan Nasional.

Memang harus diakui Asri Muda pintar bermain politik. Kami rasa Asri sudah sampai masanya 'pencen' dari politik dan duduk di rumah main dengan cucu saja. Wang pencen Menteri, Menteri Besar dan Ahli Parlimen sudah lebih dari cukup.

Asri Muda kelihatan pintar menggunakan 'tipu helah' memancing sokongan anggota parti dan pemimpin-pemimpin Melayu. Asri bijak menaikkan emosi penganut parti. Beliau pandai merayu dan menggoda penganut parti dengan cara

memuji keimanan mereka. Dulu, semasa beliau menjadi Presiden PAS, beliau memberi gelaran "panglima jihad yang tulin" kepada penganut PAS. Sekarang, Presiden HAMIM iaitu parti daif, belum kita dengar lagi apa gelaran yang diberi pada pengikut parti. Sekarang susah bagi Asri memberi gelaran sebab 'member' Barisan Nasional. Kami beri cadangan pada Asri Muda, pengikut HAMIM patut diberi gelaran "Panglima Jilat Yang Soleh".

Asri Muda pandai menangkis dan mengubah suasana bila terjadi krisis dalam parti. Dulu semasa memimpin PAS, bila terjadi krisis dalam parti Asri akan anggap biasa atau meremehkan saja setiap krisis PAS, dan caranya dengan mengatakan "ribut dalam cawan kopi". Pendek kata, Asri pintar mencari ungkapan bahasa yang melegakan keadaan. Contoh lain, bila hendak menaikkan semangat ahli-ahli parti bagi menghadapi pilihanraya umum, beliau akan mengatakan "jika patah pengayuh bilah dengan jari kita dayungkan".

Sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah juga, begitulah juga dengan Asri, seolah-olah senasib dengan si tupai dalam pepatah itu. Kita sudah tahu siapa Asri sebenarnya dalam hubungannya dengan perjuangan orang Melayu. Beliau kelihatan macam memperalat Melayu sebagai 'modal' mencari kesenangan. Oleh yang

**Mohamad Nasir:**

*Bekas pemimpin PAS yang menghancurkan  
karier Asri Muda sebagai presiden PAS.*



**Ibrahim Ali:**


*Penghulu demonstrasi. Ahli kumpul orang  
untuk demonstrasi.*





*Asri Muda:*

*Presiden Hamim, sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah juga.*



demikian pengikut-pengikut HAMIM janganlah sampai diperbodohkan oleh Asri Muda lagi. Jangan sampai hanyut dibawa Asri hingga terjadi perpecahan Pengundi Melayu.

Kita puji sikap Kassim Ahmad keluar dari PSRM, sekurang-kurangnya memberi kesan pada pengikut-pengikut Melayu dalam parti (PSRM) bahawa orang Melayu tidak perlu berpecah-belah. Beliau yang telah memimpin PSRM belasan tahun telah menyedari perkara ini. Dan beliau melihat perubahan pucuk pimpinan UMNO (Dr. Mahathir) yang memberi perhatian masalah kemiskinan rakyat. Kassim Ahmad kini telah berkecimpung bersama UMNO untuk memberi idea-idea demi kepentingan bangsa Melayu. PSRM juga merupakan parti yang memecahkan pengundi Melayu. Sepatutnya pemimpin-pemimpin Melayu dalam PSRM mengikut jejak langkah Kassim Ahmad.

Ahmad Nor, namanya mendadak naik setelah berjaya memegang jawatan pemimpin Cuepacs, telah bernafsu besar untuk memimpin parti politik. Beliau yang masih mentah dalam politik, telah kecewa dengan NasMa; akhirnya mendapat simpati dan mendapat tempat dalam parti SDP. Walaupun SDP tidak memberi kesan pada kuasa politik Melayu tapi penyokong-penyokong Melayu SDP telah memecahkan suara undi Melayu.

Apabila Ahmad Nor gagal membawa SDP ke dalam DAP, akhirnya beliau dan Timbalan

Setiausaha Agung SDP Abu Zahar Abu Bakar menyertai DAP. Dengan menyertai DAP bererti Ahmad Nor dan Abu Zahar bergayut pada parti yang cuba 'membunuh' perlahan-lahan kepentingan Melayu.

Alam demokrasi telah membenarkan mereka membuat keputusan dan bertindak menepikan semangat Melayu. Yang peliknya, tidak wujud kesedaran mereka (Ahmad Nor dan Abu Zahar) bahawa sebagai orang Melayu mereka sanggup diperalat untuk kepentingan pemimpin-pemimpin DAP. Sedangkan DAP adalah parti politik yang cuba menghapuskan kepentingan Melayu.

DAP yang memperjuangkan kepentingan kaum Cina, telah menggunakan strategi politik memperalat pemimpin-pemimpin Melayu yang 'gian' kuasa dan kedudukan agar dapat menembusi masyarakat Melayu luar bandar. Menggunakan pemimpin-pemimpin Melayu sebagai cara membentuk imej parti iaitu DAP parti pelbagai kaum dan membela nasib rakyat semua kaum.

Sebenarnya Ahmad Nor sedang mengalami krisis kepentingan. Menetap dengan SDP parti daif tidak mempunyai sumber kewangan dan sudah tentu menghancurkan ekonomi rumahtangga. Di lain pihak mempunyai status sebagai presiden parti. Akhirnya mengorbankan presiden SDP dan terpaksa bergayut pada DAP dengan alasan sebagai platform perjuangan.

Apa yang dilakukan Ahmad Nor menunjukkan beliau kelihatan berusaha mengujudkan perpecahan pengundi Melayu.

Raja Nasron yang kecewa dengan UMNO, mungkin tidak mendapat projek besar dari UMNO dan kerajaan telah memimpin NasMa. Beliau juga berusaha mendapat sokongan dari masyarakat Melayu.

DAP, parti politik berbilang kaum telah menampakkan kekuatannya sebagai parti pembangkang yang mempunyai pengaruh dalam masyarakat Malaysia. Lim Kit Siang politikus DAP yang berani menyuarakan hak kaum Cina dan cuba mengugat hak orang Melayu, perlahan-lahan menarik pemimpin-pemimpin Melayu bergerak dalam parti DAP. Di Perak, DAP telah dapat memperalut pemimpin-pemimpin Melayu dan ternyata DAP sudah mulai 'bertapak' dalam masyarakat Melayu Perak.

Parti Islam Se Malaysia atau PAS telah mendapat sokongan yang kedua besarnya dari masyarakat Melayu luar bandar. Terutama di Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis. PAS yang di bawah pimpinan Haji Yusof Rawa sentiasa gigih menambah penyokong parti.

Akibat dari perpecahan undi Melayu, orang Melayu hampir kehilangan kuasa politik. Pilihanraya 1969 telah membuktikan kuasa Melayu hilang pengaruh di Parlimen. Untunglah terjadi peristiwa

**Kassim Ahmad:**

*Pemimpin dan intelektual Melayu yang cepat  
sadar kepentingan bangsanya.*



**Ahmad Noor:**

*Pemimpin Melayu sedang berusaha mendapatkan pelangi (politik)*



**Raja Nasrom:**  
*Bekas Presiden Nasma yang selalu kecewa.*



*Lim Kit Siang:  
Penimbul isu dan penggugat sentimen kaum  
Cina.*





13 Mei 1969, yang membolehkan pemerintahan dijalankan dengan MAGERAN.

Di Pulau Pinang kuasa kerajaan negeri telah bertukar tangan kepada parti GERAKAN. Calon-calon dari UMNO dan PAS telah mengalami kekalahan teruk. Pengundi-pengundi Melayu telah berpecah kepada beberapa parti bukan saja UMNO dan PAS, malah pengundi Melayu juga memberi undi pada calon GERAKAN dan DAP. Maklumlah Pulau Pinang ramai Melayu Mamak. Kesetiaan Melayu Mamak pada bangsa Melayu masih boleh dipersoalkan.

Di Kelantan PAS membentuk kerajaan negeri (19 PAS dan Perikatan 11) sementara parlimen PAS mendapat 6 kerusi dan Perikatan cuma 4 kerusi. Di Terengganu, UMNO (atas tiket Perikatan) menang tipis, PAS hampir dapat membentuk kerajaan negeri. Di Kedah, UMNO merosot, dua orang tokoh utama kalah dalam pilihanraya tersebut iaitu Dr. Mahathir kalah pada Yusuff Rawa dan Senu Abdul Rahman yang tewas ditangan Abu Bakar Umar.

Kalaulah orang Melayu dapat mengujudkan perpaduan melalui kerjasama UMNO-PAS bererti kuasa politik Melayu tidak akan tergugat seperti terjadi dalam pilihanraya 1969.

Dari segi kepentingan kuasa politik, pembahagian pengikut-pengikut Melayu ke dalam beberapa parti politik amat merugikan bangsa Melayu.

Kerana secara langsung, suara undi orang Melayu terbahagi ke dalam beberapa parti politik. Lainlah halnya, kalau orang Melayu menjadi pengikut parti PSRM tapi pada hari pilihanraya, pengikut tersebut memberi undi pada UMNO.

Keinginan memegang kuasa dalam parti, menyebabkan pemimpin-pemimpin Melayu tidak lagi memikirkan kepentingan kuasa politik bangsanya.

# 1.2

## **Persaingan Dalam Parti**

UMNO yang menjadi rebutan para aktivis Melayu telah membuktikan pada masyarakat dalam negeri dan antarabangsa sebagai wadah perjuangan yang telah menyelamatkan kepentingan kuasa politik Melayu. Dan kini perlahan-lahan cuba mendapatkan kuasa ekonomi yang belum pernah dimiliki orang Melayu.

Kuasa ekonomi sama pentingnya dengan kuasa politik. Kami yakin kuasa politik dapat dilumpuhkan dan dapat diperdagangkan dengan menggunakan kuasa ekonomi. Sedangkan kuasa politik tidak mudah menguasai kuasa ekonomi.

Lihatlah kenyataan betapa sukarnya orang Melayu yang telah memiliki kuasa politik cuba mendapatkan target 30% penguasaan ekonomi di

bumi sendiri. Kaum Cina telah membangkitkan persoalan Dasar Ekonomi Baru (DEB), pada hal mereka telah memiliki kuasa ekonomi yang kukuh. Perjuangan Melayu yang hanya ingin memiliki setakat 30% dari ekonomi negara telah mendapat teguran dari kaum lain (Cina dan India) yang cuba memperkecilkan kemampuan orang Melayu.

Dulu, bila kerajaan melancarkan Dasar Ekonomi Baru, MCA telah melancarkan Syarikat Koperasi Serbaguna untuk menjaga kepentingan pemilikan saham harta kaum Cina bagi menjamin status qua kuasa ekonomi tetap berada di tangan mereka.

Begitu juga bila kerajaan menubuhkan ITM untuk kursus profesional kepada orang Melayu, MCA menubuhkan Kolej Tunku Abdul Rahman untuk mereka sedangkan waktu itu orang Melayu ketinggalan dalam bidang pelajaran. Nasib baik, kerajaan tidak membenarkan kaum Cina mendirikan Universiti Merdeka.

Pening kepala pemimpin-pemimpin UMNO bila kena 'sergah' dari pemimpin-pemimpin MCA dan MIC. Hanya baru setakat 30% belum lagi lebih. Timbalan Presiden MCA, Lee Kim Sai telah membuat teguran terhadap pelaksanaan DEB. Beliau memang merupakan 'hero' dalam MCA yang suka menimbulkan isu-isu dalam Barisan Nasional. Lee Kim Sai sejak aktif dalam MCA selalu menyuarakan perkara-perkara yang ber-

hubung dengan kepentingan orang Melayu. Beliau tidak lebih dari 'hantu belauang setan belang' pada orang Melayu. Beliau telah menggunakan sasaran orang Melayu sebagai cara untuk cepat dapat kuasa dalam MCA.

MIC yang patut berterima kasih pada UMNO, sudah diberi betis hendakkah paha, juga telah menyuarakan pelaksanaan DEB melalui Subramaniam Timbalan Presieden MIC. Kalau dulu orang-orang MIC jadi buruh jalan raya sekarang mereka sudah jadi tauke jalan raya. Pemimpin-pemimpin MCA dan MIC telah menggunakan perjuangan Melayu sebagai modal persaingan mereka dalam parti.

Panglima UMNO Sanusi Junid menghentam geng MCA dan beliau mengecap mereka sebagai penjenayah kerana mempersoalkan Dasar Ekonomi Baru. Sanusi Junid politikus UMNO yang pintar membaca keadaan politik dari waktu ke waktu. Ketajaman fikiran memberi suatu cara tindakan yang berani menanggung risiko. Sanusi, pemimpin Melayu yang lincah dalam pergerakan dan cepat membuat keputusan. Dan beliau pandai menjaga 'selera' tuannya.

Amalan demokrasi dalam UMNO, telah dimanfaatkan dengan berkesan sekali. Persaingan dalam UMNO dianggap suatu persaingan yang gampang. Tidak wujud istilah tewas pada dirinya. Lihat, persaingan politik (UMNO — Jerlun Langkawi) Sanusi dengan Syed Nahar Shahabuddin, beliau


***Dr. Mahathir:***

*Presiden UMNO ke lima yang banyak serius dari senyum. Susah hendak faham antara senyum dan tangis. Kini banyak duka dari suka.*




**Lee Kim Sai:**

*Hantu Belaung, Setan Belang bagi perjuangan orang Melayu.*



**Sanusi Jonid:**

*Panglima UMNO yang mampu mematahkan semangat pemimpin-pemimpin MCA.*





telah menumpulkan taring Syed Nahar. Malang sekali Syed Nahar, ditimpa pula peristiwa Mantoya. Akhirnya beliau undur dari kabinet kerajaan Kedah. Dalam persaingan itu, pada prinsipnya beliau (Sanusi) tewas tapi imej politik, beliau berjaya.

Sanusi adalah pemimpin Melayu yang mempunyai motif dalam kariernya. Bukan sekadar mencari kedudukan malah telah memperlihatkan dasar tindakan politik dan pentadbiran yang pro-Melayu.

Dulu, semasa perebutan Timbalan Presiden UMNO antara Musa Hitam dengan Tengku Razaleigh, ternyata Sanusi secara terbuka menyokong Musa. Sikap tegas, berani dan terbuka menyatakan pendirian, kita salut. Karakter yang seperti itu amat diperlukan bagi pemimpin-pemimpin Melayu (UMNO) menghadapi cabaran dari pemimpin-pemimpin dari MCA, GERAKAN dan DAP.

Cara Sanusi Junid memerangkap dan menyimpulkan persoalan yang ditimbulkan oleh pemimpin MCA tentang pelaksanaan DEB dapat memberi 'maksud' pada mereka (MCA). Alasan MCA itu kononnya kekalahan teruk dalam pilihanraya 1986 adalah disebabkan DEB. Tapi tujuan sebenar mereka mempersoalkan DEB adalah kerana dengki, tidak mahu orang Melayu mencapai 30% atau lebih.

Sebenarnya kalau dikaji dengan teliti pelaksa-

naan DEB bukanlah hanya memberi keuntungan pada orang Melayu atau bukanlah orang Melayu yang mendapat untung lebih, kenyataan menunjukkan orang-orang MCA dan MIC yang lebih banyak profit. Perhatikan income per capita antara kaum, ternyata kaum Cina dan India melebihi pendapatan orang Melayu. Kelemahan orang Melayu dalam perniagaan juga telah memberi keuntungan pada kaum Cina. Sebagai contoh tender-tender projek kerajaan walaupun yang mendapatkan tender itu orang Melayu tapi yang melaksanakan projek kebanyakannya diserahkan kepada peniaga dari kaum lain. Kita maklum orang Melayu suka cari jalan mudah dan mahu cepat untung.

Terdapat perbezaan nyata antara persaingan pemimpin-pemimpin Cina dalam parti dengan persaingan pemimpin-pemimpin Melayu dalam parti. Perbezaan itu adalah pemimpin-pemimpin Cina menunjukkan persaingan parti lebih mencerminkan kepentingan kaum Cina, atau dengan kata lain memperjuangkan kaum mereka.

Kaum Cina sejak dulu sudah pandai bermain politik, kepentingan masyarakat Cina (sejak tahun 1952) telah diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin MCA bagi mendapatkan kuasa politik yang sama dengan orang Melayu. Pemimpin-pemimpin Cina pintar mencari alasan iaitu alasan keamanan dan kerjasama dengan orang Melayu.

Setelah itu muncul pula parti-parti politik yang

dipimpin oleh Cina yang berjuang bagi mengujudkan keadilan dan persamaan taraf dengan orang Melayu. Muncullah parti DAP yang memperjuangkan racial equality dan cultural pluralism.

Pemimpin-pemimpin Cina dalam perjuangan mereka pandai mengatur langkah bagi mendapatkan kepentingan kaum mereka. Walaupun orang Cina berpecah dalam tiga kelompok besar MCA, GERAKAN dan DAP namun pembahagian tugas perjuangan sudah wujud pada mereka.

Pemimpin-pemimpin DAP yang memahami tugas khas iaitu menjerit dan melaungkan pelaksanaan kerajaan (yang bersangkutan dengan Melayu) telah memberi kesan yang positif pada perjuangan kaum Cina. Mereka (pemimpin-pemimpin DAP) menyerang pemimpin-pemimpin (UMNO) kiri dan kanan. Sekali sekala suara tekanan dari pemimpin-pemimpin MCA dan Gerakan muncul menyerang pemimpin-pemimpin UMNO dari sudut yang berbeza.

Kalau angkatan Dr. Mahathir tidak bersikap tegas, jawabnya orang Melayu akan ditimpa nasib sebagaimana di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman.

Perjuangan orang Melayu di bumi sendiri cenderung ke arah menjaga kebaikan dan ketenteraman kaum lain. Pada hal kaum Cina tidak pernah memikirkan tentang kebaikan dan kelembutan orang Melayu serta bertolak ansur dalam

segala bidang. Bila kita bercakap perjuangan orang Melayu mereka mengatakan kita bercakap atas konsep perkauman. Nampak pada kita toleransi yang wujud masa kini di kalangan masyarakat Malaysia adalah toleransi yang berat sebelah, hanya orang Melayu yang selalu bersifat mengalah pada kaum-kaum lain. Pada hal kaum-kaum lain tidak pernah dan jarang sekali menunjukkan sikap toleransi pada orang Melayu. Keadaan ini di sebabkan oleh kelembutan pemimpin-pemimpin Melayu dalam membuat sesuatu keputusan. Juga disebabkan oleh mereka telah mengetahui kelemahan-kelemahan yang terdapat pada pemimpin-pemimpin Melayu.

Orang Melayu yang berkecimpung dalam politik kebanyakannya hanya berfikir untuk mendapat kesenangan hidup bukan kepentingan bangsa sendiri.

Orang Melayu berlumba-lumba hendak mendapatkan kuasa dalam parti kerana parti dapat memberi faedah untuk keperluan bagi mencapai kepuasan hidup.

Sebagia contoh cuba kita perhatikan perlumbaan mendapatkan kuasa dalam Pergerakan Pemuda UMNO. Dalam Perhimpunan Agung UMNO 1986 yang kebetulan di adakan pilihanraya untuk mengisi jawatan-jawatan politik dalam Pergerakan Pemuda UMNO, ternyata dari dua belas jawatan yang (Exco Pemuda) ditawarkan

untuk mengisi kekosongan, yang "berlumba" hampir empat puluh orang calon. Yang tak pernah dengar nama di kalangan pemuda, pun punya keinginan hendak jadi EXCO. Mereka kempen macam nak gila. Berkawat merata penjuror di Putra World Trade Centre dengan tujuan hendak cari pengundi. Ada pula calon yang memakai jubah hendak menarik perhatian pengundi.

Kononnya perjuangan mereka untuk bangsa Melayu dan negara. Semua ini lagu lama. Apa yang mereka cari adalah hendak mendapatkan kuasa dalam parti. Semangat perjuangan untuk orang Melayu hanya sekadar landasan berkempen atau landasan bercakap. Tidak lebih dari itu. Bukan sekadar memegang jawatan EXCO Pemuda, malah ramai di kalangan pemuda UMNO bernafsu besar hendak jadi Member of Parliament atau Wakil Rakyat.

Dan kini kecenderungan yang paling ketara di kalangan pemuda yang aktif dalam UMNO, mempunyai matlamat ingin memegang jawatan dalam parti dan kalau boleh hendak jadi Wakil Rakyat. Dan bila jadi Wakil Rakyat mungkin ada peluang pula jadi Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri atau Menteri. Dan itu pun kalau dipilih. Tapi, harapan masih ada.

Bila Dr. Mahathir Mohamad Perdana Menteri juga Presiden UMNO telah membuka peluang pada pemuda yang berkelulusan universiti meme-

gang jawatan penting dalam kerajaan ternyata persaingan bertambah hebat di kalangan mereka. Hingga membawa impian pemuda, setelah tamat pengajian di universiti; berlumba-lumba aktif dalam UMNO dengan harapan jadi calon Wakil Rakyat. Soal menang atau kalah, dalam pilihan-raya bukan masalah pokok. Yang penting bertanding atas tiket UMNO. Sebab mereka beranggapan atas tiket UMNO pasti menang.

Sekiranya matlamat pemuda aktif dalam UMNO hanya untuk kepentingan diri, maka harapan bangsa Melayu agar anak bangsanya memperjuangkan kepentingan orang Melayu akan dilupakan saja. Pada anggapan mereka orang Melayu tetap akan hanyut di bumi sendiri kerana mereka sendiri telah begitu ghairah membentuk persaingan dan menimbulkan konflik kepentingan yang bermaharajalela di kalangan mereka.

Tamrin Ghafar anak Timbalan Perdana Menteri kalau ditinjau dari sudut kepentingan kepimpinan dalam masyarakat Melayu, seolah-olah kemampuan beliau sebagai anggota pimpinan politik Melayu belum boleh diketengahkan. Kelihatan Tamrin seolah-olah belum memenuhi syarat sebagai pemimpin. Intelektual adalah salah satu syarat (masa kini) yang diperlukan sebagai anggota pimpinan Melayu. Tamrin kelihatan macam "kosong" seolah-olah atau mungkin ibarat macam

“knock out”. Dan hal ini tergantung penilaian seseorang yang membuat sorotan.

Kemampuan Tamrin seolah-olah hanya dalam bidang laga kawan-kawan politik, demi kepentingan politik diri. Biasanya orang yang tidak berkemampuan dari segi penggunaan intelektual akan menggunakan bakat melaga-laga kawan agar mencapai mobiliti vertikal (bagi status politik). Tamrin yang kelihatan seolah-olah kehilangan (mungkin) punca intelektual seakan-akan bergantung pada metode tersebut. Setelah mencapai kedudukan politik beliau kelihatan macam (seolah-olah) seperti hendak menjatuhkan kawannya semula. Mungkin kerana sikap tersebut Tamrin gagal dalam pemilihan EXCO Pergerakan Pemuda 1986.

Di kalangan Pemuda UMNO kedengaran desas desus yang seolah-olah mengatakan Tamrin cenderung menggunakan nama bapanya Ghafar Baba bila menghadapi suatu keadaan yang sulit, juga bila mahukan sesuatu yang berhubung dengan kepentingan diri.

Kalau dilihat perkembangan Tamrin dari sudut bisnes, kelihatan seolah-olah bukan usahawan yang berkaliber. Di kalangan ahli-ahli perniagaan timbul tanda tanya bagaimana Tamrin muncul dengan mendadak dalam dunia perniagaan. Dari apa yang

kita dengar Tamrin seolah-olah seperti menggunakan fasiliti politik bagi mencapai tujuan bisnes. Beliau dan rakan niaga usahawan Cina dengar dari percakapan orang kononnya gagal dalam usaha perjuangan perniagaan.

Tamrin dan rakannya Nazri Aziz yang juga menjadi cerita percakapan orang-orang politik kononnya ada khabar yang mereka ada "story" yang dihubungkan dengan Talasco Berhad.

Ketika Pergerakan Pemuda UMNO di bawah pimpinan Suhaimi Haji Kamaruddin, beliau telah melantik Nazri Aziz (Mohammed Nazri Bin Tan Sri Abdul Aziz) sesuai dengan politik Pergerakan Pemuda melantik anggota EXCO di bawah umur 30 tahun. Harapan Suhaimi agar Nazri dapat latihan sebagai pemimpin pelapis dalam Pergerakan Pemuda UMNO. Kriteria yang digunakan Suhaimi dalam perlantikan tersebut mungkin mengikut ukuran personal seperti anak Tan Sri. Kebetulan hubungan sudah terjalin. Tapi yang mengecewakan kita bila Nazri Aziz diberi kepercayaan untuk memimpin bisnes UMNO iaitu Talasco Berhad; beliau tidak mampu membangun Talasco Berhad untuk kepentingan UMNO. Nazri Aziz malah kelihatan seolah-olah menggunakan Talasco Berhad untuk kepentingan diri. Antara lain kelihatan semacam menggunakan fasiliti Talasco bagi mengukuhkan kedudukan beliau dalam pergerakan pemuda. Tidak hairanlah kita



kalau terdapat desas desus mengatakan Talasco Berhad menghadapi krisis kewangan.

Bila Nazri tidak dipilih sebagai calon Ahli Dewan Undangan Negeri Perak yang membawa pada status EXCO Kerajaan Negeri, beliau kecewa; kesan dari kekecewaan itu beliau dikatakan telah bergabung tenaga dan fikiran membantu Syed Hamid Albar menentang Anwar Ibrahim dalam pemilihan Ketua Pemuda 1986. Bila Syed Hamid Albar tewas Nazri pun turut kecewa.

Persaingan dalam pergerakan pemuda lebih mencerminkan persaingan untuk memenuhi kepentingan diri. Nafsu besar di kalangan pemimpin-pemimpin Pergerakan Pemuda haruslah disalurkan pada maruah bangsa. Persaingan dalam parti hanya amalan demokrasi.

Dr. Mahathir telah melantik pemimpin-pemimpin Pergerakan Pemuda UMNO memegang jawatan dalam kabinet kerajaan. Dari segi memupuk dan membina pemimpin UMNO akan datang memang sangat berfaeah, tapi dari segi cara melatih mereka (pemuda) dalam jawatan kabinet terdapat kesilapan.

Kita maklum, kepentingan diri lebih kuat menguasai diri dari kepentingan perjuangan bangsa. Ada pula di antara mereka (pemimpin pemuda) tidak mempunyai kemampuan berfikir dari segi kepentingan orang Melayu.

Sebagai contoh terlalu awal melantik Naib Ketua Pemuda UMNO Najib Tun Abdul Razak


*Tamrin Ghafar*

*Kurang kemampuan intelektual sebagai pemimpin politik dan pemimpin Melayu, banyak bergantung kepada pengaruh orangtua.*



**Nazri Aziz:**

*Exco Pergerakan Pemuda UMNO yang kecewa kerana tidak terpilih sebagai calon ahli Dewan Undangan Negeri (Perak) yang mimpikan exco kerajaan negeri.*



**Suhaimi Kamaruddin:**

*Bekas Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang sudah tumpul taring politik. Kurang memahami erti sebenar perjuangan Melayu.*



sebagai Menteri Kebudayaan Belia Dan Sukan. Nampaknya beliau belum mampu berfikir atas landasan kepentingan orang Melayu. Dan kelihatannya beliau belum pernah membuat gagasan yang mencerminkan kepentingan orang Melayu.

Beliau diangkat sebagai Pengerusi Petronas setelah tamat pengajian sarjana muda dari London oleh bapa saudaranya Hussein Onn. Beliau masuk UMNO. Kenaikan dalam UMNO kerana penyokong-penyokong UMNO respek pada ayahandanya Allahyarham Tun Abdul Razak dan bapa saudaranya Hussein Onn. Sebab itulah, beliau telah menang tanpa bertanding Naib Ketua Pemuda UMNO.

Setelah memegang Pengerusi Petronas, beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos. Kemudian beliau dilantik sebagai Menteri Besar Pahang dan mendapat sambutan yang baik dari pihak Istana. Semasa bertugas Menteri Besar, Najib kelihatan tidak menampilkan idea-idea baru untuk kepentingan masyarakat Melayu Pahang. Sepatutnya dari segi menyusun tenaga pemimpin pelapis, beliau masih dalam latihan sebagai Setiausaha Parlimen. Pendek kata Najib belum ada keyakinan dan vision dan berpandangan jauh.

Orang yang berkemampuan seperti Rahim Bakar, pihak Istana pula tidak senang dengan cara pemerintahan beliau ketika memegang jawatan Menteri Besar Pahang. Kerana beliau (Rahim

Bakar) tidak tunduk kehendak Istana. Beliau lebih mementingkan kehendak rakyat.

Begitu juga pelantikan pemimpin-pemimpin pemuda sebagai anggota Dewan Rakyat belum memberi kesan yang baik kerana mungkin mereka cenderung bersikap menggunakan kesempatan bagi memenuhi kepentingan diri sendiri. Kita tahu orang muda masih banyak tuntutan hidup yang perlu digarap dan akibatnya akan mempengaruhi tugas sebagai wakil rakyat.

Sepatutnya pemimpin-pemimpin pemuda yang hendak di bawa ke parlimen patutlah dilatih pada peringkat Dewan Undangan Negeri terlebih dahulu. Sebagai contoh Ahli Parlimen Pendang, Kedah Osman Abdul sepatutnya beliau dilatih sebagai Ahli Majlis Dewan Undangan Negeri kerana kemampuan seolah-olah kelihatan belum matang sebagai wakil di Parlimen, dan kemampuan berhujah sudah tentu melambangkan kemampuan idea yang tidak mewarisi kepentingan orang Melayu. Kemampuan idea hanya sekadar pegawai tadbir.

Tokoh pemuda UMNO yang hendak dilantik dalam kabinet, perlulah dilatih dahulu dari peringkat bawah sepertimana yang telah Dr. Mahathir membimbing dan membentuk Megat Junid. beliau telah menampakkan suatu garis perjuangan yang dapat dikatakan mewarisi nilai-nilai kepimpinan dari Perdana Menteri. Beliau yang dilatih dari peringkat Setiausaha Politik kini

***Najib Tun Razak:***

*Kepimpinan politik yang belum matang, masih pada tahap pembelajaran, mendapat sokongan politik kerana respek dan jasa orang tuanya.*



**Osman Abdul:**

*Wakil rakyat yang perlu latihan berfikir secara logik atas kepentingan rakyat bukan sekadar mencari populariti di Parlimen.*





telah mula memberi gagasan yang mencerminkan kepentingan orang Melayu. Beliau layak dan berkemampuan sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri. Megat Junid memiliki sikap dan nilai-nilai pentadbiran yang sudah diasuh dan diuji.

Dr. Mahathir telah membuat keputusan yang bijak dan patut kita bangga bila Anwar Ibrahim dilibatkan dalam kabinet kerajaan. Tokoh pemimpin pemuda Anwar Ibrahim dilibatkan dalam kabinet kerajaan. Tokoh pemimpin Anwar Ibrahim adalah seorang yang jujur dan ikhlas dalam perjuangan membela nasib orang Melayu. Tidak memperdulikan kepentingan diri. Masa hidupnya hanya untuk memikirkan kemiskinan orang Melayu dan menegakkan ajaran Islam.

Tapi sayang, Anwar Ibrahim dari awal lagi sudah terkena pil 'sindrom', banyak sangat makan ubat. Entah apa sakitnya, kita tidak faham semoga Allah Yang Maha Kuasa panjangkan umurnya. Kalau umur panjang kita juga bimbang, takut kalau-kalau beliau disabotaj oleh kelompok dalam UMNO yang tidak senang dengan perjuangan Anwar. Mereka cemburu melihat bintang Anwar menyinar menuju kerusi Perdana Menteri yang ke enam. Telah kita maklum hasad dengki masih kuat bermastautin dalam diri pemimpin-pemimpin UMNO, sebagaimana yang kita maklum hasad dengki telah menjadi adat resam orang Melayu.

Kepimpinan Anwar Ibrahim sudah amat jelas

pada kita mempunyai kualiti yang diperlukan oleh orang Melayu. Kita hairan mengapa masih terdapat pemimpin-pemimpin UMNO yang mahu mencabar kepimpinan Anwar Ibrahim.

Dalam pemilihan Ketua Pergerakan Pemuda 1986, beliau telah ditentang oleh Syed Hamid Albar. Alam demokrasi memang menghendaki pertandingan bagi merebut jawatan politik. Amalan demokrasi haruslah pula dilihat pada situasi dan kondisi masyarakat setempat.

Masyarakat Melayu (buat masa ini) memang ketandusan pemimpin seperti Anwar Ibrahim, tidak mementingkan diri sendiri dan mempunyai kepimpinan demokrasi yang pro Melayu. Di kalangan pemerhati politik berpendapat Syed Hamid Albar memberi cabaran pada kepimpinan Anwar kerana beliau 'latah' terhadap golongan yang tidak senang dengan Anwar yang kuat ke Islamannya. Dan melihat kepimpinan Anwar susah mendapat peluang bagi mengisi kepentingan kelompok mereka.

Persaingan dan konflik kepentingan bukan sahaja dalam badan pemuda, malah dalam UMNO sendiri, perebutan jawatan politik atau jawatan dalam parti telah menjadi satu amalan yang kadang-kadang membawa frustrasi di kalangan mereka yang tewas.

Kadang-kadang cara berkempen untuk merebut sesuatu jawatan telah membawa padah yang memberi kesan perpecahan di kalangan mereka

**Anwar Ibrahim:**

*Menteri pelajaran yang dilanda pil sindrom*



**Megat Junid Megat Ayub:**

*Telah diasuh sebagai antara barisan pemimpin Melayu berpontesi akan datang.*



sendiri. Bukan itu saja malah amalan berkempen yang tidak sihat seperti menggunakan wang dan janji-janji. Secara rasmi pemimpin-pemimpin UMNO telah mengakui kesan buruk dari politik wang itu.

Wang telah digunakan sebagai alat bagi mendapatkan sokongan. Wang digunakan untuk jamuan politik, wang saku untuk pelemas bagi membeli anggota-anggota parti yang akan memberi sokongan pada seorang calon.

Pemimpin-pemimpin UMNO memiliki kebolehan yang hebat dalam rangka menjatuhkan seseorang yang tidak disenangi atau tokoh yang menjadi penghalang karier politik pemimpin lain. Kepintaran mengatur 'catur' permainan bagi menjatuhkan lawan, bukan lagi perkara baru dalam UMNO. Malah ada yang sanggup berdukun (atau bomoh) bagi melenyapkan ketokohan politik pemimpin yang tidak disenangi. Cucuk mencucuk, lobi melobi dan sampai pada fitnah yang tajam telah mengkristal dalam jiwa dan kepala pemimpin-pemimpin UMNO.

Soal bagaimana mereka melancarkan 'jarum' fitnah anda pun dapat bayangkan. Tidak perlu dipersoalkan lagi. Akibatnya 'dendam' dari pihak yang dijatuhkan akan menjadi 'dendam kesuma' yang tidak akan lenyap.

Musa Hitam gulung tikar dari kabinet bukan kerana merajuk gaya pemerintahan Dr. Mahathir,

tapi faktor 'meradang' terhadap pemimpin-pemimpin UMNO yang tidak senang melihat gelagat pentadbiran dan gaya politik Musa Hitam. Dalam hati beliau pasti wujud 'dendam' terhadap pemimpin-pemimpin yang telah berjaya memasukkan jarum fitnah hingga beliau 'bungkus' dan lari dari Timbalan Perdana Menteri.

Andai kata, Musa Hitam bertanding jawaan presiden UMNO 1987 bermakna beliau bukan menentang Dr. Mahathir tapi kerana dendam terhadap pemimpin-pemimpin UMNO lain yang telah memusnahkan karier beliau sebagai seorang negarawan. Oleh kerana tidak ada alternatif lain bagi melepaskan dendam sukma terhadap pemimpin-pemimpin yang benci padanya, terpaksa beliau bertanding kerusi Presiden UMNO.

Kalau beliau menang Presiden UMNO 1987, mampuslah mereka di lanyak atau di saiko atau pun ditendang keluar dari jawatan politik dan kerajaan. Andai kata Dr. Mahathir meletak jawatan sebagai Presiden dan Perdana Menteri sebelum Persidangan UMNO tahun 1987, sudah tentu Musa akan 'bertakhta' sebagai Pemangku Presiden UMNO dan Pemangku Perdana Menteri. Pada ketika itu panaslah punggung pemimpin-pemimpin yang terlibat. Dan Musa Hitam akan menyanyi lagu 'Yang Ku Benci'.

Antara pemimpin-pemimpin yang menjadi musuh Musa Hitam kalau berjumpa atau berse-

muka memanglah bersalaman dan bercakap-cakap seperti biasa. Api dendam pembalasan tetap berligar dalam kepala. Hanya menunggu masa. Sebab itulah dalam perhimpunan Agung UMNO, kita nampak mereka berpura-pura bersatu, dalam hati Allah saja yang tahu. Kami rasa Perhimpunan Agung UMNO adalah medan berpura-pura. Kami rasa Perhimpunan Agung UMNO adalah pusat hipokrit dan ada pula talam empat muka. Apa yang tersirat dari cerita ini menunjukkan orang Melayu gemar pada pembalasan dendam dan sekaligus ingin menjatuhkan orang lain yang sebangsa dan seagama.

Kecenderungan orang politik khususnya di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO iaitu suka memperlihatkan kuasa sebagai pemimpin dalam masyarakat setempat. Katakanlah seorang pemimpin di peringkat cawangan atau bahagian secara tidak sedar akan terbawa dengan karekter suka mengampu pemimpin yang di atas.

Sebagai contoh seorang ketua bahagian UMNO Kuala Kemah akan mengikut apa yang dikatakan oleh ketua perhubungan UMNO negeri Kemah, cara dia mengikut perintah yang menjadi tanda tanya, apakah ketua bahagian itu mengikut perintah memahami apa yang disuruh atau pura-pura memahami ataupun tidak memahami langsung kerana lebih mementingkan cara mengampu. Oleh yang demikian ketua bahagian yang suka mengampu pimpinan di atasnya sudah

tentu merosakkan nilai kebaikan dari UMNO. Biasanya orang yang mengampu atau sebagai 'yesman' cenderung bertindak memenuhi kepentingan diri. Bila terdapat penyokong UMNO yang cuba membangkang kehendak ketua bahagian, si pemimpin berusaha menendang keluar orang tersebut dari parti. Keadaan seperti ini selalu berlaku pada kebanyakan bahagian-bahangi UMNO.

Suatu karekter yang dapat kita perhatikan ketika musim pemilihan ketua bahagian, maka para pemimpin cawangan akan menjadi 'kenyang'. Pada waktu inilah si ketua bahagian akan mengarak mereka ke sana ke mari dengan tujuan 'mengampu' ketua cawangan agar pada pemilihan nanti dapat memberi sokongan kepada ketua bahagian yang sedang mengampunya. Bukan saja perutnya menjadi buncit dengan segala makanan sedap malah poketnya juga menjadi 'kembong'. Waktu ini si ketua cawangan akan 'panen' duit.

Dan pada ketika ini ketua akan berlagak sebagai 'hero' dan merasa megah di kalangan ahli-ahli kawasannya. Apatah lagi kalau dia berjalan bersama wakil rakyat atau kebetulan pula wakil rakyat itu seorang menteri atau timbalan menteri, lagilah kembang punggungnya. Jalannya pun membuka dada. Berjalan seolah-olah dia yang menjadi menteri. Macam kadok naik junjung.

Ramai pemimpin-pemimpin UMNO peringkat



bahagian akan berusaha mencari kemewahan material melalui politik. Walaupun tidak tahu tentang perniagaan. Mereka menggunakan kuasa dalam parti sebagai landasan atau modal perniagaan. Yang tidak bermodal akan meminta lesen (berbagai jenis lesen) pada pemimpin atasan mereka. Kalau tidak diberi mereka mengancam. Bila mendapat lesen, yang di cari si Ah Chong. Akhirnya si Ah Chong mendapat untung besar. Pendek kata mereka cuba mendekatkan diri dengan Menteri atau Timbalan Menteri agar mendapat kemudahan.

Katakanlah (contoh olok-olok) ketua pemuda dari UMNO bahagian Kuala Kemah, beliau berangan-angan hendak membuka projek perumahan dan kebetulan terdapat tanah kerajaan yang boleh dimenafaatkan untuk projek tersebut. Beliau akan menggunakan segala punca politik yang ada untuk mendapat tanah tersebut. Bila sudah dapat sudah tentu memerlukan sedikit modal dan caranya dengan mengajak si Ah Leng menjadi rakan perkongsian dalam projek tersebut. Sudah tentu si Ah Leng akan mengeluarkan segala perbelanjaan dari peringkat awal hingga selesai projek. Apabila terdapat kesukaran yang berhubung dengan kerajaan si Ketua Pemuda itu akan berjumpa dengan menteri yang dapat menolongnya. Biasanya menteri yang terlibat akan memberi pertolongan yang cepat kerana pada satu ketika

perjuangan perut telah mengatasi perjuangan parti terjadilah suatu perjuangan orang politik yang lari dari landasan sebenar.

Apa yang penting pemilihan seseorang tokoh parti untuk memimpin UMNO negeri hendaklah memenuhi kehendak parti atau kepentingan parti. Begitu juga perlantikan pemimpin parti sebagai ketua kerajaan negeri hendaklah memenuhi kehendak pembangunan. Ungkapan tersebut dapat dilihat pada UMNO Kedah.

Sebagai contoh UMNO Kedah telah dapat membuat pilihan yang tepat melantik seorang pemimpin UMNO negeri dan ketua kerajaan negeri yang sesuai dengan selera rakyat Kedah dan kehendak pembangunan. Osman Aroff (Dato') pucuk pimpinan UMNO Kedah dan sebagai Menteri Besar yang berjiwa rakyat dan memahami kehendak pembangunan rakyat. Bukan itu saja malah Osman Aroff memperlihatkan kemampuan sebagai pentadbir yang mencerminkan pentadbiran pro Melayu. Dan sekaligus memperlihatkan kelicinan polisi perpaduan kaum.

Sebagai Menteri Besar dan pucuk pimpinan UMNO Negeri Kedah, Osman Aroff mempersembahkan profil politikus yang matang dan sebagai ketua kerajaan Kedah yang matang tentang pembangunan rakyat.

Sudah agak lama memimpin UMNO Negeri Kedah (setelah Syed Nahar Shahabudin) Osman

Aroff, mampu mengatur strategi meningkatkan pengaruh UMNO di Kedah. Beliau kelihatan berjaya menghadapi strategi politik Fadzil Noor dari PAS. Beliau (Osman Aroff) kelihatan memahami konsep politik Velfredo Pareto.

Kemampuan berfikir Osman Aroff yang konstruktif (constructive) tentang strategi politik menyebabkan pengaruh PAS makin malap di Kedah. Beliau boleh diketengahkan dalam arena UMNO pusat (UMNO Malaysia) kerana kebijaksanaan politik beliau dapat memberi sumbangan pada peringkat nasional.

Osman Aroff menampakkan dirinya sebagai political engineer (enginer politik) pada bangsa Melayu sebab kepimpinan politik beliau menampilkan gagasan yang mencerminkan kepentingan Melayu. Beliau telah menampakkan wajah pemimpin dari rakyat dan untuk rakyat. Tidak seperti Menteri Besar Kedah yang silam.

Semasa memegang jawatan EXCO kerajaan Negeri Kedah (ketika Syed Nahar Menteri Besar), Osman Aroff sudah kelihatan mempunyai kemampuan dalam menanggapi konsep pentadbiran kerajaan negeri yang pro Melayu. Sesuai dengan wataknya, tidak kira siapa mudah berjumpa dengan beliau. Masalah segera cuba diselesaikan dengan cara yang

bijaksana. Dari cakapan orang ramai di Kedah Osman Aroff memang layak memegang jawatan Menteri Besar Kedah. Kelihatan Osman Aroff memiliki daya persepsi dengan orang ramai lebih terbuka dalam cara tindakannya. Kalau diperhatikan secara mendalam Osman Aroff telah mewarisi nilai-nilai kepimpinan ala Dr. Mahathir.

Sejak dilantik sebagai Menteri Besar Kedah hingga sekarang, Osman Aroff kelihatan tidak meraba-raba mencari konsep pentadbiran yang dapat menjamin kepentingan Masyarakat Melayu Kedah. Tambahan pula beliau mempunyai tokoh-tokoh politik dan pentadbiran yang berkaliber seperti Saad Man (EX-CO Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia) yang mampu menggerakkan kehendak rakyat. Juga dibantu oleh para Intelektual Kedah seperti Dr. Affifudin dan lain-lain.

Persoalan perpecahan masyarakat Melayu Kedah telah mendapat perhatian dari Osman Aroff. Beliau telah menanggapi secara serious perbalahan yang terjadi di kalangan orang Melayu Kedah antara penganut PAS dan pengikut UMNO. Kita perlukan pemimpin seperti Osman Aroff demi perpaduan Melayu.

Persaingan antara pemimpin-pemimpin dalam PAS tidaklah menyolok sepertimana dalam

nanti si Ketua Pemuda itu amat diperlukannya untuk kepentingan politik. Dan akhir dari usahasama itu si Ah Leng yang untung besar dan Ketua bahagian hanya dapat bergaya dengan kereta BMW tujuh siri dan rumah kembar dua. Dari cerita tersebut kita dapat membuat kesimpulan kebanyakan mental pemimpin bahagian cenderung ke arah menggunakan kuasa dalam parti untuk kepentingan diri.

Sering terdapat hasad dengki di kalangan pemimpin-pemimpin bahagian bagi menjatuhkan pemimpin yang lain. Kegiatan saling menjatuhkan lawan tidak dapat dielakkan kerana masing-masing pihak mempunyai motif tersendiri. Golongan yang pro pada seseorang pemimpin akan berusaha menjatuhkan pemimpin lain dengan berbagai tipu helah dan menggunakan kekuatan wang. Si pemimpin yang mempunyai banyak wang akan menghamburkan wang untuk membeli orang-orang tertentu yang mempunyai pengaruh bagi menjatuhkan pemimpin yang tidak disenangi itu.

Pemimpin-pemimpin khususnya di kalangan UMNO cenderung bertindak di luar garis perjuangan parti. Sedangkan parti menghendaki penyatuan di kalangan ahli-ahli dan parti amat memerlukan perpaduan di antara pemimpin-pemimpin dan anggota-anggota parti. Oleh kerana

UMNO. Kerana PAS tidak memegang kuasa pemerintahan. Cuma PAS mengalami perpecahan dalam parti, iaitu perpecahan antara pemimpin dengan pemimpin.

Sejarah PAS telah menerangkan perpecahan mula berlaku dalam parti antara tokoh-tokoh Haji Ahmad Fuad, Zulkiflee Muhammad dan Haji Othman Abdullah. Hj. Ahmad Fuad telah meletakkan jawatan sebagai Presiden PAS. Perpecahan juga berlaku antara pemimpin-pemimpin PAS pusat dengan pemimpin PAS negeri (Terengganu). Dalam tahun 1959. Ahmad Azam dan pengikut-pengikutnya telah keluar dari PAS kerana pemimpin-pemimpin PAS pusat tidak mahu menyerahkan kuasa parti negeri kepada beliau.

Di zaman Asri Muda sebagai pucuk pimpinan, parti PAS telah mengalami perpecahan yang paling teruk. Menjelang pilihanraya 1969 ramai pemimpin-pemimpin PAS Kelantan telah masuk UMNO. Perpecahan terus menimpa PAS bila Abu Bakar Hamzah, Mohamad Fakarudin dan Amaluddin Darus telah disingkirkan dari parti.

PAS mengalami perpecahan yang paling teruk sekali khususnya di Kelantan bila Allahyarham Tun Razak melantik Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan, (pada ketika ini PAS dalam Barisan Nasional) Asri mahukan orang kanannya dilantik sebagai Menteri Besar. Akhir-

nya pemimpin-pemimpin PAS dan penyokong-penyokong parti di Kelantan menubuhkan parti Berjasa (setelah Mageran di Kelantan). Peristiwa perpecahan PAS di Kelantan merupakan 'titik hitam' dalam kepimpinan Asri.

Perpecahan dalam PAS sebenarnya memberi faedah pada perpaduan orang Melayu. Atas kesedaran kuasa politik orang Melayu.

# 13

## **Krisis Kepercayaan Sesama Melayu**

Kalau kita perhatikan manusia Melayu yang mempunyai gelaran bangsawan dari istana (Datuk, Tan Sri, Datuk Sri) telah meletakkan diri mereka sebagai kumpulan orang Melayu yang tersendiri. Mereka cuba membentuk identiti yang mengasingkan diri dari orang Melayu biasa. Seolah-olah ada garis pemisah antara golongan mereka dengan rakyat biasa. Apatah lagi mereka membuang tradisi kehidupan kampung.

Kebanyakan dari elite Melayu berasal dari kampung. Dahulunya semasa kanak-kanak pernah sarapan pagi ubi kayu rebus, pulut dengan ikan masin dan nasi sambal belacan. Di antara mereka pernah bergelumang dengan lumpur, dan mandi



air telaga (perigi). Pergi ke sekolah tak bersepatu, berbasikal dan ada pula berjalan kaki ke sekolah. Kisah hidup begini, pada suatu ketika pasti mereka akan terkenang.

Kalau dilihat pada sejarah hidup (mereka) ketika mula bekerja (makan gaji) di kelilingi dengan segala macam hutang. Perbelanjaan hidup harian selalu tidak cukup. Setelah sekian lama bekerja dan telah pandai bermain politik Kebetulan nasib pula baik dapatlah memegang jawatan politik yang memberi banyak keuntungan pada diri dan keluarga mereka. Tambahan pula ada di antara mereka mendapat jawatan tinggi dalam kerajaan, bermulalah suatu arena baru dalam kehidupan mereka.

Mereka tidak pandai lagi makan di warung atau restoran kecil, telah mula kenal coffee house di hotel five star, tidak lagi pandai berbelanja di kedai runcit, sudah pandai shopping di toko serba ada (supermarket) di kompleks mewah. Berpakaian, kalau dulu hanya kain biasa, tapi sekarang sudah pandai dengan jenis pakaian yang bertrade mark Bally, Piere Cardin dan Lenvin serta berbagai macam lagi. Ada pula di antara mereka tidak pandai lagi shopping di Kuala Lumpur, sudah tahu shopping di Singapura, Hong Kong atau London.

Kalau dulu hanya pakai kereta Jepun tapi sekarang sudah tidak sesuai lagi, perlu Mercedes

atau BMW. Kalau dulu rumah biasa tapi sekarang perlu rumah punya rock garden dan air mancur. Begitulah hidup ini, bila ada wang hidup pun berubah.

Kita tidak cemburu malah kita berbangga melihat anak Melayu telah dapat menikmati alam demokrasi dan alam merdeka. Kita bangga melihat anak Melayu sudah mempunyai taraf kehidupan yang sesuai dengan kehendak zaman. Kita bangga mereka dapat mencari kekayaan sepertimana yang Allah suruh.

Tapi satu hal yang paling kita marah dan sudah tentu kita kecewa bila perjuangan hidup sama sekali mereka lupa pada kepentingan bangsa. Mereka lupa kelangsungan perjuangan mereka bukan sekadar mencari kekayaan untuk mereka sahaja, malah untuk anak cucu mereka. Dan mereka lupa kelangsungan perjuangan untuk generasi seterusnya atau dengan kata lain kesinambungan kepentingan bangsa Melayu.

Sebagai contoh perhatikan bagaimana elite Melayu iaitu bekas pengarah-pengarah Bumiputra Malaysia Finance di Hong Kong yang telah diberi tempat dan kedudukan yang baik dalam institusi kewangan kerajaan dan diamanahkan untuk menjaga kepentingan orang Melayu akhirnya telah memusnahkan harapan bangsa Melayu. Lorraine Osman, Hashim Shamsuddin dan Dr. Rais Saniman mengkhianati kepentingan Melayu demi kepentingan diri sendiri. Sudah tentu kaum lain

**Lorraine Osman:**

*Pemimpin Melayu yang telah digunakan oleh usahawan Cina Hong Kong, akhirnya musnah gara-gara rasuah.*



**Hashim Shamsudin:**

*Ikut serta melingkupkan kepentingan Melayu,  
mudah diperalatkan oleh orang lain*



akan mentertawakan pada orang Melayu.

Di kalangan elite Melayu perjuangan hidup mereka sudah hilang kepercayaan pada bangsa Melayu sendiri. Kalau mereka bercakap, mereka akan melaungkan semangat bangsa Melayu tapi dalam praktikalnya mereka tidak pernah melakukannya. Dan kadang-kadang mereka benci pada orang Melayu.

Di kalangan elite Melayu kalau mereka membuka syarikat perniagaan, kebanyakannya suka mencari partner bisnes dari kaum lain. Mereka tidak percaya pada rakan kongsi dari bangsanya sendiri. Pada anggapan mereka rakan kongsi Melayu tidak punya wang. Tidak punya kontek bisnes yang baik. Dan tidak boleh simpan rahsia.

Belum lagi berusaha menjalankan perniagaan dengan partner dari bangsa sendiri mereka sudah mempunyai suatu kesimpulan negatif terhadap bangsanya sendiri. Andai kata kalau mereka mempunyai minat dan rasa simpati pada bangsa sendiri dan mempunyai kepercayaan sudah tentu boleh berusaha mendapatkan partner Melayu yang bermodal, boleh dipercayai dan berkemampuan dari segi bisnes. Sekiranya sikap negatif ini terus berkembang di kalangan elite Melayu lama kelamaan menjadi adat resam di kalangan elite tidak percaya pada bangsanya sendiri.

Dalam masyarakat Melayu terdapat dua golongan yang mengisi kehidupan ini dengan kegiatan perniagaan dan golongan yang mencari

upah (makan gaji). Kedua-dua golongan ini kebanyakan hanya bergantung pada kegiatan mencari nafkah sahaja dan tidak mempunyai mesej perjuangan hidup untuk kepentingan bangsa dan negara.

Dari pagi hingga ke malam dari minggu ke bulan dari tahun hingga meninggal dunia golongan ini hanya memikirkan tentang sumber rezeki yang boleh menampung kehidupan diri dan keluarga mereka. Tidak pernah terlintas dalam fikiran sesuatu yang berhubung dengan nasib bangsa mereka sendiri (bangsa Melayu) dan tidak pernah berfikir kelanjutan generasi Melayu akan datang. Hidup mereka hanya diisi dengan hiburan atau amal ibadat agama. Ada juga dari golongan ini yang memikirkan keselesaan hidup semata-masa tanpa memikirkan penderitaan orang lain.

Manusia Melayu yang hidupnya hanya untuk perniagaan atau hanya makan upah, telah melepaskan diri mereka dari tanggungjawab sebagai bangsa Melayu. Bukan itu saja malah mereka tidak mahu langsung tahu tentang kehidupan parti politik Melayu. Hanya pada hari pilihanraya mereka keluar membuang undi dan itu pun hanya sekadar menghabiskan waktu percutian saja.

Orang Melayu yang terdapat dalam golongan ini sudah tentu pula tidak mempunyai tanggungjawab terhadap bangsa Melayu. Pada mereka hidup ini hanya untuk mencari wang ringgit dan harta

benda.

Orang Melayu yang termasuk dalam golongan mencari nafkah dengan menerima upah, samada dalam kerajaan atau pun swasta tidak mempunyai sikap dalam masa berkhidmat yang dapat memenuhi tuntutan kepentingan orang Melayu. Maksudnya kalau tugas yang dilakukan dapat merosakkan kepentingan bangsa, mereka tidak membela malah meneruskan tugas yang memberi keuntungan pada mereka tapi melingkupkan kepentingan orang Melayu.

Sebagai contoh seorang kakitangan Lembaga Padi Dan Beras Negara (LPN) yang diamanahkan untuk menjaga setor LPN, lanjutan dari tugasnya itu dia telah berkenalan dengan pemborong Ah Kau. Cara dia menyeleweng iaitu bila si Ah Kau menghantar satu juta karung guni padi beliau akan berpakat dengan Ah Kau mengesahkan penerimaan dari LPN sebanyak dua juta karung guni padi. Dengan cara ini si Ah Kau akan memberi wang poket atau saguhati pada kerani tersebut. Keadaan terus berlanjutan dengan cara yang negatif itu. Jadi dengan demikian secara tidak langsung merugikan LPN dan akibatnya beban kerugian ditanggung oleh negara. Sedangkan negara, kuasa kerajaan dikuasai oleh orang Melayu iaitu UMNO.

Sikap lain yang terdapat di kalangan orang makan upah cenderung menepikan kepentingan bangsa sendiri. Sebagai contoh kalau seseorang itu

bertugas dengan sebuah syarikat swasta kaum lain, kebetulan polisi kerajaan harus mengambil pekerja Melayu seimbang dengan kaum lain. Pengurus personel (orang Melayu) dari syarikat swasta itu tidak mengendahkan arahan dari kerajaan malah dia mementingkan kehendak hati syarikat tersebut. Terjadilah pertentangan di antara polisi kerajaan dengan tugasnya sebagai pengurus perjawatan yang mesti mengikut kehendak syarikat agar mengambil pekerja bukan Melayu. Oleh yang demikian pengurus perjawatan itu dianggap tidak bersimpati pada bangsanya sendiri kerana dia bersikap mementingkan pihak syarikat. Kepentingan kerajaan dalam hal ini supaya mengambil pekerja Melayu agar sesuai dengan kuota yang dikehendaki oleh pemerintah.

Rasa kecewa atau frustrasi di kalangan orang makan gaji terhadap sesama Melayu telah lama berakar umbi di kalangan orang-orang Melayu. Ada yang kecewa terhadap pimpinan Melayu dalam organisasi yang ia bekerja. Ada yang kecewa terhadap majikan kerana majikan tidak memenuhi kehendaknya. Frustrasi yang demikian akan membawa akibat kebencian dan akhirnya bersikap tidak senang atau tidak suka dengan bangsanya sendiri. Hal ini akan menjadi 'benih' konflik jiwa dan akhirnya mahu bertuankan pada kaum lain.

Sekiranya diteliti secara lebih mendalam banyak sekali terdapat kekecewaan atau frustrasi di kalangan orang Melayu yang memberi upah



samada dalam kerajaan atau swasta yang telah memberi kesan yang negatif terhadap keutuhan bangsa Melayu. Secara perlahan-lahan kekecewaan itu meretakkan perpaduan orang Melayu sendiri. Malah frustrasi yang demikian akan menimbulkan konflik sesama orang Melayu.

Di kalangan para peniaga Melayu kepercayaan sesama pengusaha-pengusaha Melayu kelihatan makin lama makin pudar. Pengusaha atau peniaga Melayu samada besar atau kecil lebih mempercayai peniaga dari kaum lain. Keyakinan dalam menjalankan perniagaan samada dalam bentuk rakan niaga atau dalam bentuk urusan niaga, mereka tidak lagi yakin dengan kemampuan orang Melayu sendiri. Sikap yang begini lama kelamaan akan menjadi bertambah kuat di kalangan orang Melayu, bila sikap ini sudah membeku, akhirnya orang Melayu akan hilang tempat pergantungan kepercayaan pada bangsanya sendiri. Akibatnya orang luar atau kaum lain akan mengeksploitasi kepincangan kepercayaan sesama Melayu dan menggunakan ketidakpercayaan sesama Melayu untuk memenuhi kehendak dan kepentingan orang luar.

Bila frustrasi dan ketidakpercayaan sesama Melayu makin lama makin mengkristal dalam jiwa orang Melayu, akhirnya orang Melayu berpecah dalam kumpulan-kumpulan yang lebih kecil. Dan lanjutan dari itu orang Melayu akan diperalat dan dieksploitasi oleh kaum lain.

# 2.0

## GELAGAT PAS DAN SUMBANGSIH UMNO

Dulu, PAS bergantung pada guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah pondok. Institusi pendidikan pondok memberi pelajaran Al-Quran dan kitab-kitab zaman Nabi. PAS juga mendapat sokongan dari guru-guru agama yang tamat dari Kolej Islam Kelang. Juga mendapat bantuan tenaga dan moral dari pertubuhan-pertubuhan agama Islam termasuk badan-badan dakwah.

Pengaruh PAS bergerak mencari imam-imam masjid dan surau. PAS melalui imam-imam telah menggunakan masjid dan surau sebagai markas menyebarkan idea-idea politik. Tidak cukup dengan imam, PAS menambahkan kekuatan tenaga dengan memerangkap pegawai-pegawai

agama Islam yang bertugas dengan Majlis Agama Islam Negeri. Ramai juga pegawai Agama Islam Negeri yang termakan seruan pemimpin-pemimpin PAS.

Guru agama dan pelajar-pelajar pondok, imam-imam plus pegawai-pegawai agama Islam telah menyalurkan pengaruh PAS pada masyarakat kampung. Bagi mengukuhkan lagi pegangan pendakwah-pendakwah parti, PAS telah membentuk Dewan Ulamak sebagai sayap kanan bagi menambah keyakinan tok guru dan Pak Aji serta Pak Lebai bahawa PAS adalah parti Islam. Parti yang mengamalkan ajaran-ajaran Islam. Dewan ulamak telah dapat menimbulkan keyakinan di kalangan penganut PAS.

Akhirnya dalam PAS muncullah golongan ekstrimis dan radikal, kemunculan itu di sebabkan dalam masyarakat Melayu sudah wujud golongan ekstrimis agama Islam.

Sekarang, PAS dikuasai oleh pemimpin-pemimpin radikal yang ekstrimis Islam yang mendapat didikan dari Timur Tengah. Dewasa ini, pengaruh PAS memang hebat ternyata ramai golongan profesional dan intelektual Melayu menyertai pertubuhan PAS.

Perbezaan perjuangan antara PAS dan UMNO hanya terletak pada garis perjuangan. PAS mempunyai garis perjuangan yang berlandaskan pada ajaran-ajaran Islam, sedangkan UMNO mempunyai perjuangan yang lebih liberal iaitu

Islam dan kehidupan di dunia.

Hakikat yang kita nampak sekiranya orang Melayu terus berpecah belah iaitu (katakanlah) lima puluh peratus menyokong UMNO dan lima puluh peratus lagi menyokong PAS bererti suara orang Melayu dalam pilihanraya akan berpecah dua. Orang Melayu akan kehilangan kuasa politik yang majoriti. Dan ini akan merugikan orang Melayu sendiri.

PAS yang hanya mempunyai pengaruh di Semenanjung Malaysia tidak akan dapat memegang atau membentuk kerajaan walaupun melebihi dari undi yang diperolehi UMNO. PAS hanya jadi pembangkang di parlimen dan tidak dapat melaksanakan sesuatu untuk orang Melayu.

Dan sekiranya UMNO merosot dalam pilihanraya bererti kuasa mutlak atau kuasa teraju dalam Barisan Nasional akan tergugat (katakanlah MCA dan GERAKAN mendapat lebih kerusi dari UMNO), pada ketika inilah orang-orang Melayu akan mula menyesal. Pak Aji dan Pak Lebai di kampung akan menyesal kerana menyokong parti PAS pada hari pilihanraya. Akhirnya PAS cuma jadi pembangkang nombor satu dan UMNO tidak dapat bersuara dalam kerajaan dan dalam Barisan Nasional. Cuba anda bayangkan apa akan jadi pada kuasa politik orang Melayu?

Cuba kita perhatikan sejarah lalu, paling indah dan paling selamat kedudukan kuasa politik Melayu bila PAS bercantum dalam Barisan Nasional. Kami dan juga anda yang mempunyai

kesedaran bangsa tentulah merasa bangga bila melihat dua gergasi (parti) Melayu bersatu tenaga dan fikiran membentuk satu kuasa politik, teguh dalam satu wadah. Tapi sayangnya PAS telah dibawa keluar dari Barisan Nasional oleh pemimpin parti (PAS) yang kebetulan mempunyai kepentingan peribadi ketika itu. Sayang, seribu kali sayang. Tapi belum terlambat masih ada waktu untuk merenung dan bertindak segera.

Ketika PAS menjadi anggota dalam Barisan Nasional sangat terang dan nyata pada kita bahawa kuasa politik Melayu amat kuat dan teguh tapi bila PAS keluar dari Barisan Nasional dan tidak mahu lagi bersatu tenaga dengan UMNO maka kita terasa kuasa politik Melayu mulai bergoyang. Betul juga kata pepatah 'Bersatu Teguh Bercerai Roboh'.

Perhatikanlah dalam pilihanraya 1986 terdapat beberapa kawasan majoriti Melayu, undi yang dimenangi oleh UMNO atas tiket Barisan Nasional hanya beberapa undi sahaja. Kenyataan membuktikan pada kita makin lama pengaruh PAS makin berkembang dalam masyarakat Melayu. Tentang ini amat membimbangkan kita. Kita takut undi Melayu akan menghancurkan orang Melayu sendiri.

Ketika PAS berada dalam Barisan Nasional, dan di waktu pilihanraya; calon-calon ahli parlimen Barisan Nasional (UMNO dan PAS) dan ahli Dewan Undangan Negeri kebanyakan menang tanpa bertanding. Sebab parti pembangkang tidak

meletakkan calon mereka di kawasan-kawasan yang majoriti orang Melayu yang menjadi ahli UMNO dan PAS.

Nampaklah pada kita bahawa kuasa politik orang Melayu kini akan datang adalah terletak pada pengaruh UMNO dan PAS. Tidak mungkin parti-parti daif yang hidup segan dan mati tak mahu dapat menguasai orang Melayu. Buat masa lima tahun ini kuasa politik Melayu masih selamat. Bimbang akan datang, sekiranya pengaruh PAS makin merebak dan kuat, kebetulan pula PAS tidak mahu berganding bahu dengan UMNO, maka rosaklah dan akan berkecailah kuasa politik orang Melayu dalam pemerintahan atau dengan kata lain dalam kerajaan.

Persaingan antara UMNO dan PAS mencari pengaruh di kalangan orang Melayu telah membawa kesan yang buruk terhadap orang Melayu sendiri. Hal ini dapat kita perhatikan gelagat pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS, serta gelagat antara pengikut dan penyokong kedua parti tersebut.

Cuba kita perhatikan pertentangan yang berlaku antara pemimpin-pemimpin PAS dan UMNO di mana masing-masing pihak mendakwa mereka-lah yang betul.

UMNO kata perjuangannya benar dan menjamin kemajuan masyarakat Melayu dalam bidang kebendaan dan agama Islam sedangkan PAS pula kata UMNO tidak turut segala yang diperintahkan oleh Allah dan Rasul. Pemimpin-pemimpin PAS

mahu orang Melayu dan masyarakat Malaysia ditakbirkan dengan cara pemerintahan Islam sejati.

Gelagat PAS dapat diperhatikan pada cara-cara kedua parti tersebut mencari dan mendapatkan sokongan dari orang Melayu. Cara pemimpin-pemimpin PAS memberi ceramah menarik perhatian kita. Sebab setiap kali pemimpin PAS yang berkelibar seperti Haji Hadi menyampaikan ceramah agama dan politik ramai pengikut parti datang dari berbagai pelusuk daerah mendengar ucapan beliau.

Orang Melayu yang mendengar ceramah PAS telah menerima unsur-unsur yang membawa pertelingkahan dikalangan masyarakat Melayu. Mereka bertindak dan menyingkirkan penyokong UMNO. Hal ini dapat kita perhatikan misalnya bila terdapat upacara pernikahan antara teruna UMNO dengan dara PAS maka akad nikah perkahwinan itu tidak sah dan ini pernah terjadi di negeri Kedah di kawasan pendalaman hingga membawa huru hara acara perkahwinan tersebut. Pada hal kedua pasangan pengantin tersebut sudah bercinta sekian lama dan percintaan mereka macam Rumi dan Juli. Akibat dari sikap fanatik fahaman parti, kedua uda dan dara terpaksa mengorbankan cinta mereka dan mereka tidak jadi kahwin.

Tafsiran dari pengikut parti tentang apa yang diucapkan oleh pemimpin-pemimpin PAS mung-

kin terdapat kekeliruan atau mungkin juga benar segala apa yang diarah dan dilarang oleh pemimpin parti. Sebab pemimpin parti berusaha untuk mencari pengaruh dengan menambahkan sokongan pada mereka.

Puak UMNO wujud kerana mereka ditolak oleh puak PAS, sedangkan puak PAS membawa diri mereka (kelompok) sendiri. Akhirnya terjadilah apa yang kita nampak sekarang orang-orang PAS pergi sembahyang di madrasah mereka sendiri, dan orang-orang UMNO pula pergi ke madrasah mereka. Hingga kenduri kendara pun mereka pulaukan. Tidak mempedulikan langsung kerabat mereka. Semua apa yang dilakukan oleh orang-orang UMNO adalah haram. Hingga ada pula yang sanggup mengatakan perbuatan orang-orang UMNO banyak yang berbau perbuatan kafir.

Sayu, rasanya hati; masyarakat Melayu kampung mudah di persona oleh pemimpin-pemimpin politik, sedangkan mereka (rakyat kampung) sendiri tidak tahu dan tidak sedar bahawa politik itu tidak sama dengan ajaran Islam.

Selain dari ceramah politik, PAS juga telah melancarkan serangan ke atas UMNO dengan cara mengedarkan kaset-kaset yang berisi hujah-hujah yang membenarkan perjuangan parti PAS.

Kini terdapat banyak kaset-kaset ceramah politik yang dianjurkan oleh PAS. Di antara kaset ceramah yang paling menarik adalah ceramah politik Haji Hadi Awang.



Haji Hadi memang mempunyai **bakat alam** dalam rangka pidato politik. Beliau mampu membuat para pendengar ceramah terpegun dengan segala hujahnya. Dan kita akui kebolehan yang luar biasa dari Haji Hadi.

Kemampuan beliau mengeluarkan falsafah dan keterangan-keterangan dari sejarah silam dengan hadis dan sunnah nabi memang dapat memikat setiap pendengar. Kebolehan ini merupakan kebolehan semulajadi. Dr. Mahathir pun tidak mampu bercakap atau berpidato sehebat Haji Hadi.

Boleh dikatakan setiap orang yang mendengar ceramah politik Haji Hadi akan mengakui kebenaran akan ucapannya. Beliau mempunyai pengetahuan yang cukup luas terutama dalam bidang sejarah dan Hukum Islam. Dan beliau menguasai secara mendalam tentang hadis-hadis nabi.

Kemampuannya lagi dapat menghubungkan segala kenyataan yang ada pada hari ini dengan kisah sejarah masa silam. Dan beliau dapat mengaitkan antara satu keadaan dan menghubungkan dengan keadaan yang berhubungan dengan masalah yang dibangkitkan.

Apa yang menarik perhatian kita adalah ilmu pengetahuan yang dimilikinya dan kemampuan berpidato telah dapat mengubah perhatian pendengar ceramah dan sekaligus dapat menanam

**Haji Hadi Awang:**

*Pemimpin PAS yang mampu meyakinkan pengikut-pengikut parti bahawa perjuangan PAS seolah-olah direstui Allah.*



semangat dan kepercayaan tentang perjuangan Islam.

Dari ceramah-ceramah politik Haji Hadi, hari demi hari, minggu demi minggu, bulan demi bulan dan tahun demi tahun masyarakat Melayu akan mengasosiasikan perjuangan parti PAS dengan perjuangan Islam.

Di sinilah letak ketokohan Haji Hadi dapat menambah jumlah ahli-ahli PAS dari masa ke semasa dan menambah pengetahuan dan nilai-nilai Islam yang membahagiakan para pendengar-nya.

Dari ketokohan dan kemampuan Haji Hadi, bererti PAS telah mampu menggunakan taktik melalui ceramah bagi menambah jumlah anggota-anggota masyarakat Melayu yang menerima perjuangan parti PAS sebagai perjuangan Islam. Nampaknya, taktik melalui ceramah adalah suatu taktik yang amat berkesan bagi menambah jumlah ahli-ahli PAS secara perlahan-lahan.

Kalau kita perhatikan pula parti UMNO yang menjadi tulang belakang dalam Barisan Nasional, tidak mempunyai seorang tokoh pun yang setanding dan semampu Haji Hadi dari PAS. UMNO tidak dapat menarik dan menambah jumlah anggota parti dengan cara menanam kesedaran melalui ceramah-ceramah politik. Keuntungan UMNO kerana mereka dapat menarik anggota-anggota masyarakat agar menyebelahi UMNO atas

dasar pemimpin-pemimpin UMNO dapat bercakap atas konsep pembangunan.

Menurut pandangan para pemimpin UMNO merekalah yang dapat memberikan kemakmuran dan kesenangan kepada semua rakyat melalui beberapa projek pembangunan. Di sinilah pemimpin-pemimpin UMNO berbangga dan merasa megah diri seolah-olah mereka hero dalam pembangunan. Sekiranya sebatang jalan di kampung dibina mereka akan merasa megah dengan kemampuan UMNO, dan mereka akan mengatakan pada orang-orang PAS di kampung itu tentang kebolehan dan kesenangan yang diberikan oleh UMNO kepada rakyat

Ada pula orang-orang UMNO yang memperendahkan dan mengutuk orang-orang PAS tentang kemampuan pemimpin-pemimpin PAS dari segi memberi kesenangan kepada rakyat.

Apa yang kita nampak dari pemimpin-pemimpin UMNO hanya kemampuan untuk bercakap pada rakyat atas nama pembangunan. Taktik bercakap atau taktik ceramah politik atas landasan kemajuan harta benda yang dicapai oleh rakyat bukanlah suatu taktik mendapatkan pengaruh politik dalam jangka waktu yang panjang. Maksudnya kesan dari taktik ini tidak dapat meresap lama dalam jiwa anggota-anggota masyarakat. Hanya dapat bertahan dalam waktu yang pendek. Bila tiba pada suatu peringkat masa

kejemuan maka jiwa akan memberontak mencari suatu bentuk nilai yang lain di mana akhirnya menuju ke arah kerohanian.

Bila jiwa mulai mendambakan unsur-unsur keagamaan maka individu yang terlibat akan mulai mencari sebuah parti politik yang diasosiasikan dengan ajaran agama Islam.

PAS telah mencipta porak-peranda antara pengikut parti PAS dengan pengikut parti UMNO. Akibat yang lebih parah lagi mereka saling memulau antara satu sama lain dan antara keluarga dengan keluarga dan antara kelompok PAS dengan kelompok UMNO, sehingga menampakkan pada kita pertelingkahan di kalangan penduduk dalam sesebuah kampung. Bukan itu sahaja malah antara anak dengan bapa, antara menantu dengan mertua dan antara suami dengan isteri.

Pertelingkahan di kalangan orang Melayu di kampung dapat kita lihat di mana sebagai contoh terdapat dua madrasah untuk mengerjakan sembahyang Jemaah kelompok parti PAS dengan kelompok UMNO. Masing-masing kelompok melantik imam mereka dari parti mereka sendiri. Perpecahan itu disebabkan sikap orang-orang PAS di kampung yang tidak mahu bercampur dengan orang-orang yang mereka anggap sebagai ahli-ahli UMNO.


Bukan setakat itu sahaja malah sampai pada masalah kenduri kendara orang-orang PAS hanya

menjemput ahli-ahli parti mereka sahaja. Bila orang UMNO membuat kenduri dan menjemput orang-orang PAS mereka tidak datang kerana kata mereka kenduri orang UMNO adalah haram kerana ayam dan kambing yang disembelih oleh orang-orang UMNO tidak sah. Daging sembelihan orang UMNO haram.

Keadaan ini berlanjutan dengan sikap memulau antara satu sama lain. Dari amal ibadat hinggalah kepada kehidupan harian. Sebenarnya dalam kehidupan masyarakat kampung apa yang diperlukan adalah semangat gotong royong.

**Mustafa Ali:**

*Ketua Dewan Pemuda PAS yang lebih condong ke arah perjuangan keduniaan.*



**Subky Latiff:**

*Pemimpin dan penulis terkenal dari PAS yang mencari kebenaran antara perjuangan dunia atau perjuangan akhirat. Kini, lebih condong perjuangan akhirat.*





Menurut saudara Abdul Rahman Bakar Member of Parliament dari Marang Terengganu, telah berucap di Dewan Rakyat bahawa PAS berselindung di sebalik serban dan jubah untuk menutup berbagai misteri dari pengetahuan rakyat. Selanjutnya beliau memberitahu Dewan bahawa "kita tidak mahu di sebalik pengenalan fizikal yang demikian terselit kegiatan dan keyakinan yang aneh, karut marut dan menakutkan kerana keghairahan untuk merebut kuasa". Jadi pemimpin-pemimpin PAS sekarang telah menutup kegiatan mencari wang dan harta benda dengan cara berjubah dan berserban.

Pemimpin nombor satu PAS Haji Yusof Rawa yang pernah mengalahkan Dr. Mahathir dalam pilihanraya dulu telah ditugaskan memegang jawatan Yang Dipertua Agung PAS. Sejak beliau memegang jawatan tersebut timbul tanda tanya pada kita apakah beliau juga pengkhianat pada orang Melayu dan agama Islam? Sama halnya dengan Asri yang telah ditendang dari parti PAS sebagai Yang Dipertua Agung. Ketika diskusi ini ditulis, khabarnya Haji Yusof Rawa hendak menarik diri sebagai pemimpin PAS nombor wahid kerana kesihatan beliau agak merosot. Mungkin banyak sangat mengumpat pada Dr. Mahathir dan pada anggota-anggota Majlis Tertinggi UMNO.

Fadzil Noor yang telah dilantik sebagai Tim-

Dipertua Agung PAS Haji Yusof Rawa yang sudah tua dan uzur itu seolah-olah telah menyerahkan kebijaksanaan parti pada Fadzil Noor. Boleh dikatakan gerakan PAS sejak Fadzil memegang Timbalan Yang Dipertua Agung adalah rumusan dari otaknya sendiri. Yang Dipertua Agung hanya sebagai boneka dalam parti. Tidak lebih dari itu.

Haji Hadi seorang tokoh propagandis PAS yang mempunyai kehebatan bercakap luar biasa, se-tanding dengan Sukarno bekas Presiden Indonesia. Cuma kalah hebatnya dari Sukarno dalam bidang percintaan. Haji Hadi Awang telah digunakan oleh pucuk pimpinan PAS sebagai hero bagi memutar belitkan dan mengobit isu-isu yang dapat menimbulkan pertelingkahan sesama orang Melayu. Bukan itu sahaja malah beliau ditonjolkan sebagai 'superstar' untuk menghentam habis-habisan apa saja yang diimplimentasikan oleh UMNO dalam kerajaan.

Oleh kerana Haji Hadi seorang ulama ulung dalam PAS maka beliau telah diberi peranan sebagai orang pertama yang melaungkan ayat-ayat suci Al-Quran dan Hadis dan yang sengaja dihubungkan serta ditambah sulam tentang sesuatu perkara yang dilaksanakan oleh kerajaan. Putar memutar, pusing memusing dan pulas mengkilas akhirnya sampailah beliau pada satu kesimpulan iaitu apa yang dilakukan oleh kerajaan adalah haram. Begitulah nasib yang menimpa Haji

Hadi dipertanggungjawabkan tugas yang amat berat dan banyak menanggung risiko dosa.

Di kalangan penyokong-penyokong PAS, Haji Hadi merupakan tokoh yang paling menarik dan menonjol sekali dalam parti. Namanya sentiasa menjadi sebutan para penyokong parti. Malah namanya lebih popular di bandingkan dengan tokoh-tokoh PAS yang lain. Di luar gelanggang PAS, popularitinya setanding dengan bintang filem Ogy, cuma peminatnya kurang dari Ogy.

Dari segi genius dan kepintaran ternyata Haji Yusof Rawa dan Fadzil Noor jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan Haji Hadi Awang. Dari apa yang kami dengar di kalangan penyokong-penyokong PAS terdapat suara-suara yang mahukan Haji Hadi Awang memimpin parti PAS. Tapi apa boleh buat Fadzil lebih cekap mengatur strategi dan menekan saudara Haji Hadi supaya jangan melebihi atau melangkah kepala beliau dalam jawatan politik.

Tokoh-tokoh lain samada tokoh-tokoh dari Dewan Pemuda, Dewan Ulama dan Dewan Muslimat PAS hanya merupakan bintang tamu dalam parti PAS. Dan tokoh-tokoh ini hanya berfungsi sebagai pelayan. Ketokohan politik dan kehadiran mereka tidak memberi erti penting dalam perjuangan parti PAS. Tokoh-tokoh PAS yang menjadi seolah-olah budak suruhan antara lain saudara Mustafa Ali, Subky Latif dan

Nakhaie.

Kalau kita perhatikan di kalangan tokoh-tokoh politik PAS agak susah hendak mencari atau mendapatkan orang yang mampu melaksanakan urusan pentadbiran negara dan masyarakat. Boleh dikatakan seluruh pemimpin PAS hanya mampu mentadbirkan masjid dan surau sahaja.

Persoalan yang timbul dan menjadi perhatian kita bagaimana pucuk pimpinan PAS mengujudkan kebencian dan konflik sesama orang Melayu? Bagaimana mereka mengobitkan isu-isu sosial dan ekonomi agar timbul kemarahan di kalangan orang Melayu kampung terhadap kerajaan? Dan selanjutnya ke mana mereka hendak membawa orang Melayu?

Persoalan-persoalan di atas hanya dapat dijawab kalau kita perhatikan gelagat pemimpin-pemimpin para penyokong parti. Kehebatan para pemimpin PAS setiap kali bertemu dengan para penyokong akan membangkitkan emosi Islam yang berapi-api. Antara cara yang digunakan, memuji para pengikut atas keimanan yang tebal di kalangan mereka (pengikut). Bila penyokong parti diberi pujian yang tinggi tentang keimanan dan kesanggupan berkorban yang luar biasa maka semangat perjuangan akan terus membakar diri mereka.

Ketika semangat perjuangan berkobar-kobar pemimpin parti akan menyampaikan fatwa-fatwa

yang berhubung kebangkitan umat Islam dan keharmonian agama Islam serta keluhuran ajaran-ajaran Islam. Fatwa-fatwa itu sudah tentu akan dikaitkan dengan permasalahan yang terdapat di kalangan orang Melayu. Setelah itu terjadilah suatu kesimpulan yang akhirnya akan memberi fahaman yang negatif bagi sesuatu isu yang ditimbulkan.

Bila fahaman negatif mencabar keimanan para pengikut parti, maka bangkitlah keghairahan mereka menentang orang-orang Melayu yang tidak sealiran dalam fahaman tersebut. Rangkaian dari pertentangan fahaman antara anggota parti dengan orang luar akan mengujudkan konflik kepercayaan dan akhirnya terjadi perpecahan antara orang-orang Melayu.

Nampaklah pada kita bahawa pemimpin-pemimpin PAS telah sanggup menimbulkan pertelingkahan di kalangan orang-orang Melayu dan dengan itu mereka seolah-olah pembelot dan pengkhianat bangsanya sendiri. Hal ini dapat kita perhatikan antara lain pemimpin-pemimpin PAS telah melabel orang UMNO dengan label kafir-mengkafir, jahiliyah dan firaun.

## 2.2

### **Sumbangan UMNO Pada Orang Melayu**

Bercakap tentang sumbangan UMNO pada orang Melayu, haruslah bermula dari zaman pemerintahan Tunku Abdul Rahman Putra. UMNO di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman ternyata telah memberi titik hitam pada kepentingan orang Melayu waktu itu. Bukan sahaja dalam bidang pembangunan, malah orang Melayu kecewa dengan dasar pelajaran dan dasar bahasa.

Mohd. Khir Johari teman rapat Tunku Abdul Rahman langsung tidak memperdulikan kepentingan orang Melayu, hal ini dapat kita lihat sikapnya semasa menjadi Menteri Pelajaran tidak gubris soal dasar pelajaran dan dasar bahasa. Namanya tidak perlu dicatit dalam sejarah perjuangan orang Melayu.

Ketika Tunku Abdul Rahman memimpin kerajaan, merupakan zaman keseronokan di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO. Suatu zaman di mana pemimpin-pemimpin UMNO khousook dan tawathoq menikmati kemewahan wang ringgit dan harta benda. Enjoy siang dan malam. Maklum sahajalah zaman penjajahan Inggeris, mereka hidup melarat. Dan setelah bebas serta memperoleh kuasa, mereka macam orang kelaparan dan kehausan.

Seorang lagi rakan Tunku Abdul Rahman Putra yang juga boleh dikatakan tidak memberi sumbangan pada perjuangan orang Melayu dan lalai tanggungjawabnya sebagai pemimpin Melayu, cuma yang kita nampak jasanya hanya sekadar membangun Angkasapuri semasa menjadi Menteri Penerangan. Untuk menutup kelalaiannya sebagai pemimpin Melayu yang bertanggungjawab kepada bangsanya. Senu Abdul Rahman telah mengorganize penyusunan buku Revolusi Mental. Buku ini pun tidak memberi kesan yang menyeluruh pada orang Melayu hanya sekadar menambahkan jumlah buku dalam khazanah Perpustakaan Negara.

Namanya juga tidak perlu dicatit dalam sejarah perjuangan Melayu, dan hanya dicatit sebagai pengikut setia Tunku menuntut kemerdekaan dulu. Tidak boleh lebih dari itu.

Sebagai seorang Ketua Pergerakan Pemuda UMNO dalam masa pemerintahan Tunku Abdul

Rahman. Senu pun tidak banyak memberi sumbangan pada UMNO. Beliau kebetulan menang Ketua Pergerakan Pemuda pada calon yang tidak popular iaitu Sardon Jubir.

Senu seorang pemimpin Melayu yang pandai jaga tuan. Beliau berdiri teguh di belakang Tunku Abdul Rahman. Senu adalah 'Yesman' Tunku. Putih kata Tunku, putihlah kata Senu (pada hal hitam). Setelah Tunku Abdul Rahman mengundurkan diri dari UMNO, Senu masih lagi yakin, pengaruh Tunku masih kuat dalam UMNO.

Senu Abdul Rahman turut menyaksikan bila Dr. Mahathir disingkir dari UMNO kerana menentang Presiden UMNO. Tidak ada reaksi dari Senu, beliau diam seribu bahasa.

Konsep Pemuda Tahan Lasak dapat menimbulkan maksud pengawal-pengawal atau bala tentera UMNO, dengan demikian kelihatan UMNO macam hendak mempertahankan diri kalau diserang oleh musuh atau sebaliknya bertujuan untuk menyerang. Mempertahankan diri atau menyerang musuh bukanlah amalan UMNO. Apatah lagi musuh UMNO adalah pemimpin dan pengikut parti PAS. Gambaran ini menunjukkan Melayu diajak berperang sesama Melayu seperti zaman nenek moyang dulu.

Sepatutnya UMNO tidak perlu mempertahankan diri (kalau maksud 'Pemuda Tahan Lasak' untuk menangkis serangan fizikal dari pengikut PAS) dengan tujuan menangkis serangan sesama



***Tunku Abdul Rahman:***

*Perdana Menteri Pertama Malaysia, ketika zaman pemerintahannya, beliau telah membuka kesempatan yang luas pada bukan Melayu dalam bidang ekonomi dan politik. Pentadbirannya seolah-olah pro Cina.*



**Mohd Khir Johari:**

*Bekas Menteri Pelajaran yang tidak faham tentang Dasar Pelajaran Kebangsaan ketika itu.*



***Senu Abdul Rahman:***

*Bekas Setiausaha Agung UMNO yang hanya bangga dengan Pemuda Tahan Lasak dan Revolusi Mental.*



Melayu. Yang penting adalah UMNO membentuk badan yang berfungsi memujuk dan memberi petunjuk jalan yang benar yang harus diikuti oleh pengikut PAS. Pemuda Tahan Lasak yang diberi latihan ala komando akan mencerminkan masyarakat Melayu belum lagi tamadun. Orang Melayu masih suka bergaduh sesama sendiri.

Agar menjaga keharmonian perpaduan Melayu dan bukan untuk menambah beban perpecahan Melayu; Pemuda Tahan Lasak, 'brain child' Senu Abdul Rahman yang mempunyai maksud untuk menahan atau menangkis serangan PAS tidak boleh dipakai lagi. Tidakkah orang Melayu mudah dirayu dan dipujuk untuk menyelesaikan sesuatu pertelingkahan atau pertentangan.

Sepatutnya Pergerakan Pemuda di bawah Anwar Ibrahim mengarahkan Drs. Sulaiman Mohamad membuang konsep Pemuda Tahan Lasak ke Laut Cina Selatan. Konsep Senu tidak sesuai untuk perpaduan Melayu.

Semasa Senu ikut Tunku, kuasa politik orang Melayu hampir terjejas bila Tunku Abdul Rahman Putra telah memberi peruntukan kerusi kepada MCA dan masalah kewarganegaraan kaum imigran diberi kelonggaran. Di tambah pula keadaan ekonomi orang Melayu (kuasa ekonomi) telah terjejas ketika itu. Sebagai bukti kekecewaan orang Melayu terhadap pemerintahan Tunku Abdul Rahman, parti PAS telah beroleh keme-

**Sulaiman Mohamad:**

*Ahli Parlimen Titiwangsa juga exco Pergerakan Pemuda UMNO yang diarahkan meningkatkan kekuatan Pemuda Tahan Lasak.*



nangan besar dalam pilihanraya 1969, dan parti pembangkang lain turut menambahkan jumlah kerusi. Akibatnya terjadilah peristiwa berdarah 13 Mei.

Apabila Tun Abdul Razak mengambil alih pimpinan dari Tunku Abdul Rahman barulah orang Melayu merasa lega dan merasa selamat di bumi sendiri. Dan orang Melayu merasa lega terhadap kuasa politik Melayu.

Sumbangan UMNO pada masyarakat Melayu hanya dapat dirasai bila Tun Razak mengambil alih kerajaan dan pucuk pimpinan UMNO. Tun Razak mempunyai perancangan yang cukup teliti demi kelangsungan hidup orang Melayu. Beliau telah menggarap dasar ekonomi baru sebagai cara bagi menyelamatkan kuasa politik bangsa Melayu. Tanpa kuasa ekonomi yang kuat akan menjejaskan kuasa politik.

Kita maklum di kalangan pemimpin-pemimpin Melayu masa lalu, terdapat semacam 'custom' menjual kuasa politik pada orang luar. Sejarah telah membuktikan kejatuhan Pulau Pinang ke tangan orang Cina dan pada tahun 1969 Singapura juga turut tergadai. Hak politik yang tetap telah diberi pada kaum imigran semasa Persekutuan Tanah Melayu. Dan selepas merdeka kerajaan Tunku Abdul Rahman Putra telah memberi pengesahan pada ratusan ribu kaum imigran sebagai pewaris-pewaris kuasa politik.

Tun Razak mempunyai fikiran yang tajam

dalam rangka menyelamatkan kepentingan orang Melayu. Seiring dengan Dasar Ekonomi Baru beliau telah berjaya memperkukuhkan kuasa politik dengan menubuhkan kerajaan campuran dengan nama Barisan Nasional. Dan beliau berjaya menarik pemimpin-pemimpin PAS memahami masalah orang Melayu ketika itu akhirnya PAS berganding bahu bersama UMNO dalam kerajaan Barisan Nasional.

Zaman Mageran selepas peristiwa 13 Mei 1969, Tun Razak telah membuat satu percubaan yang berhasil dengan melantik tokoh-tokoh muda Melayu memegang peranan penting bagi membangun kuasa ekonomi Melayu. Tokoh-tokoh pemuda tersebut adalah Dr. Mahathir Mohamad, Tengku Razaleigh Hamzah dan Musa Hitam. Dr. Mahathir telah diberi tugas memimpin Kementerian Pelajaran dengan tugas khas membentuk dan melaksanakan dasar pelajaran negara dan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Tengku Razaleigh pula yang ketika itu dalam lingkungan umur tiga puluhan telah dipertanggungjawabkan penubuhan dan operasi Bank Bumiputera, Pernas dan Petronas. Sedangkan Musa Hitam pula dilantik sebagai Timbalan Menteri Perdagangan Dan Perusahaan.

Pada ketika inilah sumbangan UMNO amat terasa sekali pada orang Melayu bila Tun Razak cuba mengubah status quo di bawah Dasar Ekonomi Baru sesuai dengan konsep kuasa politik

yang kuat harus dibantu dengan kuasa ekonomi. Tanpa ekonomi yang kuat atau kukuh orang Melayu akan hanyut kuasa politik. Salah satu sumbangan UMNO dalam Dasar Ekonomi Baru adalah dengan membuka bandar-bandar baru di kawasan desa atau dengan kata lain memperbandarkan desa bagi kegiatan ekonomi. Hari ini dapat kita lihat sumbangan UMNO semasa Tun Razak pada orang Melayu dalam bidang pengajian tinggi anak-anak Melayu dan dalam kegiatan ekonomi orang Melayu.

Malangnya, semasa Tun Razak sedang membangun orang Melayu, beliau kehilangan rakan pembantunya yang turut memberi pendapat dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Tun Dr. Ismail merupakan tokoh UMNO yang banyak memberi sumbangan fikiran bagi kelangsungan kuasa politik orang Melayu. Beliau telah meninggalkan kita di saat-saat orang Melayu mula mencari langkah pertama bagi mencapai kuasa ekonomi dan mempertahankan kuasa politik orang Melayu.

Bukan itu sahaja malang juga telah menimpa Tun Razak iaitu dari UMNO sendiri, di mana terdapat kelompok yang tidak senang dengan cara Tun Razak mengambil tokoh-tokoh muda dalam penglibatan kerajaan dan politik UMNO. Kliq atau kelompok bangkangan yang terdapat dalam UMNO yang menentang Tun Razak di sebabkan kedudukan mereka (kliq tersebut) telah terancam.



**Tun Dr. Ismail:**

*Bekas Timbalan Presiden UMNO yang banyak  
idea tapi tidak sempat buat apa-apa, pergi  
mengadap Allah.*



Tun Razak menubuhkan Biro Siasatan Negara (Badan Pencegah Rasuah) bagi membenteras kegiatan rasuah yang diamalkan oleh mereka juga di kalangan kakitangan kerajaan.

Sayang seribu kali sayang kita tidak sempat lama dengan Tun Razak akhirnya beliau telah meninggalkan kita. Pucuk pimpinan kerajaan dan UMNO telah diambil alih oleh Hussein Onn (sekarang Tun), beliau hanya melangsungkan kerja-kerja yang ditinggalkan oleh Allahyarham Tun Razak. Semasa UMNO di bawah Hussein Onn tidak ada sumbangan apa-apa pada orang Melayu, beliau hanya melaksanakan cita-cita Tun Razak. Dalam pemerintahannya Hussein Onn tidak menampakkan dirinya sebagai pemimpin UMNO seperti mana yang ditunjukkan oleh Tun Razak dan Tun Dr. Ismail terhadap sistem demokrasi yang pro-Melayu.

Zaman pemerintahan Hussein Onn merupakan zaman penuh dengan konflik antara pemimpin-pemimpin UMNO. Bila Tun Razak meninggal dunia, kliqu atau kumpulan yang kecewa dengan beliau telah mendapat tempat di zaman pemerintahan Hussein Onn, pada ketika inilah telah digunakan sebagai kesempatan untuk menghentam habis-habisan corak pemerintahan Tun Razak dan sebagai balas dendam, dua orang Timbalan Menteri telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

**Hussein Onn:**

*Bekas presiden UMNO ketika memimpin UMNO  
selalu terjadi huru hara dalam UMNO.*



Abdullah Ahmad yang menjadi mangsa kuasa Hussein Onn dan mangsa kelompok yang dendam pada Tun Razak telah ditahan dalam tahanan politik untuk beberapa tahun, Abdullah Ahmad yang tidak pernah menjadi komunis adalah korban percaturan kuasa politik para penjilat Hussein Onn yang berlumba-lumba hendak 'naik cepat' dalam UMNO dan dalam kerajaan sekaligus membunuh karier politik Abdullah Ahmad. Tapi akhirnya diselamatkan oleh Dr. Mahathir. Dan beliau memang melihat kemampuan idea Abdullah Ahmad yang boleh dipakai untuk kemajuan orang Melayu.

Setelah Hussein Onn menarik diri dari kabinet dan dari UMNO, Dr. Mahathir Mohamad telah mengambil alih sebagai pucuk pimpinan bagi memastikan Dasar Ekonomi Baru dan kuasa politik Melayu terjamin. Beliau telah dipertanggungjawabkan agar Dasar Ekonomi Baru tercapai sepertimana yang telah dirumuskan oleh Allahyarham Tun Razak. Dan sebagaimana yang telah dipesan oleh Allahyarham Tun Razak agar kepentingan orang Melayu diutamakan. Setelah beberapa tahun Dr. Mahathir mengetuai UMNO dan kerajaan terbukti pada kita beliau seorang pucuk pimpinan UMNO yang mengamalkan sistem demokrasi yang pro-Melayu.

UMNO, parti politik Melayu yang mempunyai sokongan yang teguh dan telah diterima sebagai

**Abdullah Ahmad:**

*Member of Parliament Kok Lanas yang mempunyai idea perjuangan politik untuk kepentingan Melayu.*



parti orang Melayu telah berusaha memberi kemudahan amal ibadat iaitu mendirikan kemudahan ibadat seperti masjid. Mengurus dan mengatur orang Islam ke Mekah untuk menunaikan ibadat haji secara lebih teratur dan selesa. Peranan Jabatan Agama Islam di tingkatkan bagi meningkatkan syiar Islam. Dengan demikian, orang Melayu beramal ibadat dan mempunyai harapan yang besar untuk masuk syurga.

Antara pembangunan ekonomi termasuk projek-projek infrastruktur yang dijalankan agar masyarakat dapat bergerak bebas dalam kegiatan ekonomi secara lebih lancar. Termasuk dalam projek infrastruktur misalnya mengadakan jalan-jalan raya, kemudahan api dan air dan berbagai kemudahan asas. Apa saja projek yang dijalankan oleh kerajaan adalah merupakan suara dari parti atau tepatnya merupakan perjuangan UMNO.

UMNO juga telah membangun berbagai fasiliti yang memberi kemudahan kepada para usahawan, agar ekonomi negara ditingkatkan. Tapi sayangnya orang Melayu kurang dan gagal menggunakan kemudahan yang diberi. Dasar Ekonomi Baru merupakan langkah bagi memastikan UMNO berjaya membawa perubahan kehidupan orang Melayu. UMNO amat yakin orang Melayu dapat menggunakan peluang yang ada dalam DEB bagi mencapai kemajuan yang positif. Kita akui beberapa bidang tertentu misalnya bidang pelajaran pencapaian orang Melayu boleh dibangga-

kan.

Harus kita akui UMNO telah membawa banyak perubahan pada orang Melayu. Pembangunan yang dibawa oleh UMNO juga dinikmati oleh masyarakat Melayu PAS. Tentang ini harus kita akui akan kebenarannya.

Sumbangan yang amat besar dari UMNO pada orang Melayu adalah soal maruah orang-orang Melayu yang telah mendapat perhatian dari Dr. Mahathir dalam perhimpunan agung UMNO yang ke 33 telah menyatakan antara lain "insafilah bahawa perjuangan kita untuk mengisi kemerdekaan, untuk menebus maruah dan kehormatan bangsa dan agama masih lagi di peringkat permulaan. Kita perlukan usaha yang berlipatganda bagi membawa agama, bangsa dan negara ke tahap yang lebih kukuh lagi bagi menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan generasi-generasi yang akan datang.

Asas kebahagiaan negara ialah perpaduan, keadilan, keharmonian, kemakmuran, kesejahteraan dan kestabilan. Maruah dan kehormatan tidak bergantung kepada satu unsur sahaja. Semua asas-asas ini, adalah berkait dan semuanya tidak mudah dicapai kecuali dengan tindakan tegas dan berani, dengan pengorbanan dan sumbangan fikiran dan tenaga."

Selanjutnya beliau menyatakan bahawa "dalam suasana yang penuh cabaran ini, yang ada pada kita ialah kemungkinan meningkatkan ke-

tahanan, kemampuan dan keupayaan kita dalam semua bidang supaya kita tidak dapat diperdaya dan dibuat sesuka hati oleh orang lain. Kita mesti membetulkan pendirian dan sikap kita, dan kita mesti menyusun strategi bertindak kita, dan kita mesti bertindak menebus maruah bangsa, agama dan negara sepenuhnya". Seterusnya Dr. Mahathir menekankan "walaupun politik masih memainkan peranan yang besar dalam menentukan nasib dan haluan yang dituju oleh negara, peranan kegiatan ekonomi telah menjadi semakin penting".

Beliau mengharapkan orang Melayu supaya "bersedia dan berlatihlah untuk penglibatan di dalam ekonomi kerana kegiatan ekonomi tidak kurang pentingnya dari kegiatan politik".

Apa yang telah diungkapkan oleh Dr. Mahathir memang telah nampak pada kita beberapa perubahan dalam pentadbiran kerajaan yang mementingkan ke arah pemusatan kuasa ekonomi orang Melayu.



# 3.0

## PEREBUTAN KUASA POLITIK PUNCA PERPECAHAN MELAYU

Apa yang paling jelas kita nampak dari kebanyakan para pengikut parti PAS tidak lain suatu bentuk latarbelakang yang kosong (tidak tahu apa-apa) dalam segi pengetahuan tentang parti dan kuasa politik.

Kita telah pun maklum masyarakat luar bandar yang menganggotai PAS terdiri dari mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan yang paling rendah dan dengan itu kemampuan berfikir tentang sesuatu perkara pun rendah juga.

Bila seorang pemimpin PAS mengemukakan suatu pengetahuan baru tentang hal yang bersangkutan dengan kehidupan yang dihubungkan dengan ajaran Islam maka mereka akan menjadi

bingung. Sudah tentu perjuangan politik yang diadakan dan sengaja diselaraskan dengan kehendak ajaran Islam. Mereka (ahli-ahli parti) akan terpesona dan terpegun serta penuh dengan rasa 'takjub'. Kebingungan membuat diri mereka serba salah antara kebaikan dan keburukan untuk menerima pengetahuan baru.

Dari kebingungan ini maka timbullah rasa keyakinan dalam fikiran. Dari alam keyakinan akhirnya diserapkan pula ke dalam suatu bentuk penilaian yang tidak berubah.

Dalam menentukan penilaian tentang perkara yang disampaikan oleh si pemimpin PAS tadi, kecepatan menerima pengetahuan baru lebih menguasai diri dan fikiran mereka. Akhirnya mereka tidak lagi bimbang menerima pengetahuan baru dengan penuh keyakinan.

Orang yang dalam kebingungan selalunya agak cepat menerima sesuatu idea baru. Apatah lagi fikiran-fikiran baru yang disampaikan bersangkutan dengan kehidupan beragama.

Biasanya anggota masyarakat PAS lebih berkeyakinan pada pemimpin mereka, oleh sebab itulah setiap pengetahuan baru bagi mereka adalah benar. Dari keadaan kebingungan akan menampilkan sikap tidak mahu membantah tentang perkara baru yang disampaikan. Akhirnya menjadikan diri mereka bertambah yakin.

Dan keyakinan demi keyakinan membentuk jiwa dan sikap menjadi kristal dalam diri dan fikiran

sehingga menjadikan orang tersebut fanatik.

Selain dari perkara di atas kita akan nampak pula di kalangan komuniti luar bandar yang menjadi ahli parti PAS, terdapat suatu nilai tradisional yang amat kuat melekat pada diri mereka.

Dan mereka mempunyai suatu bentuk ikatan yang sukar untuk dipisahkan. Mereka mempunyai suatu ikatan yang dapat kita sebutkan di sini sebagai ikatan sapu lidi.

Dalam ikatan sapu lidi seperti yang kita maklum mempunyai keutuhan yang mana antara satu sama lain saling terikat, bila salah satu dari sapu lidi itu terkeluar dari ikatannya, maka sapu lidi akan menjadi agak longgar. Dan bila satu persatu batang lidi terkeluar dari ikatan maka ikatan itu akan menjadi kurang kuat dan akhirnya menjadi terburai dan batang lidi akan keluar semuanya.

Begitulah dengan anggota parti PAS, yang bermastautin di kampung, mereka ini diibaratkan sebagai ikatan sapu lidi tadi.

Apabila seorang dari kelompok mereka merasa tidak yakin dan menolak apa yang disampaikan oleh pemimpin parti, maka semuanya akan menolak perkara yang disampaikan. Tapi, bila seorang atau lebih menerima ajaran pemimpin parti maka anggota-anggota kelompok menerima ajaran pemimpin parti.

Bila sesuatu perkara itu menjadi keyakinan

dalam kelompok mereka maka seluruh anggota kelompok akan menerima dengan sebulat hati. Dari suatu bentuk keyakinan yang biasa akan mengkristal dalam jiwa anggota kelompok dan akhirnya menanamkan suatu sikap yang fanatik.

Bila sikap fanatik terjalin begitu kuat dalam diri mereka maka bila terdapat bantahan iaitu bantahan yang melawan dari ajaran yang fanatik itu maka akan meledaklah suatu sikap yang negatif.

Dari sikap yang negatif ini akan menampilkan suatu bentuk pertentangan yang tidak mempunyai sebab dan hujung pangkalnya. Pertentangan antara kelompok yang berlainan fahaman politik akan mengujudkan perpecahan dalam masyarakat.

Dari apa yang kita perhatikan sesungguhnya telah nampak pada kita bahawa sebenarnya anggota-anggota masyarakat luar bandar yang tebal kepercayaan mereka pada PAS, bukanlah suatu bentuk keyakinan dan kepercayaan secara sengaja atau secara sedar terhadap perjuangan parti. Mereka sebenarnya telah dinodai oleh pemimpin-pemimpin PAS. Masyarakat PAS telah berulang kali ditanam kesedaran politik yang dikaitkan dengan ajaran Islam.

Kesalahan yang harus kita letakkan adalah terhadap para pemimpin PAS. Pemimpin-pemimpin PAS sengaja melupakan kenyataan bahawa perjuangan mereka adalah perjuangan mencari

kuasa politik. Sedangkan yang kita nampak para pemimpin PAS 'berlakun' bagi meningkatkan syiar Islam. Walhal, mereka bertungkus lumus mencari dan mendapatkan pengaruh dan sokongan politik. Atau dengan kata lain mereka berjuang bagi mendapatkan sokongan pada parti. Tidak lebih dari itu.

Sebelum para pemimpin PAS mencari pengaruh dan sokongan politik, mereka terlebih dahulu menampakkan diri mereka sebagai manusia yang patuh pada segala ajaran Allah Yang Maha Kuasa.

Kelanjutannya mereka meyakinkan pengikut parti dan mengkristalkan jiwa ahli-ahli parti bahawa perjuangan PAS adalah perjuangan yang direstui oleh Allah. Pada hal mereka tidak sedar bahawa perjuangan mereka itu adalah perjuangan periuk nasi. Perjuangan mencari kuasa politik.

Bila anggota parti sudah menebal dengan keyakinan terhadap perjuangan parti dan akhirnya mereka menjadi manusia yang amat fanatik terhadap parti.

Kefanatikan di kalangan pengikut parti telah digunakan oleh para pemimpin bagi melontarkan segala macam bentuk seruan pada anggota-anggota parti supaya yakin dengan perjuangan parti. Nampaklah pada kita di kalangan masyarakat PAS khususnya pada mereka yang tinggal di luar bandar, tidak ada lagi kebenaran yang diperjuangkan kecuali parti mereka sendiri. Ternyata pengikut-pengikut PAS adalah begitu yakin

sekali dengan ajaran-ajaran Islam yang berkaitan perjuangan parti.

Orang-orang Melayu yang menjadi anggota parti PAS (di luar bandar) amat terikat dan menjadi pengikut yang amat setia pada pemimpin mereka (PAS). Mereka sanggup mati kerana parti dan pemimpin. Pada pendapat mereka, mati syahid kerana menegakkan Islam.

Sepertimana yang kita maklum, kepercayaan orang-orang Melayu terhadap agama Islam amat teguh dan tidak dapat diganggu gugat lagi. Pantang orang Melayu kalau agama dipermainkan. Sebab itulah kalau dilihat pada sejarah zaman penjajahan Inggeris dulu, penjajah tidak langsung mengusik norma-norma agama Islam. Dan mereka memberi kelonggaran yang selebar-lebarnya pada orang Melayu untuk mengerjakan ibadat. Juga mereka memperbanyakkan masjid agar orang Melayu suka pada mereka.

Begitulah juga konsep perjuangan PAS, ajaran-ajaran agama Islam dijadikan landasan serta garis perjuangan bagi membantu mereka mendapatkan kuasa politik. Atas kepercayaan dan keyakinan terhadap agama yang dipegang kuat oleh orang-orang Melayu terutama mereka yang tinggal di luar bandar akan mudah terpaut pada garis perjuangan parti. Kami yakin sebelum parti PAS ditubuhkan dalam kepala perancang penubuhan parti PAS sudah mempunyai konsep keyakinan

agama dengan perjuangan parti. Agama sebagai sistem kepercayaan telah diperalatkan untuk kepentingan politik.

# 3.1

## **Penganut PAS Diperbodohkan Oleh Pemimpin-Pemimpin Mereka**

Agama fahaman politik dan nasionalisme adalah kuasa-kuasa yang menjadi tenaga penggerak pada masyarakat. Tanpa kuasa tersebut tidak wujud bangsa atau masyarakat.

Orang Melayu sebagai penganut agama Islam mempunyai fahaman politik yang berpecah belah. Nasionalisme sebagai bangsa Melayu kurang begitu meyakinkan.

Ramai orang Melayu berpandangan sempit terhadap ajaran-ajaran Islam. Manusia Melayu memandang Islam hanya dari sudut aqidah dan ibadah sahaja. Pada hal Islam lebih dari persoalan tersebut. Kejayaan orang Barat kerana mengambil dan mengkaji Islam untuk mengembangkan



pengetahuan sains dan teknologi. Tidak seperti orang Melayu yang menumpukan soal aqidah dan ibadah sahaja.

Pemimpin-pemimpin PAS yang menggunakan Islam sebagai alat perjuangan politik telah menggunakan aqidah dan ibadah sebagai cara mendapatkan sokongan untuk parti. Tidak hairan pemimpin-pemimpin PAS telah mengukur Islam orang lain dengan hanya berdasarkan aqidah dan ibadah. Islam pengikut UMNO dikatakan tidak sah berdasarkan aqidah dan ibadah.

Aqidah dan ibadah bukan persoalan manusia Islam. Nilai terhadap aqidah dan ibadah seseorang Islam hanya Allah yang menentukan. Secara logik, manusia Islam hanya mempelajari dan mempraktikkan aqidah dan ibadah.

Aqidah ajaran-ajaran Islam tidak mempunyai hubungan dengan fahaman politik. Pemimpin-pemimpin politik yang tidak waras pemikiran sahaja dapat mengemukakan aqidah dan ibadah sebagai sumber kekuatan parti.

Pemimpin-pemimpin politik yang mengamalkan aqidah ajaran-ajaran Islam telah membentuk penganut parti menjadi manusia fanatik dalam mengikuti perjuangan parti. Fanatik bererti menerima sesuatu perkara dalam masalah kebudayaan bukan kebendaan menjadi satu pegangan yang tetap dan tidak berganjak dari apa pendapat pun.

Orang yang fanatik PAS akan menerima dan

berprinsip tidak peduli dengan apa yang diucapkan oleh orang lain. Tanpa pertimbangan fikiran dan penilaian yang positif terhadap sesuatu perkara yang disampaikan. Pendek kata, orang yang fanatik akan menerima bulat-bulat sesuatu perkara tanpa ada olahan fikiran.

Masyarakat Melayu luar bandar yang menganggotai parti PAS, kebanyakannya bersikap fanatik terhadap ideologi parti. Sebab, PAS menggunakan ajaran-ajaran Islam sebagai rumusan garis perjuangan parti.

Fanatisme yang wujud dan tampak adalah keyakinan yang 'mendalam' terhadap perjuangan parti. Para pengikut mempunyai rasa ikatan yang kuat terhadap ideologi parti. PAS telah dijadikan sebagai simbol kehidupan di kalangan pengikut parti.

Masyarakat Melayu kampung yang menganggotai PAS, telah menerima perjuangan parti sebagai sebahagian dari hidup mereka. Anggapan mereka parti dapat menyelamatkan kehidupan mereka di dunia dan akhirat.

Ideologi parti PAS telah 'ditelan' bulat-bulat tanpa ragu-ragu. Dan kebenaran dari ideologi parti tidak boleh dipersoalkan lagi atau tidak dapat diganggu gugat.

Timbul pertanyaan, apa gerangan yang menyebabkan berlaku kefanatikan di kalangan pengikut parti. Jawapan yang tepat adalah otak mereka telah 'disumbat' dengan ajaran-ajaran Islam yang

sengaja dihubungkan dengan garis perjuangan parti. Nampak pada kita pemimpin-pemimpin PAS sengaja memeralatkan masyarakat kampung, untuk mendapatkan kepentingan mereka dalam politik. Pemimpin-pemimpin telah menggunakan ajaran Islam sebagai landasan ideologi. Oleh kerana itu kita dapat lihat suatu bentuk penyerapan ajaran Islam sebagai perjuangan PAS yang sangat ditakuti oleh para pengikut-pengikutnya. Dan sesiapa yang cuba mengganggu gugat atau cuba merubah pegangan para pengikut parti maka akan terjadilah suatu tindakan negatif.

Pemimpin PAS yang mempunyai kebolehan bercakap yang luar biasa dengan menggunakan ayat-ayat suci Al-Quran dan Hadis telah diterima semacam nabi mereka. Sebab itulah Haji Hadi yang selalu berketayap dan berjubah telah di anggap sebagai nabi PAS dan menerima semua perkara yang diucapkan oleh Haji Hadi. Hingga beliau mengelabui masyarakat kampung dengan amanatnya sendiri. Iaitu amanat Haji Hadi.

Kefanatikan pengikut (PAS di luar bandar) adalah parti PAS seolah-olah dapat memberi perlindungan pada mereka dari terjerumus ke dalam neraka di hari akhirat kelak, atau dengan kata lain PAS sebagai pelindung di hari kiamat sebab itulah mereka sanggup berkorban apa saja untuk menyelamatkan parti.

Masyarakat fanatik telah menerima PAS sebagai parti politik yang paling benar di sisi Allah.

Sebab itulah kita pernah mendengar pengikut-pengikut parti mengatakan kalau masuk parti PAS sudah tentu masuk syurga dan kalau masuk UMNO akan masuk neraka.

Bila ceramah politik dianjurkan, para pengikut (parti PAS) berlumba-lumba menghulurkan 'sedekah' kepada parti. Yang tidak punya wang, kerbau, lembu dan kambing disedekahkan pada parti. Yang perempuan pula barang hiasan di badan seperti rantai leher, cincin dan gelang tangan turut disedekahkan pada pemimpin parti. Semua sedekah ini dengan harapan agar dapat masuk syurga. Orang Melayu sudahlah susah, ditambah pula dengan beban parti. Semua tingkah ini, gara-gara kepintaran pemimpin mereka sendiri.

Pemimpin-pemimpin PAS yang pintar berhujah (dengan menggunakan ayat-ayat Quran dan Hadis) telah memutarbelitkan keadaan para pengikut (yang di anggap tidak tahu apa-apa) untuk menanam kesedaran agama yang dihubungkan dengan perjuangan parti. Pemimpin-pemimpin parti berjaya menguasai alam fikiran agama para pengikut yang dihubungkan dengan ideologi parti. Pengikut akan menerima garis-garis perjuangan parti sebagai garis perjuangan agama. Kelihatan, seolah-olah para pengikut parti telah diperbodohkan oleh pemimpin-pemimpin PAS.

Apabila PAS mengeluarkan amanat Haji Hadi,

pengikut parti (yang tinggal di kampung-kampung) telah menerima dengan penuh keyakinan seolah-olah mereka menerima rukun Islam.

Pegangan dan keyakinan pada pemimpin dan ulama PAS telah membentuk jiwa mereka (pengikut) amat menghargai dan mencintai tokoh tersebut. Ucapan dari pemimpin telah memberi kepuasan rohaniah pada mereka. Seolah-olah pemimpin dan ulama PAS dapat membawa mereka berpesta di akhirat.

Pemimpin-pemimpin PAS menanam induktrinasi politik dengan membawa cerita-cerita zaman nabi terlebih dahulu, setelah itu si pemimpin akan mengeluarkan ayat-ayat suci Al-Quran (lebih kurang ada kaitan) yang berjela-jela panjang dan diikuti dengan terjemahannya yang meleret-leret. Ada setengah pula tak sempat menyampaikan makna dari ayat suci tadi. Persoalan di lemparkan pada pengikut ketika asyik mendengar keterangan ayat-ayat suci.

Kebanyakan masyarakat kampung bila mendengar ayat-ayat Al-Quran, mereka pun ternganga mulut. Dan pada ketika itu si pemimpin PAS tadi akan menghubungkan dengan perkara-perkara yang hendak diintrodiknasikan ke dalam otak para pendengar/pengikut.

Bila orang-orang yang mendengar ceramah itu kebetulan pula sudah menjadi ahli parti PAS, maka termenung sejenak ia di rumah atau dalam

perjalanan pulang ke rumah. Orang tersebut (yang mendengar ceramah tadi) seolah-olah dalam hati berkata "celaka UMNO, depa sanggup menghalalkan yang haram, tak boleh jadi kena bagi tau dekat orang-orang kampung bahawa UMNO itu parti kafir".

Dari waktu ke waktu, bila para pengikut parti berkali-kali mendengar ceramah pemimpin-pemimpin PAS, otak mereka pun naik 'biul' dan 'mangli' dengan cara induktrinasi yang disampaikan oleh pemimpin parti. Keyakinan mereka bertambah tebal. Kepatuhan mereka bertambah kuat pada sang pemimpin. Semua apa yang di katakan pada sang pemimpin ditelan macam orang telan "panadol" yang sedang sakit kepala.

Bila berada di rumah, si pengikut pula mula 'berdakwah' pada kaum keluarganya. Sekiranya terdapat si isteri degil atau keras kepala tidak mahu dengar dan tidak menerima apa ucapan dan arahan si suami maka terjadilah perang keluarga. Terdapat di kalangan pengikut PAS yang sanggup buang isteri yang cantik molek, gara-gara berdegil tidak mahu ikut serta menerima PAS.

Begitu juga di kedai kopi di kampung, mereka (pengikut PAS) akan terus melancarkan serangan 'dakwah' politik terhadap rakan-rakan yang masih atas pagar, UMNO pun tidak dan PAS pun tidak. Kalau rakan mereka menolak dan tidak menerima segala hujah-hujah, terjadilah perang sahabat. Putus sudah kasih sahabat. Tidak lagi mempeduli-

kan rakan mereka. Dibiarkan begitu saja. Dan akhirnya timbullah keretakan dan perpecahan di kalangan masyarakat kampung tersebut. Perpecahan pada peringkat rakan-rakan hingga akhirnya menjadi dua kelompok yang besar. Satu puak PAS dan satu puak UMNO.

Umpamanya bila Haji Hadi menyatakan UMNO yang memimpin kerajaan sekarang telah menggunakan wang hasil cukai perjudian dan arak untuk membina masjid maka adalah haram dari segi penggunaannya untuk memenuhi perintah Allah Yang Maha Kuasa. Bila pengikut parti mendengar ucapan tersebut mereka akan menerima dengan hati dan fikiran terbuka. Tanpa bertanya lagi para pengikut parti akan menerima bulat-bulat segala apa yang diucapkan oleh Haji Hadi tersebut. Sebab itulah kita lihat ramai pengikut parti PAS yang fanatik tidak mahu mengerjakan ibadat sembahyang Jumaat di masjid yang didirikan oleh kerajaan.

Pada mereka mengerjakan sembahyang Jumaat di masjid yang dibina oleh kerajaan akan menambahkan dosa bukan mendapat pahala.

Akhirnya dengan pandangan-pandangan seperti ini di anggap sebagai pendapat yang mutlak yang tidak mempunyai sebarang alasan lain lagi. Bila pemimpin parti PAS menyatakan bahawa sembahyang orang-orang PAS tidak sah kalau berimankan orang UMNO. Para pengikut parti yang fanatik bila mendengar ucapan yang demi-

kian akan terus menerima dengan buta tuli tanpa memikirkan lagi akan kebenarannya. Kenyataan telah membuktikan di kampung-kampung sembahyang Jemaah telah berpecah belah. Pengikut PAS sembahyang berimamkan dari golongan mereka.

Pemimpin-pemimpin PAS mendapat pengaruh politik antara lain dengan membangkang projek-projek kerajaan iaitu dengan menimbulkan ke-sangsian dari segi hukum Islam dan pembaziran.

Yang 'pelik' di kalangan masyarakat PAS tidak sedar bila sistem ekonomi dan sosial semakin kompleks seperti yang kita nampak sekarang maka masyarakat Melayu berhadapan dengan berbagai masalah yang lebih kompleks pula. Khususnya masalah ekonomi orang-orang Melayu.

Dan dalam keadaan sekarang masyarakat Melayu tidak perlu pemimpin yang suka banyak berceloteh dengan segala macam ayat-ayat Quran dan Hadis untuk kepentingan politik.

Zaman sekarang menghendaki pemimpin Melayu yang mempunyai daya kerja dan kemampuan untuk menyelamatkan ekonomi bangsanya sendiri. Setelah ekonomi bangsa teguh dan sekali gus kekuatan politik makin kuat maka barulah orang Melayu dapat menjalankan perintah Allah dengan sempurna.

Di sinilah tidak terdapat kesedaran para pemimpin PAS dan para pengikutnya. Mereka menganggap segala persoalan ekonomi orang-



orang Melayu dapat diselesaikan dengan hanya membaca doa atau dengan membaca yasin.

Lihat saja bila pemimpin mereka ditangkap oleh UMNO, nah kelam kabut pemimpin-pemimpin PAS mengarahkan para pengikutnya membaca yasin dan sembahyang hajat di masjid.

Walaupun sembahyang hajat dan membaca yasin, PAS makin hari makin teruk; pilihanraya yang lalu telah menghancurkan harapan mereka. Allah marah pada orang yang hipokrit politik. Allah marah orang yang memperalat agama Islam untuk kepentingan politik.

Nampaklah pada kita bahawa di kalangan pengikut PAS, antara pemimpin dan pengikut merupakan suatu ikatan yang berdasarkan atas kemampuan pemimpin menggunakan ayat-ayat Quran dan Hadis Nabi.

Ikatan yang diikat dengan ayat-ayat Quran dan Hadis Nabi adalah amat susah hendak diputuskan. Pengikut jenis ikatan ini akan sanggup 'mati katak' kalau mereka diganggu. Dan mereka akan mengikut apa saja kemahuan pemimpin mereka secara membuta tuli. Dan ini namanya ketololan yang tidak ada ubatnya.

Dengan demikian jelaslah pada kita bahawa dalam masyarakat Melayu kampung masih terdapat hubungan antara pemimpin dan pengikut yang bersikap kuno. Sifat kuno itu dikeranakan pemimpin di anggap sebagai tuan yang keramat. Dan yang lebih tolol lagi pemimpin parti di anggap

sebagai dewa penyelamat mereka di akhirat nanti.

Dari diskusi di atas telah membuktikan bahawa pemimpin-pemimpin PAS telah memperdayakan atau menipu masyarakat luar bandar yang 'buta' dan tidak faham tentang 'selok belok' politik atau parti politik. Para pemimpin PAS menggunakan Al-Quran dan Hadis sebagai alat propaganda politik. Jelaslah pemimpin-pemimpin PAS telah dan sedang memperbodohkan masyarakat Melayu kampung supaya setia pada parti PAS.

## 3.2

### **Antara Pemimpin Dan Pengikut**

Dalam perbincangan ini tumpuan di beri antara pemimpin dan pengikut Melayu. Hubungan antara pemimpin parti dengan pengikut cenderung bersifat dominasi. Kadang-kadang bentuk hubungan yang lebih menguntungkan si pemimpin. Orang yang kerap 'mengampu' pemimpinnya dapat digelar sebagai penjilat. Orang putih sebut 'Yesman'. Dalam parti politik golongan penjilat amat berbahaya pada parti.

Dalam UMNO, memang ramai sekali manusia penjilat kelas berat dan penjilat kelas ringan. Yang paling berbahaya penjilat kelas berat.

Pemimpin dan pengikut dalam masyarakat Melayu mempunyai suatu ciri khas. Antara pemimpin dan pengikut terdapat sikap yang suka

ikut-ikutan. Sikap ikut-ikutan yang negatif amat berbahaya pada parti. Misal kata, terdapat komplot menjatuhkan seorang pemimpin dalam UMNO, pemimpin di atas pagar bila terpengaruh, dengan sendirinya akan bergabung dengan komplot tersebut. Pada hal pemimpin yang dijatuhkan mempunyai potensi untuk kepentingan UMNO. Hubungan pemimpin dan pengikut akan terganggu keharmonianannya. Pada peringkat bahagian UMNO, selalu terjadi komplot menjatuhkan pemimpin bahagian. Dan yang lucu, pengikut yang tidak tahu hujung pangkal ikut serta bertindak. Mereka ikut-ikutan.

Di kalangan anggota-anggota parti PAS, mereka merupakan pengikut parti yang paling setia terhadap pimpinannya dan patuh atas segala arahan. Di samping itu mereka sanggup berkorban apa saja demi perjuangan parti. Mereka sanggup menghulurkan bantuan atau derma dalam jumlah yang besar. Mereka sanggup menggadai atau menjual tanah mereka demi perjuangan parti.

Mereka sanggup menjual kerbau lembu bagi memberi sumbangan yang mempunyai erti yang penting pada parti. Pendek kata mereka sanggup apa saja.

Berlainan dengan apa yang terdapat dalam parti UMNO. Orang-orang UMNO tidak mempunyai pengorbanan seperti yang dilakukan oleh pengikut PAS. Orang-orang UMNO tidak mahu mengorban

tanah dan lembu kerbau mereka untuk kepentingan parti. Sedangkan yuran tahunan pun susah mereka hendak bayar. Dalam UMNO tidak mempunyai taat setia dan patuh seperti mana terdapat di kalangan ahli-ahli PAS.

Dalam UMNO, trend yang selalu menjadi keluhan para pemimpin parti adalah sikap pengikut yang suka meminta. Orang UMNO (pengikut) amat manja dengan pemimpin mereka. Kemanjaan ini di sebabkan pemimpin mereka sendiri yang telah memanjakan mereka. Bila ditimpa kesusahan, mereka (pengikut) terus meminta sedekah pada sang pemimpin. Bila hendak lesen (lesen atau permit apa saja) mereka juga minta rekomendasi pemimpin. Bila anggota keluarga meninggal dunia, pun jumpa pemimpin mereka, agar dapat bantuan wang gali kubur. Sikap meminta dari pengikut kepada pemimpin sesungguhnya merosakkan imej dan moral orang Melayu.

Sebaliknya dalam PAS, pemimpin-pemimpin parti suka meminta pada pengikut parti. Orang Melayu PAS suka memberi sedekah pada pemimpin mereka kerana harapan masuk syurga. Dan kebetulan pula kewangan parti selalu merosot, terpaksa lah pemimpin minta sedekah pada pengikut.

Dalam masyarakat kita secara umum terdapat tiga macam pemimpin. Kita mempunyai pemimpin yang telah disahkan kuasanya secara tradi-

sional. Pemimpin tradisional ini adalah pengesahan kedudukan oleh masyarakat Melayu kerana adat resan dan nilai-nilai dalam masyarakat Melayu.

Sebagai contoh, sultan adalah pemimpin-pemimpin tradisional kerana pengesahan kedudukannya sebagai pemerintah berdasarkan adat dan tradisi Melayu. Yang Dipertuan Agong dan sultan pemimpin tradisional berkuasa dalam bidang undang-undang Islam. Yang Dipertuan Agong dan sultan tidak mempunyai hak/kuasa dalam urusan pentadbiran negara. Sultan merupakan simbol keagungan orang Melayu. Dan kadang kala sultan memeningkan kepala orang Melayu.

Pernah terjadi hubungan kerajaan (kuasa politik) dengan sultan-sultan hampir terganggu bila Constitutional (Amendment) Bill 1983 menjadi persoalan hangat. Untunglah Dr. Mahathir telah bersikap keras dalam mengatur perjumpaan dengan rakyat di seluruh negara. Akhirnya penyelesaian dapat dicapai.

Pemimpin politik yang memegang kuasa kerajaan adalah bentuk pemimpin legal rational. Pemimpin jenis ini adalah mendapat pengesahan menurut undang-undang atau peraturan-peraturan yang berlaku dalam masyarakat Malaysia. Misalnya Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri adalah pemimpin yang dilantik mengikut proses demokrasi.

Dalam masyarakat kita juga terdapat pemimpin jenis karismatik. Di mana pemimpin jenis ini adalah terdapat pengesahan berdasarkan pada kualiti yang istimewa dan layak menjadi seorang pemimpin.

Pemimpin-pemimpin UMNO yang kebanyakan jenis legal rational cenderung bersikap elite. Mereka berusaha merubah status dari pemimpin berjiwa rakyat kepada pemimpin berjiwa elite. Cara kehidupan harian telah membawa stail kehidupan ala 'Mat Salleh' barat. Bermula dari cara berpakaian hingga aturan makan di rumah pun diatur macam orang elite. Perbualan antara famili pun ada stail dengan sulaman bahasa Inggeris. Kalau bercakap bahasa Melayu kurang menunjukkan gaya elite. Kereta perlu Mercedes, Jaguar atau Bavarian Motor Works (BMW).

Kecenderungan ini akan memberi kesan iaitu garis pemisah antara pemimpin dan pengikut. Orang Melayu kampung akan merasa dirinya mempunyai jarak sosial yang 'jauh' bila melihat penampilan pemimpin dengan gaya yang serba elite. Pengikut secara psaiikologi akan menjadi terasing dengan pemimpin mereka. Lama kelamaan pemimpin Melayu akan di anggap sebagai orang luar.

Sebenarnya, kita suka melihat gaya pemimpin-pemimpin UMNO berlagak elite. Tapi pendekatan dengan pengikut haruslah dibina supaya tidak wujud jarak sosial antara mereka.

Kalau kita perhatikan pemimpin-pemimpin PAS lebih akrab dengan pengikut di sebabkan penampilan diri pemimpin-pemimpin PAS tidak melambangkan sebagai manusia elite. Kemesraan terjalin antara pemimpin dan pengikut. Cara kehidupan harian lebih kurang sama dengan pengikut. Lihat, dengan jubah dan ketayap telah menghapuskan jarak sosial antara pemimpin dan pengikut.

Apa yang kita pentingkan di kalangan orang Melayu adalah suatu bentuk hubungan antara pemimpin dan pengikut yang melambangkan perpaduan orang Melayu. Kita tidak mahu terdapat garis pemisah antara pemimpin dan bawahan. Kita tidak mahu ujud kelompok-kelompok dalam masyarakat Melayu.

Kelompok-kelompok dalam masyarakat Melayu akan mendorong terjadinya kelas dalam masyarakat Melayu. Kelompok elite akan membentuk kelas elite sendiri. Gelaran-gelaran dari istana cenderung membentuk kelas dalam masyarakat. Kesan yang tidak disedari adalah rakyat akan merasa terasing dari pemimpin mereka. Rakyat Melayu biasa akan menganggap pemimpin (pembesar) mereka sebagai kelompok Melayu luar. Dan akhirnya terjadilah pengasingan diri. Akibatnya perjuangan kelompok dari rakyat Melayu biasa tidak lagi terikat pada golongan bangsawan Melayu. Dan masing-masing hanyut dengan perjuangan sendiri.



# 3.3

## Sengketa Antara PAS Vs Melayu UMNO

UMNO dan PAS adalah parti-parti politik yang gilakan kuasa politik. Dan tidak terdapat dalam ajaran Islam sama ada dalam Al-Quran mahupun Hadis yang mengatakan harus memilih parti yang bernama Islam.

Pendek kata parti adalah permainan manusia semasa hidup bagi mengisi waktu sebelum mati. Bagaimana sejumlah orang (beberapa orang) menguasai seluruh rakyat dalam negara. Begitulah juga dengan perjuangan parti politik yang bernama UMNO dan PAS hanya semata-mata untuk mencari pengaruh dan sokongan agar mendapat kuasa politik.

Orang Melayu kini lebih mempercayai UMNO bagi menentukan kesinambungan kepentingan

Melayu, tapi yang membimbangkan, pemimpin-pemimpin PAS makin tekun mencari pengaruh dan sokongan dari masyarakat Melayu. PAS yang berusaha gigih mendapatkan kuasa politik telah membawa kesan buruk pada masyarakat Melayu kampung, sedangkan UMNO cuba mempertahankan kuasa politik orang Melayu.

Kuasa politik yang menjadi rebutan antara PAS dan UMNO telah membuktikan pada kita orang Melayu sudah berpecah dalam dua kelompok besar. Sepintas lalu memang tidak terasa, tapi bila sampai pada masa penentuan kuasa politik Melayu maka pada ketika itulah samada kita menyesal atau menjadi bingung atas kesilapan kita sendiri.

PAS amat yakin dengan perjuangan mereka. PAS menyerang UMNO bila ajaran-ajaran Islam tidak dipraktikkan dalam pentadbiran kerajaan. Dan PAS menuduh UMNO memperkecilkan ajaran-ajaran Islam. Anihnya, (sebagai contoh) bila UMNO menubuhkan Bank Islam, pemimpin-pemimpin PAS mengatakan cara pelaksanaan Bank Islam tidak betul.

Selama ini kita hanya mendengar perkara-perkara yang salah yang diimplimentasikan oleh UMNO. Sebagai contoh bila UMNO menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan, pemimpin-pemimpin PAS mengatakan UMNO mempermainkan hukum Islam dalam pemerintahan dan ketidak betulan itu sengaja dihubungkan dengan ayat-ayat Quran dan Hadis Nabi.

Sedangkan mereka lupa pada faktor bahawa kehidupan hari ini tidak sama dengan kehidupan di zaman Nabi Muhammad. Apa pun bentuk laungan yang disampaikan oleh PAS tetap merupakan gagasan politik. Setiap gagasan dan bangkangan adalah cara-cara mendapat pengaruh yang menjadi landasan perjuangan parti.

Timbul pertanyaan pada kita mengapa PAS dengan semangat yang berkobar-kobar terus membakar jiwa orang Melayu supaya benci pada UMNO? Mengapa PAS sanggup mengupas dan mentafsirkan ayat-ayat Quran dan Hadis yang dihubungkan dengan perjuangan parti agar orang Melayu yakin dengan perjuangan PAS? Semua pertanyaan yang ada hubungan dengan PAS jawapannya tetap sama dengan perjuangan politik UMNO iaitu hendak mendapatkan kuasa politik. Tidak ada benda lain yang mereka cari.

UMNO dan PAS berusaha mendapat sokongan dari orang Melayu. Hingga kadang-kadang keluar dari aturan mainan politik. Kedua parti saling tuduh menuduh. PAS anggap metode cari pengaruh ala mereka tidak salah, sedangkan UMNO yang memerintah negara mengatakan metode ala PAS telah merosakkan perpaduan masyarakat Melayu. Telah menggugat ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Penganut ideologi PAS bersengketa dengan pengikut UMNO bukan rahsia yang boleh ditutup. Masyarakat antarabangsa dan domestik sudah pun

mengetahui. Persengketaan antara kelompok-kelompok masyarakat sebangsa bukan di Malaysia saja, malah di merata dunia.

Belum tercatat dalam sejarah Malaysia suku bangsa India 'berperang' sesama sendiri kerana ideologi parti. Suku bangsa Cina Vs Cina. Tapi, Melayu sudah beberapa kali bertikam antara Melayu dengan Melayu. Mungkin kerana semangat kepahlawanan Hang Tuah dan Hang Jebat yang bertakhta dalam jiwa Melayu.

Sejak PAS yang menganut Islamisme bertapak di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis bermulalah arena persengketaan antara Melayu lawan Melayu. Sentimen Islam ditiupkan dalam jiwa pengikut PAS. Pengikut UMNO yang liberal bersikap mempertahankan diri. Melayu fanatik Islam telah dipergunakan sebagai pahlawan-pahlawan PAS. Sedangkan UMNO tidak mempunyai panglima perang.

Masa Asri Muda sebagai ketua PAS perpecahan dan persengketaan antara Melayu PAS dengan Melayu UMNO memang sudah wujud. Bila Asri Muda tidak lagi menjadi pucuk pimpinan, PAS telah dikuasai kelompok radikal yang agresif. Persengketaan makin parah.

Pondok, institusi pendidikan Islam telah membentuk pelajar yang orthodox dan melahirkan guru agama yang radikal. Berfahaman sempit tentang kehidupan dunia. Telah menambah lagi kekuatan kelompok radikal yang menguasai

perjuangan PAS.

Institusi pendidikan pondok yang menumpukan pengajaran Islam untuk akhirat, sebenarnya mencipta Melayu pelampau agama. Bagi golongan ini kehidupan dunia cukup dengan makan minum saja. Perjuangan hari akhirat matlamat hidup mereka. Kelemahan yang terdapat dalam institusi pendidikan pondok telah diperalatkan PAS untuk kepentingan parti.

PAS telah mengasosiasikan 'belief system' agama dengan perjuangan parti. Siswazah pondok telah dibebankan dengan hukum dan peraturan Islam. Bila mereka (siswazah pondok) dihadapkan dengan hukum peraturan Islam yang berlaku dalam masyarakat, keyakinan pada parti makin teguh.

Gabungan antara kelompok radikal agama yang agresif dengan siswazah pondok yang orthodox melahirkan pejuang-pejuang PAS yang sanggup berkorban nyawa. Slogan perjuangan untuk Islam dan memaparkan penyelewengan hukum Islam menjadikan golongan ini bertambah agresif. Keimanan yang kukuh plus keyakinan hari akhirat telah membangkitkan semangat kumpulan radikal PAS menentang dan mengutuk Melayu yang tidak mengikuti kehendak mereka. Sasaran ditujukan pada Melayu UMNO.

Seruan dari pemimpin PAS Hadi Awang tentang kematian demi menegakkan Islam adalah mati syahid, telah menimbulkan rangsangan dan api

perjuangan untuk dan demi parti makin mem-bakar semangat mereka (kelompok radikal agama).

Tragedi pertumpahan darah Lubuk Merbau, Kedah (18hb Januari 1985) gara-gara kempen pilihanraya kecil Padang Terap sebagai contoh soal persengketaan kelompok radikal PAS dengan Melayu UMNO. Tragedi Lubuk Merbau telah mengorbankan nyawa (seorang) dan beberapa orang luka cedera.

Tidak perlu mencari sebab musabab tragedi Lubuk Merbau, yang perlu diambil kira, penglibatan kelompok radikal PAS. Tidak akan berlaku tragedi hitam itu kalau Melayu kampung memahami tujuan dari perjuangan parti. Tidak wujud persengketaan Lubuk Merbau kalau pemimpin-pemimpin PAS tidak memanaskan darah golongan radikal dengan lagu-lagu emosi Islam. Tidak ada korban nyawa dan penderitaan luka cedera kalau pemimpin PAS tidak membuat tuduhan Melayu yang bukan PAS sebagai Melayu kafir. Tidak berlaku pergaduhan sesama Melayu kalau pemimpin PAS tidak mengorbitkan ideologi Islam dalam perjuangan parti.

Menentukan dengan cara tuduhan kafir dan jahil terhadap sesama penganut Islam bukanlah tugas pemimpin-pemimpin PAS. Allah yang maha kuasa dan maha bijaksana yang membuat keputusan samada penganut Islam itu kafir atau jahil. Allah yang menentukan seseorang itu masuk

syurga atau neraka. Belum tentu Melayu PAS yang mati kerana menegakkan perjuangan PAS dapat masuk syurga. Mungkin Allah melemparkan Melayu PAS yang radikal dan pemimpin mereka (PAS) ke dalam neraka kerana menimbulkan bencana dan huru hara di kalangan umatnya. Mungkin Allah menarik balik keputusannya tidak perlu ada syurga kerana umatnya berlumba-lumba bersengketa hendak mati syahid. Kalau Allah 'kensel' mengujudkan syurga maka akan menyesal pengikut fanatik dan kumpulan radikal (PAS) kerana perjuangan mereka sia-sia sahaja. Harapan masuk syurga musnah.

Tragedi Memali, Baling Kedah boleh diucapkan sebagai Perang Saudara yang membawa maut lapan belas orang manusia Melayu. Baling, bandar terpencil, tempat pertemuan Tunku Abdul Rahman dengan Chin Peng Ketua Parti Komunis Malaya, isu demonstrasi kelaparan Baling, kali ini muncul tragedi perang saudara. Bukan peristiwa Memali menjadi sorotan, tapi sebagai 'contoh soal' penglibatan Melayu radikal dan fanatik agama dalam kancah perang saudara Memali.

Ibrahim Libya, hero puak radikal dalam perang saudara Memali adalah seorang guru agama yang agresif menyebarkan hukum Islam dan pendakwah akhirat di kalangan masyarakat Islam Memali. Ibrahim seorang aktivis PAS yang popular di daerah Baling telah mempengaruhi Melayu setempat agar menolak konsep pembangunan

material dan kerohanian yang dibawa oleh kerajaan. UMNO sebagai ketua kerajaan, tentu tidak dapat terima cara Ibrahim mendapat sokongan untuk PAS. Cara Ibrahim sudah tentu (menurut kaca mata UMNO) merosakkan kepentingan (Melayu) bagi mencapai kepentingan ekonomi bangsa Melayu sendiri. Ibrahim seolah-olah mengajak masyarakat setempat hanya untuk berzikir pada Allah tanpa memikirkan masalah ekonomi (menambah pendapatan/mencari harta). Dan kerajaan tidak mahu Melayu berpecah belah yang dapat menghancurkan kuasa politik orang Melayu.

Akibat dari kedegilan Ibrahim yang tidak mahu 'stop' mempengaruhi masyarakat Memali. UMNO terpaksa menggunakan 'tentera upahan' bagi menjemput Ibrahim mematuhi undang-undang negara. Oleh kerana beliau dan pengikutnya hendak menegakkan hukum Islam tidak mahu menyerah, terjadilah pertumpahan darah atau perang saudara Memali. Harapan Ibrahim dan anak buahnya hendak masuk syurga kerana mati syahid telah mendorong mereka untuk berperang; pantang menyerah dan tunduk pada undang-undang negara.

Perang saudara Memali dan tragedi Lubok Merbau tidak boleh berulang lagi dalam masyarakat Melayu. Haruslah di atasi dengan apa cara sekali pun, walaupun menelan kos yang besar.



syurga atau  
mati

...epahlawanan memakan korban  
Kecewa menjadi manusia Melayu  
akibat salah pengertian pemilikan  
...k bangsanya. Sedih, intelektual Me-  
layu ... bersuara dan berkokok di Menara  
Gading. Hanya asyik dengan teori-teori intelektual  
barat yang selalu mereka banggakan. Pada hal  
persoalan perpecahan Melayu belum dan tidak  
pernah mereka fikirkan dengan penuh semangat  
manusia Melayu.

Sebenarnya dalam kehidupan orang Melayu  
harus hindarkan cara kutuk mengutuk dan  
persengketaan antara Melayu. Apa yang lebih baik  
adalah persaingan yang dapat menanam keyakinan  
pada masyarakat Melayu bahawa perjuangan  
politik sebagai langkah menjamin kelangsungan  
hidup bangsa. Usaha mencari sokongan politik  
dengan cara yang negatif sebenarnya mendedah-  
kan sifat-sifat orang Melayu pada kaum lain dan  
masyarakat antarabangsa. Sepatutnya persaingan  
politik perlu wujud persefahaman antara pemim-  
pin-pemimpin Melayu.

PAS tidak mempunyai konsep perjuangan  
politik berlandaskan apa kemajuan yang mereka  
boleh bawa untuk kemakmuran masyarakat. Hal  
ini dapat diperhatikan bila PAS berkempen atau  
berceramah jarang sekali pemimpin-pemimpin  
PAS mengemukakan idea berhubung dengan  
Pembangunan Ekonomi orang Melayu. Cuma yang

kita dengar hanya kritikan melulu.

PAS lebih berupaya mencipta hal-hal yang merosakkan imej orang Melayu dan kesucian agama Islam. Dan mungkin penganut agama lain akan berkata bahawa agama Islam dapat dipermainkan untuk tujuan politik.

Pemimpin-pemimpin PAS nampaknya kehabisan modal bagi mendapatkan sokongan politik di kalangan orang Melayu. Mereka tidak lagi mampu bercakap tentang bagaimana hendak membangunkan ekonomi orang Melayu.

Pemimpin-pemimpin PAS kelihatan seolah-olah agak 'bodoh' untuk mendapatkan sokongan dengan cara melancarkan program-program ekonomi, dalam rangka mendapatkan sokongan politik. Mereka menjadi 'tolol' untuk mengatakan bahawa orang Melayu masih ketinggalan dalam perjuangan ekonomi walaupun Dasar Ekonomi Baru sudah lama dilaksanakan.

Mungkin mereka tidak sedar bahawa selagi nyawa dibadan, manusia Islam harus mencari harta seolah-olah untuk hidup selama-lamanya. Tidakkah mereka sedar bahawa bila ekonomi individu-individu orang Melayu kuat maka segala perintah Allah dapat dilaksanakan dengan sempurna. Pemimpin-pemimpin PAS tidak sedar akan pentingnya peranan ekonomi pada bangsa Melayu, sebab itulah mereka menjadi tidak mengerti untuk bercakap pada orang Melayu dari sudut program-

program ekonomi bagi mendapatkan sokongan politik.

UMNO dapat mengatasi kekeliruan masyarakat Melayu kampung tentang politik sekiranya Biro Penerangan dan Unit Penyelidikan UMNO berfungsi sepenuhnya. Selama ini unit penyelidikan UMNO hanya mampu mengumpul dokumen-dokumen lama dan mengumpul guntingan akhbar. Pegawai penyelidik UMNO terdiri dari sarjana dan sarjana muda tidak berfungsi dalam unit penyelidikan UMNO. Sebagai contoh, kalau hendak mendapatkan data tentang pemimpin-pemimpin pemuda UMNO pun tidak lengkap. Apakah UMNO tidak membazir? Unit penyelidikan hanya sebagai setor menyimpan dokumen lapuk, menyimpan penyelidikan yang tidak berfungsi dan menyimpan guntingan akhbar.

Apa yang dilakukan oleh Hussein Ahmad sebagai Ketua Biro Penerangan UMNO? Kalau hanya sekadar hendak menyampaikan informasi pada peringkat parti tentang kebaikan dari perjuangan UMNO, tidak payah pakai fikiran Hussein Ahmad. Cukup dengan tenaga kerani biasa.

Punca sengketa antara Melayu fanatik PAS dengan Melayu UMNO terletak pada kelompok radikal agama yang agresif. Bermakna tugas dan tanggungjawab UMNO (Unit Penyelidikan) antara lain mengkaji dan memahami 'gerak laku' serta sistem kepercayaan Islam yang telah diperalatkan

**Hussein Ahmad:**

*Ketua Penerangan UMNO yang tidak punya idea. Kemampuan hanya berpaut pada dahan politik. Akhirnya kecewa, dahan bergayut sudah hanyut.*



PAS sebagai sarana perjuangan mereka.

Persoalan apa yang menyebabkan masyarakat Melayu kampung mudah menerima seruan pemimpin-pemimpin PAS harus diberi perhatian. Dan berbagai persoalan lain boleh digarap untuk mengetahui 'kedudukan nyata' tentang perpecahan masyarakat Melayu kampung. UMNO harus mengambil inisiatif mengatasi persengketaan dan perpecahan orang Melayu. Peranan pemimpin-pemimpin PAS memang tidak boleh diharapkan bagi perpaduan orang Melayu.

Biro penerangan (UMNO) harus memainkan peranan positif iaitu memberi informasi yang lengkap tentang pengertian parti politik. Termasuk pengertian kuasa politik dan hubungannya dengan agama Islam. Selama ini Melayu luar bandar tidak memahami perjuangan ideologi parti politik dengan agama Islam. Itulah sebabnya masyarakat Melayu kampung telah mengasosiasikan PAS dengan agama Islam. Informasi yang berulang kali perlu dilancarkan pada masyarakat kampung. Pakailah teori repititif. Berpakatlah dengan intelektual Melayu bidang sains sosial universiti, mereka banyak menyimpan segala macam teori masyarakat.

Kita harus berjuang menghindar dari tragedi pertumpahan darah yang berulang di kalangan masyarakat Melayu luar bandar. Kasihan, mereka tidak tahu apa-apa. Mereka semata-mata diperalatkan oleh golongan yang dahagakan kuasa politik.

# 4.0

## PEGAWAI MELAYU KERAJAAN PELINGKUP BANGSANYA

Malaysia di bawah pemerintahan Barisan Nasional mempunyai kakitangan kerajaan yang terdiri dari berbagai kaum. Ada Melayu, Cina, India dan kaum lain. Dalam diskusi ini perhatian diberi kepada kakitangan Melayu kerajaan.

Setiap mereka yang bekerja dengan kerajaan adalah mencari nafkah hidup melalui perkhidmatan untuk masyarakat dan negara. Setiap pekerja diberi upah. Dan upah ini dalam bahasa yang lembut disebut gaji kerana menjalankan kerja-kerja atau memberi perkhidmatan pada orang ramai.

Tidak ada seorang pun kakitangan kerajaan yang mahu berkhidmat dengan percuma ertinya

tanpa mendapat upah. Kakitangan kerajaan yang dapat berkhidmat atau bertugas tanpa gaji memanglah patut kita sebut berkhidmat untuk masyarakat dan negara. Kalau upah yang di pentingkan mereka samalah dengan buruh yang bekerja dengan syarikat pembinaan. Jadi, tidak perlu dibanggakan. Tapi, di samping berkhidmat mempunyai sikap menjaga dan mengawal kepentingan bangsa dan negara barulah orang tersebut mempunyai erti perjuangan dalam hidup makan gaji.

Bila upah tidak cukup, kakitangan kerajaan sibuk meminta kenaikan upah melalui persatuan mereka. Pada hal gaji yang diberi sudah lebih dari cukup, menurut ukuran orang orang miskin.

Dari tugas sebagai pelayan pejabat hingga kepada tugas sebagai menteri semuanya 'makan' upah. Tidak lebih dari itu dan janganlah berbangga kalau anda bekerja dengan kerajaan.

Falsafah bekerja seperti yang telah dilaungkan oleh kerajaan Bersih, Cepak dan Amanah dan Kepimpinan Melalui Tauladan merupakan falsafah bekerja yang diamalkan dalam masa pemerintahan negarawan Dr. Mahathir Mohamad. Apa yang nampak pada kita falsafah tersebut hanya jadi mainan dan lelucon di kalangan mereka. Serta tafsiran yang berbagai macam terhadap falsafah tersebut. Ada yang mentafsirkan falsafah itu sebagai suatu slogan untuk kedamaian di kalangan pekerja.

Kakitangan Melayu kerajaan dan semi kerajaan hendaklah memainkan peranan yang positif dalam pentadbiran dan khidmat pada masyarakat. Kita tahu bahawa orang Melayu yang bekerja dengan kerajaan adalah mempunyai hubungan yang rapat antara cita-cita kerajaan dengan pembangunan masyarakat.

UMNO yang memegang kuasa politik dalam Barisan Nasional atau dengan kata lain yang menjadi tulang belakang Barisan Nasional, bererti kuasa mutlak pemerintahan adalah terletak di bawah teraju UMNO. UMNO sebagai tempat bergantung orang Melayu dalam bidang kekuasaan sudah tentulah kuasa mutlak kerajaan berada di bawah naungan orang Melayu.

Sebagaimana yang kita maklum kakitangan Melayu kerajaan sebahagian dari jentera pentadbiran yang bertanggungjawab sukses atau tidak kerajaan yang dipimpin oleh UMNO adalah berkaitan atau mempunyai hubungan langsung dengan kakitangan Melayu kerajaan. Oleh itu pekerja-pekerja Melayu yang berkhidmat dengan kerajaan perlulah menjaga dan mengawal dengan baik cita-cita kerajaan.

Kini kalau diperhatikan secara mendalam cara dan sikap kebanyakan kakitangan Melayu tidak menampakkan rasa tanggungjawab yang menyeluruh terhadap bangsanya. Amalan melaksanakan tugas yang hanya seolah-olah kata orang bagi



melepaskan batuk di tangga sahaja. Tidak ada dedikasi pada bangsanya sendiri kalau adapun hanya satu peratus sahaja.

Terdapat amalan yang tidak sihat di kalangan kakitangan Melayu kerajaan yang memberi perkhidmatan pada masyarakat dalam hubungannya dengan kepentingan bangsa, di mana amalan tersebut boleh melingkupkan pentadbiran kerajaan dan merosakkan imej serta maruah bangsa Melayu.

Korupsi atau rasuah yang merupakan amalan yang tidak sihat masih 'ligat' di kalangan kakitangan kerajaan merupakan 'penyakit' yang amat berbahaya terhadap kelangsungan kehidupan bangsa Melayu.

Secara umum rasuah boleh di katakan sebagai ganjaran yang semacam upah samada dalam bentuk wang atau barang. Lebih khusus lagi rasuah adalah upah yang diberi secara tidak rasmi atas perkhidmatan yang menyenangkan dan bertentangan dengan kehendak/kepentingan organisasi swasta atau kerajaan.

Di kalangan masyarakat Melayu sekiranya rasuah berleluasa sudah tentu akan memudaratkan atau memusnahkan bangsa Melayu sendiri sebab kepentingan-kepentingan bangsa Melayu akan tergadai. Hak yang harus kekal pada orang-orang Melayu berpindah ke tangan kaum lain.

Sejak Dr. Mahathir Mohamad memegang pemerintahan kerajaan, beliau telah berhempas pulas cuba mengurangkan kegiatan rasuah di kalangan kakitangan kerajaan. Kalau dulu badan yang bergerak untuk mengurangkan rasuah di kenal dengan nama Biro Siasatan Negara tapi sekarang dengan nama Badan Pencegah Rasuah. Badan ini berusaha untuk mengurangkan kegiatan di kalangan kakitangan kerajaan, tapi ternyata badan ini tidak berfungsi secara berkesan. Badan ini hanya dapat mempamirkan tugas mereka dengan hanya menangkap pelaku rasuah dari kelas 'ikan bilis' sahaja bukan dari kelas 'kakap'.

Kekecewaan Perdana Menteri kita melihat aktiviti rasuah makin menjadi-jadi, bukan makin berkurang; hancurlah harapan Perdana Menteri hendak melihat rasuah itu berkurangan di kalangan kakitangan kerajaan.

Kita maklum semua masyarakat di dunia sangat benci terhadap rasuah. Di negara kita rasuah adalah sebagai jenayah.

Harus kita ingat bahawa di antara masyarakat dengan masyarakat yang lain mempunyai tafsiran atau pengertian yang berbeza dari rasuah itu. Dan

perbezaan itu juga terletak bagaimana sesuatu masyarakat menghayati atau menerima kesan buruk atau akibat daripada amalan rasuah. Apa yang paling jelas adalah masyarakat Malaysia telah menilai rasuah sebagai suatu perbuatan tidak sah atau dengan kata lain perbuatan haram.

Sebagai contoh (olok-olok) seorang pegawai kastam diberi ganjaran upah sebanyak \$500/- oleh si Ah Chong agar melepaskan (tidak membayar cukai pada kerajaan) lima buah video recorder yang dibawa masuk dari negara jiran. Pegawai kastam yang menerima upah tersebut akan tetap bertugas seperti biasa dan si Ah Chong yang memberi ganjaran upah telah memberinya dengan hati yang terbuka. Dengan hati yang ikhlas di samping dapat untung banyak. Pegawai kastam itu di samping mendapat upah tetap juga mendapat upah sampingan dalam menjalankan tugasnya. Kalau orang tidak memberi upah sampingan beliau tetap juga bertugas seperti biasa.

Misalan lain seorang pegawai di Jabatan Pendaftaran Negara telah menerima upah sampingan kerana meluluskan dan memberi kad pengenalan mereka kepada rakyat asing dengan cepat sekali tanpa melalui proses yang panjang. Bila rakyat asing lain tahu bahawa pegawai tersebut boleh mengeluarkan kad pengenalan merah dengan cepat dan mudah maka berlumba-lumbalah orang asing membayar upah sampingan

pada pegawai tersebut.

Contoh lain seorang kerani di Jabatan Pengangkutan Jalan diberi saguhati kerana pelanggan cepat memerlukan lesen memandu mereka. Perkhidmatan yang diberi tetap seperti biasa cuma yang berlainan orang yang memberi upah akan diutamakan dan orang yang tidak memberi upah sampingan akan di kemudiakan.

Semua contoh yang diberikan itu kalau dikaji secara mendalam ternyata merugikan kerajaan dan menimbulkan kekecewaan di kalangan setengah anggota masyarakat yang memerlukan perkhidmatan yang baik.

Di kalangan pegawai Melayu kerajaan bila upah mula diterima mereka akan 'ketagih' ketagihan ini bererti setiap tugas yang dilakukan mestilah diberi upah sampingan. Bermakna orang yang tidak memberi upah akan mendapat layanan yang lambat dan kadang-kadang sengaja ditunda-tunda. Mereka menunda agar pelanggan memahami mereka memerlukan upah sampingan. Pada tahap permulaan masyarakat yang mempunyai kepentingan dengan kerajaan akan merasa kerugian tapi lama kelamaan masyarakat tidak memperdulikan lagi. Pada pendapat mereka gaji pegawai kerajaan itu tidak cukup makan maka perlu diberi upah sampingan.

Bila pemberian upah sampingan terus berlaku dalam jabatan kerajaan dan semi kerajaan, kakitangan yang tidak berurusan langsung dengan

masyarakat yang memerlukan perkhidmatan akan merasa dengki atau timbul rasa jaki. Dengan demikian kakitangan tersebut akan berusaha menyekat atau memblok kerja-kerja yang dilakukan oleh kakitangan yang menerima upah sampingan itu. Akhirnya semua kakitangan dalam jabatan tersebut aktif menerima upah atau ganjaran sampingan. Dan ini dilakukan dengan membahagi upah sama rata atau sekurang-kurangnya semua kakitangan dapat merasakan hasil pendapatan yang berbentuk upah sampingan itu. Lama kelamaan semua kakitangan jabatan tersebut aktif melaksanakan pembangunan rasuah.

Cuba kita bayangkan bila rasuah telah berleluasa dalam jabatan-jabatan kerajaan dan semuanya menerima upah, terjadilah suatu tradisi dalam jabatan tersebut iaitu tradisi menerima upah. Sebenarnya tidak perlu kita bayangkan, memang sampai hari ini kakitangan kerajaan sudah 'mangli' menerima upah dari masyarakat yang memerlukan perkhidmatan dari mereka. Kakitangan kerajaan sudah tidak segan silu lagi menerima 'tip' dari orang ramai.

Bila kita mengatakan 'tip' teringat pula kami bagaimana tip yang dihulurkan pada pelayan restoran besar atau coffee house oleh pelanggan hingga kini dijadikan kegiatan lumrah atau upah yang dilembagakan.

Pada mulanya 'tip' berdasarkan layanan yang

diberi, sekiranya layanan yang diberi cukup baik penuh dengan senyuman, apatah lagi layanan itu dari seorang wanita yang ayu dan seksi dan penuh kewanjaan, maka bertambah besarlah 'tip' yang disumbangkan. Tapi kalau layanan tidak memuaskan kebetulan dari wanita yang tidak cantik dan tidak seksi, maka 'tip' yang diberi cuma duit besi, atau mungkin juga duit besi pun tak dapat. Dari keadaan ini ternyata dalam satu coffee house sudah tentu, pembahagian 'tip' tidak sama rata. Mungkin pelayan lelaki jarang-jarang sekali mendapat 'tip'. Apatah lagi tukang masak yang kerjanya tengok kualiti, langsung tidak dapat sesen pun 'tip'.

Keadaan di coffee house itu akan membawa perang dengki, para pekerja yang kurang mendapat 'tip' dan yang tidak mendapat 'tip' akan bertugas lepas tangan, asal kerja saja. Akhirnya terjadilah huru hara perniagaan dalam coffee house tersebut.

Agar tidak terjadi 'huru hara', pengusaha-pengusaha coffee house dan restoran besar, telah mengistituisikan 'tip' sebagai pemberian upah yang rasmi. Dengan cara ini bererti 'tip' telah dihalalkan secara rasmi dan tidak haram lagi. Dengan demikian selamatlah para pengusaha coffee house dan restoran besar dari ancaman/sabotaj pekerja.

Cuba anda bayangkan, apa akan terjadi kalau Jabatan-Jabatan Kerajaan menghalalkan atau

dengan kata lain menerima upah dari orang ramai dianggap secara rasmi dan pembahagian upah di antara mereka. Sudah tentu kerajaan yang akan terancam.

Seperti mana yang kita maklum kuasa pemerintahan dan kuasa politik berada di tangan orang Melayu. Bilamana pegawai Melayu kerajaan telah menerima rasuah sebagai perkara lumrah, bererti mereka akan meruntuhkan imej dan sekaligus melemahkan pentadbiran kerajaan.

Hasil pendapatan kerajaan antara lain di pungut dari segala macam cukai. Kerajaan akan menghadapi kesulitan sekiranya kutipan cukai tidak cukup kerana rasuah makin berkembang dan bertambah maju. Kesan dari rasuah akan terasa sekali pada pentadbiran kerajaan. Lama kelamaan kerajaan tidak dapat membayar gaji kakitangannya secara teratur dan dengan jumlah yang cukup. Akibatnya negara menjadi kacau.

Yang paling menderita rakyat kampung yang kebanyakannya orang Melayu. Penderitaan mereka kerana kerajaan tidak dapat membantu mereka, misalnya dengan memberi subsidi baja dan berbagai macam lagi bantuan yang harus diberi pada orang kampung. Lebih luas lagi kerajaan tidak dapat memberi subsidi pelajaran dan kesihatan. Rakyat terus menderita. Yang kaya bertambah kaya, yang miskin bertambah miskin.

Orang Melayu yang kaya sudah tentu tidak mempedulikan nasib bangsanya. Mereka kalau

perlu tidak mahu berurusan dengan orang Melayu lagi. Tentang ini kita sendiri dapat perhatikan bagaimana kebanyakan orang Melayu kaya bersikap angkuh dan sombong terhadap bangsanya. Mereka tidak lagi hidup cara Melayu, pada pendapat mereka, cara hidup Melayu adalah cara kuno. Orang Melayu kaya lebih mementingkan diri mereka sendiri.

Rasuah ada yang besar atau kelas jerung dan kelas ikan bilis. Makin besar gaji seseorang pegawai makin besar pula jumlah upah (rasuah) yang diterima. Menteri yang menerima rasuah (upah) lebih besar upahnya dari seorang pengarah atau pegawai kanan kerajaan.

Kalau seorang menteri sanggup menjual kepentingan orang Melayu demi upah (rasuah) bererti menteri itu telah menggunakan kuasanya untuk meruntuhkan bangsanya sendiri. Bukan saja menjual kepentingan bangsa malah sanggup pula mengkhianati tugas yang diamanahkan rakyat. Kecenderungan menggunakan kuasa untuk kepentingan pengikut parti pun dikatakan sebagai rasuah.

Betapa ruginya orang Melayu baik dari segi maruah mahupun dari segi material. Peristiwa BMF telah membawa akibat yang parah pada Bank Bumiputera. Hampir bankrap. Nasib baik kerajaan selamatkan melalui Petronas. Bagaimana elite Melayu yang tamak telah menggunakan kuasa mereka dalam BMF untuk kepentingan diri. Kita



sudah maklum tentang apa yang mereka lakukan. Rasuah telah membuat mereka lupa daratan. Mereka yang terlibat telah menjual kepentingan bangsa Melayu pada George Tan di Hong Kong.

Kumpulan elite Melayu yang berjiwa macam mereka masih banyak lagi yang telah menjual kepentingan bangsa Melayu. Tetapi mereka belum lagi sampai tahap buntu. Bila sudah sampai masanya, kalau tak cekap mereka akan tertangkap.

Elite Melayu seperti bekas pengarah-pengarah BMF telah melingkupkan dan menikam dari belakang bangsanya sendiri. Apakah ini cara hendak melenyapkan bangsa Melayu? Dan melenyapkan Melayu di bumi sendiri.

Terdapat di kalangan kakitangan kerajaan telah mengungkapkan Bersih, Cekap dan Amanah adalah cekap menerima rasuah dan pandai menjaga rasuah tersebut. Dan Kepimpinan Melalui Tauladan telah ditafsirkan sebagai pimpinlah orang-orang bawahan menjalankan kegiatan rasuah. Kakitangan Melayu kerajaan patutlah mengikis sikap yang buruk itu.

Korupsi yang maha dashyat bila pemimpin menjual negara. Maksudnya bukan jual secara 'direct' tapi 'indirect'. Bekas Presiden Filipina Ferdinard Marcos telah menimbun harta dan wang Peso ratusan ribu juta melalui rasuah jual negara. Marcos tidak peduli apa jadi negaranya. Beliau perhitungkan kemewahannya dulu, boleh

'mampus' rakyat dan negaranya. Begitu juga Malaysia, kalau ada pemimpin macam Marcos, kakitangan kerajaan akan buncit perut, mewah lebih dari orang bisnes.

Sejarah negeri-negeri Melayu telah membuktikan pada kita betapa dahsyatnya korupsi, di kalangan pembesar-pembesar Melayu. Ketika itu, suatu waktu dulu kekayaan negeri-negeri Melayu luar biasa jumlahnya, bahan-bahan mentah banyak (misalnya bijih timah) akan mudah diperolehi kalau berusaha gigih. Kebetulan pembesar-pembesar Melayu ramai yang bodoh dari yang cerdik, mereka mengambil jalan mudah (setelah diberi nasihat oleh orang asing) iaitu dengan menerima komisyen saja. Dan ini bererti negeri-negeri Melayu tidak dapat memungut cukai dari hasil kekayaan negeri kerana pembesar-pembesar Melayu tempatan sudah mengambil komisen. Akibatnya sumber pendapatan komisen menjadikan pembesar mewah dan kaya, sedangkan pendapatan negeri (melalui cukai) makin berkurangan dari keperluan. Yang susah rakyat. Negara tidak cukup wang untuk menjalankan pentadbiran dan memberi kesenangan pada rakyat.

Lama kelamaan rakyat 'buka mata', pembesar yang tidak dapat peluang komisen pun timbul rasa dengki. Pembesar lain mula cari jalan, macamana hendak 'balun' komisen dari orang asing, akhirnya para pembesar Melayu perang sesama sendiri.

Itulah sebabnya Inggeris menawan dan menjajah negeri-negeri Melayu dengan begitu mudah sekali.

Anda masih ingat, rasuah yang berlaku dengan cara menjual rahsia negara kepada agen Rusia. Sidek Ghouse di Jabatan Perdana Menteri orang kepercayaan Dr. Mahathir sanggup menjual kepentingan bangsa Melayu dan Negara kepada agen Rusia semata-mata hendakkan kemewahan yang cepat. Rasuah yang dilakukan oleh Sidek Ghouse adalah rasuah kelas berat. Dokumen negara di beri, wang masuk poket.

Bencana rasuah yang menimpa Bumiputera Malaysia Finance Limited (BMF) di Hong Kong adalah pengajaran yang amat besar pada orang Melayu. Lembaga Pengarah BMF yang terdiri dari Lorraine Osman sebagai pengerusi, Mohamad Hashim Shamsuddin sebagai Penasihat dan Dr. Rais Saniman sebagai alternate director. Ketua Eksekutif dipegang oleh Ibrahim Jaafar.

Proses korupsi dalam kes BMF cukup mudah diperhatikan. George Tan, pemilik dan boss Carrian Holdings Ltd. berkenalan dan akhirnya menjadi kawan rapat dengan Lorraine Osman, diikuti pula Hashim Shamsuddin dan Dr. Rais Saniman. Dalam masa berkenalan, pun rasuah sudah berlaku. Pemberian ole-ole (gifts) dari George Tan kepada lembaga pengarah BMF telah membangkitkan semangat berkawan bertambah rapat. Ole-ole bukan saja untuk anggota lembaga

pengarah malah seluruh anggota keluarga isteri dan anak-anak. Demi kelancaran kerja, ketua eksekutif BMF Ibrahim Jaafar pun dapat 'habuan' sama. Macam-macam 'gifts' untuk Ibrahim, gifts bentuk barang, perempuan dan kemudahan loan untuk peribadi.

Bila tiba masa mengisi borang permohonan loan, rundingan komisyen pun bermula seiring dan sejalan dengan jumlah pinjaman. Peringkat demi peringkat pinjaman diluluskan. Dan peringkat demi peringkat lembaga pengarah menerima komisyen. Bersama dengan komisyen di tambah pula saham gratis (percuma) untuk kemudahan loan seterusnya.

Sungguh malang Tengku Razaleigh Hamzah kerana menolong kawan dari 'Irish Group' akhirnya kawan hentam dari belakang. Begitulah bahayanya kalau mengambil kawan sebagai orang kepercayaan memegang jawatan penting dalam kerajaan. Nasib baik Tengku Razaleigh tidak terlibat.

Korupsi yang berlaku dalam kes BMF telah melibatkan penyalahgunaan kuasa dan sekaligus penyalahgunaan wang rakyat. Kuasa yang diberi oleh Bank Bumiputera untuk lembaga pengarah BMF mempunyai batas kelulusan pinjaman. Atas kecekapan lembaga pengarah kuasa kelulusan menjadi tidak terbatas. Jumlah pinjaman untuk Carrian Group dapat digunakan ratusan peminjam

tempatan. Dalam hal ini, lembaga pengarah BMF telah menyeleweng dari kuasa yang diberi dan menyeleweng wang rakyat.

Dari kes BMF menjelaskan rasuah telah memusnahkan maruah dan kepentingan politik dan ekonomi orang Melayu. Dan sekaligus menerangkan Lorraine Osman, Mohamed Hashim Shamsuddin, Dr. Rais Saniman dan Ibrahim Jaafar adalah pelingkup bangsa Melayu.

Pegawai Melayu kerajaan adalah manusia yang diamanahkan untuk menjaga kepentingan bangsa dalam pertadbiran kerajaan. Kuasa UMNO dalam kerajaan adalah kuasa bangsa Melayu. Kepentingan kerajaan bererti kepentingan UMNO dan kepentingan orang Melayu.

Kalau hanya sekadar bekerja untuk menerima upah, samalah dengan buruh pendatang haram dari Indonesia. Mereka datang hanya untuk mencari wang ringgit. Yang membezakan adalah sikap pegawai kerajaan ketika menjalankan tugas yang diamanahkan untuk menjaga kepentingan orang Melayu.

Sejarah telah membuktikan pada anda, pegawai kerajaan dari kaum bukan Melayu semasa dalam perkhidmatan kerajaan, mereka terlalu kuat ikatan dengan semangat kaum mereka. Layanan dan kepentingan bangsa mereka diutamakan.

Sebagai contoh di zaman pemerintahan Tunku Abdul Rahman Putra mahasiswa Melayu Fakulti Perubatan dan Fakulti Kejuruteraan amatlah kecil

bilangannya jika dibandingkan dengan mahasiswa bukan Melayu. Begitu juga bilangan pensyarah bukan Melayu lebih dari ramai jumlahnya dari pensyarah Melayu. Persoalannya adalah mahasiswa Melayu di Fakulti Perubatan dan Fakulti Kejuruteraan selalu gagal dalam peperiksaan. Sedangkan mahasiswa Melayu di luar negeri selalu mencapai kejayaan cemerlang. Oleh kerana tekanan peperiksaan di tangan pensyarah bererti kelulusan mahasiswa bergantung di tangan pensyarah juga. Semangat pensyarah bukan Melayu tidak suka melihat anak Melayu maju dalam bidang perubatan dan kejuruteraan. Dari cerita sejarah itu membuktikan semangat kaum lain amat kuat cinta dan menjaga kepentingan bangsa mereka. Setelah Dasar Ekonomi Baru terbukti ramai anak Melayu mampu menjadi Dokter dan Engineer.

Berbicara soal kepentingan bangsa, bukanlah bererti berbicara masalah perkauman. Dan adalah menjadi hak individu untuk menjaga maruah dan kepentingan bangsanya.

Yang paling memeningkan kepada Dr. Mahathir bila terdapat rasuah di kalangan pegawai kerajaan (Pegawai-pegawai kanan yang mempunyai kuasa merumuskan/melaksanakan polisi kerajaan) yang memegang kuasa bagi membangun sesuatu projek untuk rakyat. Rasuah jenis ini adalah dinamakan 'Rasuah Dalam Perancangan'.

Cuba perhatikan, terdapat projek yang diimplimentasikan tidak memberi faedah kepada rakyat. Birokrat yang menjalankan tugas dalam jabatan atau agensi kerajaan mempunyai peluang menambah pendapatan dengan cara merancang sesuatu projek yang boleh memberi keuntungan pada mereka. Tapi dalam kertas kerja yang dikemukakan pada badan/lembaga kontrol memberi maklumat faedah pada rakyat.

Sebagai contoh (olok-olok) beberapa orang pegawai kanan dalam kerajaan Negeri Selangor merancangkan membina pintu gerbang sebagai sempadan antara Pahang dengan Selangor. Pegawai-pegawai tersebut mengemukakan cadangan formaliti pada pihak atasan (yang sudah pun mengetahui) dengan berbagai alasan. Semasa bermain golf pegawai-pegawai yang merancangkan itu bersama boss besar pun sibuk menghitung jumlah wang yang patut dapat (pembahagian rezeki). Setelah tolak campur, darab dan bahagi harga (kos) untuk membangun pintu gerbang tersebut menjadi ringgit empat juta.

Padahal kos sebenar hanya lebih kurang sejuta. Mesyuarat punya mesyuarat akhirnya setuju. Dari pengarah tertinggi sekali sampai pegawai-pegawai kanan akan dapat pembahagian rezeki.

Sampai pada tahap tender kontraktor yang sudah rapat dan boleh dirundingkan pun setuju. Tender dibuka, akhirnya yang dapat kontraktor yang sudah jadi sahabat dan yang sudah dirun-

dingkan.

Kalau anda perhatikan banyak projek-projek yang tidak memberi faedah kepada rakyat ramai. Dan sebelum pelaksanaan sesuatu projek tidak dibuat kajian yang mendalam dari segi kepentingan orang ramai.

Tidak hairanlah kalau kerajaan mengeluh tidak punya wang. Bila nampak wang banyak, pegawai-pegawai kanan kerajaan tolong menghabiskan. Padahal yang menjalankan pemerintahan kerajaan orang Melayu, dan yang tolong melingkupkan pun orang Melayu. Kalau ada pegawai kanan bukan Melayu cuba melakukan rasuah bentuk ini (Rasuah Dalam Perancangan) Pegawai Melayu turut membantu sama. Kalau perlu campur tangan kuasa politik. Supaya perjalanan rasuah lancar.

Ternyata kerajaan kehilangan ratusan juta ringgit akibat dari seluruh jenis rasuah. Dari rasuah jenis kecil hingga rasuah yang dirancangkan. Dari jenis kutipan cukai dan perkhidmatan serta pada pembinaan projek hingga saman kesalahan jalan raya, kerajaan telah hilang wang pendapatan ribuan juta (M\$) setiap tahun. Kalau orang Melayu (kakitangan kerajaan) tidak mengubah perangairasuah ini maka sebagai petanda Melayu sendiri yang melingkupkan kuasa Melayu.

Tanpa kesedaran di kalangan kakitangan Melayu kerajaan tidak mungkin rasuah dapat dikurangkan atau dihapuskan. Kalau kerajaan membentuk berpuluh-puluh badan pencegah ra-



suah, tanpa keinsafan dan kesedaran tidak mungkin rasuah dapat dikurangkan.

Tidak syak lagi kenapa syarikat-syarikat di bawah agensi kerajaan dan syarikat di bawah tajaan UMNO selalu saja lingkup. Atau tidak untung. Penyakit rasuah telah menjadi kebudayaan Melayu. Kalau orang Melayu hanyut adalah kebudayaan Melayu juga.

Sikap positif yang menjadi idaman bangsa adalah menjaga, mengawal/melindungi serta memperkukuhkan kesedaran dan semangat sebagai kesatuan bangsa Melayu. Cara yang paling selamat untuk menjaga kepentingan bangsa adalah dengan menjauhkan diri dari melakukan jenayah rasuah.

Di kalangan para pendidik (guru sekolah) kebanyakan guru hanya memberi pelajaran terutama pada anak bangsanya sekadar untuk mendapat upah. Guru-guru Melayu baik di peringkat rendah hingga menengah mengajar sambil 'lewa' saja. Apatah lagi sistem pelajaran hanya mementingkan lulus peperiksaan, bertambah mudah tugas seorang guru. Kemudahan itu kerana buku-buku menjawab soalan peperiksaan makin bertambah banyak dengan berbagai ragam soalan. Dan ada pula buku-buku tentang ramalan soalan peperiksaan.

Bila sistem pelajaran hanya untuk lulus peperiksaan, maka terdapat cara pembelajaran yang juga hanya untuk lulus peperiksaan. Di tambah pula dengan sikap guru mengajar agar pelajar dapat

memahami soalan peperiksaan. Bererti telah mendorong guru melakukan rasuah. Jadi, ramai guru-guru Melayu telah melakukan jenayah — rasuah. Mereka telah menyalahgunakan tugas yang diamanahkan, mendidik pelajar bukan sekadar untuk lulus peperiksaan. Tapi, lebih dari itu.

Apa yang penting adalah pendidikan yang dapat membentuk pelajar mempelajari sesuatu subjek dengan penuh daya untuk mengetahui 'selok belok' subjek tersebut. Atau dengan kata lain mengkaji dari 'A' sampai 'Z' tentang sesuatu perkara yang dipelajari. Dari cara pembelajaran ini akan menimbulkan rangsangan kreativiti fikiran. Otak yang kreatif akan mendorong ke arah daya cipta, tidak hanya sebagai robot.

Tanggungjawab seorang guru Melayu bukan sekadar mendidik anak bangsanya untuk lulus peperiksaan tapi lebih dari itu. Membina mental iaitu cara pembelajaran yang dapat menumbuhkan minat untuk mengetahui dan memahami subjek yang akan mendorong pelajar menjadi dinamis dan kreatif. Jadi, kalau guru Melayu mendidik anak bangsanya hanya sekadar lulus peperiksaan bererti guru telah berfungsi sebagai pelingkup bangsanya, sebab pelajar yang meninggalkan bangku sekolah akan menjadi manusia bodoh, tidak dapat menghadapi cabaran zaman dan akhirnya hanyut sebagai gelandangan.

# 5.0

## PERPECAHAN ADAT RESAM MELAYU

Orang Melayu memang suka pada perpecahan. Bermula dari nenek moyang pun sudah anti perpaduan. Bangsa Melayu di Gugusan Pulau-pulau Melayu dan Di Tanah Melayu dulu gemar pada perpecahan. Nenek Moyang Melayu tidak faham maksud bersatu padu. Mereka suka dengan bentuk kehidupan huru hara.

Pada hal bangsa Melayu yang tinggal di Tanah Melayu dan Gugusan pulau-pulau Melayu mempunyai latar belakang bahasa dan kebudayaan yang hampir sama. Bangsa Melayu tetap juga tidak mahu bersatu. Orang Melayu lebih suka menunjukkan kegagahan masing-masing puak. Nenek moyang Melayu tidak faham kebaikan dari

sistem politik yang mementingkan perpaduan. Pada mereka berperang sesama suku bangsa Melayu lebih seronok dari berperang dengan orang asing. Nenek moyang Melayu dulu suka pada pangkat dan gelaran serta semangat kepahlawanan

Lihat Sumatera suatu ketika dulu, ratusan negeri-negeri kecil yang mempunyai kuasa autonomi sendiri. Sultan atau Raja negeri-negeri itu masing-masing membawa halnya sendiri. Tidak ada hubungan diplomatik. Salah atau silap sikit, mereka berperang sesama sendiri. Kalau negeri mempunyai puteri cantik dan seksi, dilamar tak dapat, mereka ajak perang. Sebab itulah bila Belanda datang menyerang, cukup mudah, disapu bersih negeri-negeri kecil itu. Berselerak lari dan mati katak. Di Semenanjung Tanah Melayu pun begitu juga terdapat berpuluh-puluh negeri yang kecil, masing-masing sultan hendak kuasa autonomi.

Bila Inggeris datang ke Semenanjung Tanah Melayu mereka ketawa besar kerana terlalu mudah menawan seluruh Tanah Melayu. Penjajah Inggeris telah menggunakan strategi rasuah dan cucuk mencucuk raja-raja Melayu. Sebab itulah Singapura dulu menjadi sebahagian daerah Johor, telah terpisah kerana raja waktu itu telah menyerahkan tanah jajahan tersebut pada penjajah. Lebih kurang gadai atau jual janji, lama kelamaan raja tidak boleh tebus dan akhirnya tergadai. Jadi, sebab kejayaan penjajah Inggeris kerana nenek

moyang Melayu terlalu banyak raja dan berpecah-belah serta tidak wujud kekuatan di bawah satu panji-panji.

Cuba kita perhatikan negara 'Mat Saleh' di barat, dari dulu lagi mereka mempunyai persefahaman dan persamaan kebudayaan dan bahasa. Dan mereka mempunyai ratusan ketua untuk tiap-tiap daerah, tapi mereka mengiktiraf satu raja saja dan di bawah satu panji-panji. Great Britain umpamanya dari dulu lagi mereka bersatu di bawah naungan satu raja dan menjadi satu bangsa yang kuat.

Setelah sekian lama, negeri-negeri kecil di Semenanjung Tanah Melayu telah bertukar corak menjadi negeri-negeri yang lebih besar sedikit. Seperti Perlis, Kedah, Perak dan lain-lain negeri di Semenanjung. Tapi masih dalam pemerintahan masing-masing raja. Dan kerakyatan pun berbeza. Tidak ada persamaan. Rakyat Kedah tidak berhak apa pun di Perak. Kerakyatan individu tidak berlaku untuk seluruh negeri di Semenanjung. Dalam bidang pentadbiran, kalau tidak ada pegawai yang layak dari negeri Perak (misalnya) maka lebih baik ambil pegawai Cina atau Inggeris. Pegawai Melayu dari negeri lain tidak diterima.

Nampaklah nenek moyang Melayu dulu tidak suka orang Melayu yang datang dari negeri lain, mereka tidak mahu bersatu. Orang Melayu lebih suka kepada perpecahan. Dan telah menjadi norma-norma, custom atau adat resam orang Melayu untuk hidup berasingan. Tidak perlu di

bawah satu payung kekuatan.

Setelah sekian lama, timbullah usaha ke arah perpaduan orang Melayu. Inisiatif ini dilakukan oleh beberapa pemimpin-pemimpin Melayu yang mempunyai kesedaran Melayu yang kuat. Sebab Melayu dalam keadaan hanyut, tidak ada tempat untuk mengadu nasib perjuangan. Melayu ketika itu berpecah dalam puluhan persatuan sosial dan politik. Kerana pemimpin-pemimpin Melayu ingin sekali jadi presiden persatuan atau pertubuhan. Lihat, masa nenek moyang dulu, ratusan negeri-negeri kecil di Gugusan Pulau-pulau dan Semenanjung Tanah Melayu kerana pembesar-pembesar Melayu 'teringin' hendak jadi raja. Inisiatif mengumpul semua pertubuhan Melayu berjaya, pemimpin-pemimpin Melayu berkumpul di Kelab Sultan Sulaiman (1946), Kampung Bahru, Kuala Lumpur. Kelab ini sekarang jadi tempat mengumpat dan judi kelas ringan 'tom bola'.

Hasil dari pertemuan pemimpin-pemimpin Melayu di Kelab Sultan Sulaiman terbentuklah persatuan politik yang diberi nama United Malays National Organization atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Kini terkenal dengan sebutan UMNO. Pemimpin-pemimpin Melayu penuh dengan semangat perjuangan untuk membebaskan orang Melayu dari belengu penjajah. 'Hidup Melayu' terus membakar semangat orang Melayu. UMNO telah menjadi wadah penyatuan Melayu. UMNO telah menjadi penggerak politik Melayu. Dan suatu kejayaan besar UMNO adalah

penentang Malayan Union waktu itu.

Setelah beberapa ketika, pemimpin-pemimpin Melayu 'duduk tidak senang' kerana UMNO tenaga perpaduan orang Melayu, tidak mempunyai ideologi perjuangan. Pertelingkahan pendapat berlaku sesama pemimpin Melayu. Ada yang mengatakan perjuangan UMNO mesti ada perjuangan yang berlandaskan ideologi dan ada pemimpin Melayu yang mahukan Melayu bersatu dalam UMNO tidak perlu ideologi. Keinginan yang kuat hendak jadi presiden, timbalan presiden dan Exco persatuan lagi, lagi sekali pemimpin Melayu berpecah belah. Terbentuklah Parti Nasionalis Melayu atau MNP. Pemimpin-pemimpin MNP tidak mahu bersatu dalam UMNO. Polisi UMNO, pertubuhan-pertubuhan lain boleh mengekalkan identiti walaupun bergabung dengan UMNO.

Lama kelamaan orang Melayu berpecah dalam beberapa parti politik lain pula. Gara-gara pemimpin-pemimpin Melayu hendak jadi presiden atau orang penting dalam parti. Muncullah Parti Negara, Parti Islam atau PAS dan Independence of Malaya Party. Yang paling sialnya, semua parti-parti tersebut mencari pengikut di kalangan Melayu. Cuma PAS sahaja yang bertahan hingga ke hari ini. Parti-parti lain nasib baik cepat lingkup.

Niat suci UMNO untuk menyatu padukan Melayu lagi sekali mendapat tentangan dari pemimpin-pemimpin Melayu juga. Pemimpin-

pemimpin Melayu tidak mahu UMNO sebagai tenaga perpaduan orang Melayu. Seolah-olah 'benci' melihat Melayu bersatu di bawah payung UMNO. Mereka (pemimpin Melayu) dengki dan cemburu melihat perjuangan UMNO. Jadi, pemimpin-pemimpin Melayu (ketika itu) 'hati perut' mereka memang penuh dengan semangat hendak cari nama, cari pangkat dan cari kekayaan melalui parti. Pantang lihat Melayu aman damai di bawah satu panji-panji.

Bila melihat gelagat PAS yang melancarkan 'serangan' bagi mendapatkan sokongan dari orang Melayu, barulah pemimpin-pemimpin UMNO sedar bahawa penyatuan orang Melayu tidak semestinya melalui UMNO. Dan pemimpin-pemimpin UMNO menyedari bahawa UMNO wujud kerana orang Melayu. Pemimpin-pemimpin UMNO akhirnya sampai pada kesimpulan bahawa UMNO harus bekerjasama dengan pertubuhan politik Melayu yang tidak menyertai UMNO. Jadi, kegagalan UMNO sebagai wadah penyatuan Melayu telah menukar corak perjuangan kepada UMNO sebagai 'badan perunding' perpaduan orang Melayu.

Dalam tempoh yang agak lama, persaingan UMNO dengan PAS makin hebat mencari penyokong Melayu. Pemimpin-pemimpin PAS waktu itu berjaya menambah bilangan penyokong Melayu di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Dalam tempoh yang agak lama PAS dapat memerintah negeri Kelantan. Kemenangan PAS kerana pe-



mimpin-pemimpin parti telah memeralatkan agama Islam sebagai 'magnet' menarik Melayu luar bandar memberi sokongan pada PAS.

Tun Razak, presiden UMNO ke tiga 'tidak duduk diam,' beliau berusaha gigih melanjutkan peranan UMNO sebagai 'badan perunding' bagi perpaduan Melayu. Beliau sedar kalau dibiarkan PAS terus dengan perjuangannya dan UMNO pula ashik bangga dengan apa yang telah dilaksanakan akhirnya orang Melayu sendiri yang akan hanyut. Tun Razak membuat rundingan dengan Asri Muda, pemimpin yang pintar main politik dan pintar 'memporak perandakan' orang Melayu. Rundingan demi rundingan akhirnya tercapailah kata sepakat Melayu harus bersatu tenaga menghadapi cabaran zaman Tapi, kerana alam demokrasi membenarkan parti-parti politik bertanding dalam pilihanraya, akhirnya perpaduan Melayu tidak diperlukan. Pemimpin-pemimpin PAS masih terpengaruh dengan tradisi nenek moyang mereka, pemimpin PAS suka dengan slogan 'Bersatu Susah, Bercerai Senang' mereka benci pada slogan UMNO 'Bersatu Teguh, Bercerai Roboh'. Pada pemimpin-pemimpin PAS waktu itu bersatu, susah hendak dapat pangkat Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar atau Yang Berhormat; kalau bercerai, senang dapat pangkat dan dapat kekayaan.

Nasib baik terjadi peristiwa 13 Mei 1969,

barulah pemimpin-pemimpin PAS dan pemimpin-pemimpin Melayu sedar bahawa perpaduan amat penting pada orang Melayu. Mereka takut anak cucu mereka hanyut di bumi sendiri. Pemimpin-pemimpin Melayu nampak kuasa politik amat penting pada orang Melayu. Kemudian Asri Muda pun cari Tun Razak. Beliau setuju dengan cadangan Tun Razak supaya PAS berganding bahu dengan UMNO bagi memastikan kepentingan Melayu terjamin. Lanjutan dari itu PAS bergabung dalam Barisan Nasional. Nampaklah pada kita Tun Razak bukan saja merancang pembangunan Melayu beliau juga patut dipanggil Bapa Perpaduan Melayu.

Kerjasama PAS dengan UMNO dalam Barisan Nasional tidak lama, sekejap saja. Pemimpin-pemimpin Melayu dalam PAS dan UMNO yang tidak mendapat kedudukan (jawatan dan kekayaan) merasa dengki melihat perpaduan Melayu di bawah kerjasama UMNO-PAS. Semangat perpecahan warisan nenek moyang dulu mula 'bermain-main' dalam otak mereka. Sifat tamak seperti raja-raja Melayu dulu mula bergelora dalam jiwa mereka. Warisan adat resam perpecahan telah menjadi slogan perjuangan mereka. Cucuk mencucuk, fitnah menfitnah dan tuduh menuduh, akhirnya Asri Muda terpancing dengan segala macam rayuan Iblis. Kebetulan pula Asri tidak suka orang lain melebihi beliau, digunakan kesempatan ini supaya PAS ditendang keluar dari

Barisan Nasional. Melayu lagi sekali disuruh berpecah belah.

Setelah pemimpin-pemimpin muda PAS yang radikal 'menendang' Asri dari parti, persaingan antara Melayu bertambah hebat. Yusuff Rawa yang menjadi presiden (Yang Dipertua Agung) PAS menggantikan Asri tidak dapat buat apa-apa, hanya jadi boneka saja.

Pemimpin-pemimpin radikal PAS seperti Fadzil Noor, Hadi Awang, Mustafa Ali dan Nakhaei telah membakar semangat perpecahan Melayu. Mereka 'full swing' menggoda Melayu seolah-olah supaya berpecah belah. Semangat nenek moyang mereka telah 'mengamok', tidak faham maksud perpaduan demi kepentingan politik Melayu. Akhirnya mereka berjaya mencapai matlamat perpecahan Melayu. Lihatlah seolah-olah hasil usaha mereka, meletus tragedi Lubuk Merbau dan Perang Saudara Memali di Kedah. Mereka pasti senyum. Perjuangan mereka telah berjaya. Tapi, mereka sedih kalah teruk dalam pilihanraya 86. Perjuangan mereka berselindung di sebalik kehendak Allah. Mereka mahukan orang Melayu hidup 'hundred percent' seperti yang disuruh oleh Allah. Apakah mereka tidak sedar bahawa Allah Maha Bijaksana? Allah Yang Maha pengasih mahukan umatnya pandai-pandailah hidup di atas muka bumi ini. Allah pasti memahami keadaan manusia Melayu yang harus hidup dengan berbagai kondisi dan situasi. Allah pun Maha mengetahui orang

Melayu harus hidup menyesuaikan diri dengan kaum-kaum lain di bumi Malaysia. Dan Allah memahami pemimpin-pemimpin Melayu mestilah pintar dengan keadaan semasa. Hidup zaman sekarang bukan lagi hidup di zaman Nabi Muhammad.

Perpecahan orang Melayu telah kelihatan dan persoalan yang harus kita hadapi adalah bagaimana menyatukan kembali orang Melayu. Tanggungjawab siapa bukanlah persoalannya tapi yang penting setiap individu Melayu haruslah memainkan peranan untuk membentuk perpaduan di kalangan Melayu. Andaikata kita masih leka tidak mahu berusaha untuk mengembalikan perpaduan Melayu bererti kita telah memusnahkan harapan generasi akan datang.

Pemimpin-pemimpin Melayu samada dari UMNO atau PAS haruslah memberi kelonggaaan ataupun bersifat toleransi dalam menghadapi masalah perpaduan Melayu. Tidak mungkin orang Melayu dapat bersatu tanpa peranan yang positif dari pemimpin-pemimpin UMNO dan pemimpin-pemimpin PAS. Pada peringkat pemimpin yang akan membawa mesej perpaduan, iaitu bila rundingan-rundingan antara pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS berjalan lancar. Harapan kita pemimpin-pemimpin PAS patut melihat masalah perpaduan Melayu sebagai masalah perpaduan Islam. Sebagaimana yang mereka laungkan dalam perjuangan politik parti iaitu mementingkan ajaran-ajaran Islam.

Fadzil Noor dan Hadi Awang sebagai orang yang berpengaruh dalam PAS patut melihat bencana perpecahan Melayu sebagai bencana terhadap perpaduan Islam. Toleransi amat penting bagi mencapai kata sepakat bagi memenuhi kehendak dan kepentingan orang Melayu. Fadzil Noor dan Hadi Awang akan tetap berjuang dalam PAS walaupun mereka bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin UMNO. Mereka (Fadzil Noor dan Hadi Awang) sekiranya bekerjasama dengan UMNO tentu dapat memberi idea yang berhubung dengan Islam dalam pelaksanaan pemerintahan yang dikuasai oleh Melayu.

Perkembangan sekarang amat menyedihkan di mana masyarakat Melayu telah dibahagi dalam dua kelompok besar iaitu penganut PAS dan pengikut UMNO. Perpecahan antara penganut PAS dan UMNO sesungguhnya telah memberi kesan iaitu masyarakat Melayu kurang tenaga politik dalam menghadapi cabaran di Malaysia. Kehidupan di hari ini menghendaki perpaduan yang kukuh di kalangan Melayu, kekuatan yang wujud nanti adalah memberi kemampuan untuk membentuk suatu tenaga politik sekarang kekuatan orang Melayu sudah berpecah, masing-masing bergerak pada tujuan yang sama iaitu memenuhi kepentingan orang Melayu dan ajaran Islam.

Apa yang diharapkan demi kepentingan orang Melayu adalah persaingan yang *understanding*

antara UMNO dengan PAS iaitu persaingan yang tidak meruntuhkan kepentingan orang Melayu. Dalam hal ini bila terdapat ketidak-sefahaman maka rundingan-rundingan antara pemimpin-pemimpin parti perlu berlangsung pada setiap masa sehingga mencapai suatu konsensus bersama.

Peranan dari pihak luar seperti media massa iaitu akhbar adalah memegang peranan penting sebagai penyambung mesej perpaduan Melayu. Apa yang kita nampak sekarang akhbar telah memainkan peranan yang kurang menyenangkan pihak PAS, sepatutnya suratkhbar tidak boleh memihak kepada sesuatu parti Melayu sahaja. Peranan yang harus dimainkan oleh akhbar membentuk satu jalinan mesej yang membawa hubungan kedua pihak. Membawa idea-idea perpaduan antara orang Melayu dan penampilan berita yang tidak memanaskan suasana sesuatu pihak. Tugas sidang pengarang haruslah menjamin wujudnya nilai-nilai baru yang dapat memberi mesej perpaduan dan bukan mesej perpecahan.

Pertemuan demi pertemuan antara pemimpin-pemimpin UMNO dengan pemimpin-pemimpin PAS haruslah diatur sedemikian rupa untuk memberi kesedaran atas kepentingan orang Melayu. Baik pemimpin PAS mahu pun pemimpin UMNO harus sama-sama bersikap toleransi dan fleksibal. Pemimpin-pemimpin PAS haruslah menerima kenyataan yang wujud dalam masyarakat

Melayu, tidak wajar kalau hanya berdasarkan pada ajaran Islam semata-mata tanpa memperhatikan kondisi masyarakat Melayu sendiri.

Mungkin Dr. Mahathir sedang memikirkan dengan serius tentang perpecahan Melayu yang sedang mengalami tahap parah. Tapi, beliau tidak banyak masa untuk merumuskan rancangan-rancangan yang boleh mengujudkan perpaduan Melayu. Dr. Mahathir sudah tentu mengharapkan rakan-rakannya dalam UMNO dapat mengembalikan perpaduan Melayu. Pemimpin-pemimpin UMNO dari peringkat bahagian hingga pusat menjadi harapan Dr. Mahathir bertindak segera membangkitkan semangat perpaduan orang Melayu.

Pemimpin-pemimpin UMNO hendaklah bergerak berdasarkan keharmonian seperti cara belaian; bagaimana kehebatan pemimpin-pemimpin UMNO membelai dan merayu isteri atau wanita begitulah rumusan yang harus dipakai untuk menjinakkan pengikut PAS. Pemimpin-pemimpin UMNO yang mempunyai segala macam kemudahan boleh melembutkan penganut PAS. Trend yang wujud sekarang pemimpin-pemimpin UMNO telah menjauhkan diri dari penganut PAS. Dan ini bertentangan dengan adat Melayu.

## **WAWANCARA IMAJINASI DENGAN TUN RAZAK**

Suatu malam ketika menginap di atas puncak bukit Genting di Pahang kami telah bermimpi bertemu dengan Allahyarham Tun Razak. Dalam masa mimpi tersebut kami telah sempat bercakap-cakap dengan Tun Razak tentang beberapa masalah yang berhubung dengan perpecahan orang Melayu dan lain-lain hal. Setelah mimpi itu, kami fikir lebih baik dirakamkan dalam bentuk wawancara imajinasi dengan Tun Razak. Untuk tujuan tersebut wawancara imajinasi kami susun seperti interbiu biasa. Singkatan Tun Razak dengan TR dan penulis dengan singkatan RM.

RM: Apakhabar Tun, sudah lama tidak dengar berita, sejak Tun meninggalkan masyarakat



Melayu pergi ke dunia lain yang aman dan damai? Bagaimana kehidupan dunia Tun?

TR: Saya sihat-sihat saja, keadaan kehidupan saya amat jauh berbeza dengan kehidupan di atas muka bumi yang penuh dengan persaingan dan pertentangan sesama umat manusia.

Di Malaysia, persaingan hebat antara kaum dalam bidang ekonomi dan politik telah memanaskan suasana perpaduan kaum. Persaingan antara Melayu dengan Melayu makin kencang, Islam sama Islam berperang.

Sedangkan dunia kami orang muslim penuh dengan ketenangan dan tidak ada persaingan dan pertentangan. Orang Islam tidak wujud sifat tamak dan hasad dengki. Tidak ada fitnah dan tidak ada label kafir dan jahiliyah sesama Islam. Begitulah indahnya dunia kami.

RM: Lebih kurang sepuluh tahun setelah merdeka, Presiden UMNO tidak berjaya menunjukkan sikap positif terhadap usaha-usaha pengukuhan politik Melayu. Dengan kata lain Tunku Abdul Rahman Putera telah dianggap tidak memperjuangkan kepentingan kuasa politik Melayu. Apa yang ketara dalam masa pimpinan Tunku.

TR: Tunku Abdul Rahman mempunyai cara pimpinan yang agak aneh, bila terdapat

masalah beliau tidak menanggapi secara serius dan bila sudah buntu barulah hendak cari penyelesaian.

Sedangkan orang Melayu waktu itu menaruh harapan yang tinggi menggunung pada pucuk pimpinan UMNO. Cara seperti ini telah merugikan orang Melayu kerana ketika orang Melayu terperangkap dengan masalah, keadaan sudah parah akhirnya susah hendak dibetulkan.

Kebetulan terdapat jarak sosial antara pimpinan Tunku Abdul Rahman dengan intelektual Melayu. Dr. Mahathir Mohamad adalah intelektual Melayu yang mempunyai idea dan dedikasi dan beliau dengan lantang menentang pimpinan Tunku. Dr. Mahathir adalah intelektual Melayu ketika itu yang membawa mesej agar orang Melayu diberi perhatian dalam pembangunan.

Di kalangan intelektual Melayu mereka marah pada Tunku Abdul Rahman kerana tidak memahami hasrat perjuangan Melayu. Di kalangan pendidik (guru) pada mulanya mereka memberi sokongan yang kuat pada Tunku tetapi akhirnya telah mengalih perhatian dan benci pada UMNO kerana telah menyeleweng dari dasar perjuangan Melayu.

Kekecewaan cerdik pandai pada masa pimpinan Tunku adalah disebabkan sikap

Tunku yang terlalu lembut dengan kaum Cina iaitu pemberian kerusi yang menonjol pada MCA, masalah kerakyatan serta penglibatan orang-orang Cina secara besar-besaran dalam aktiviti-aktiviti ekonomi negara. Dan kuasa ekonomi telah dimonopoli oleh orang Cina.

RM: Apabila Tun mengambil alih pucuk pimpinan UMNO menggantikan Tunku Abdul Rahman, apakah Tun menghadapi tekanan dari dalam UMNO.

TR: Sudah tentu saya mendapat tekanan yang kuat dari kumpulan dalam UMNO kerana kedudukan mereka terancam. Saya menitikberatkan kemampuan dan kebolehan seseorang dalam menjalankan pentadbiran negara.

Saya tidak suka pada cara pemimpin-pemimpin UMNO mencari dan memperkukuhkan kedudukan dalam parti dengan menggunakan wang. Sebab itu saya tubuh Biro Siasatan Negara. Sekarang Dr. Mahathir telah tukar nama Badan Pencegah Rasuah. Nama yang Dr. Mahathir tukar lebih tepat lagi iaitu kena pada sasaran. Saya setuju dengan nama Dr. Mahathir tukar itu.

Pada zaman Tunku Abdul Rahman ramai pemimpin-pemimpin UMNO yang dapat mengumpul wang melalui rasuah. Dan

mereka menggunakan wang untuk mengukuhkan kedudukan politik dalam parti. Cara ini saya tidak setuju. Bila saya tidak seirama dengan kehendak mereka, saya telah mendapat tentangan yang hebat dari dalam parti.

RM: Konsep Barisan Nasional adalah untuk mengurangkan tekanan dan bantahan terhadap kerajaan, dengan itu UMNO yang memimpin kerajaan dapat menumpukan perhatian mengisi kepentingan Melayu. Usaha dari Tun menarik PAS ke dalam Barisan Nasional adalah usaha yang boleh dibanggakan. Boleh Tun jelaskan hal ini.

TR: Perikatan (UMNO, MCA, MIC) ternyata masih mempunyai kelemahan iaitu masih memberi kesempatan bangkangan dari orang Melayu dan Cina yang menjadi anggota parti di luar parti perikatan.

Kalau anda perhatikan ternyata persaingan pada PAS dan UMNO telah membawa padah pada perpaduan Islam. Sebab orang Melayu semuanya pemeluk Islam. Baik PAS maupun UMNO mempunyai motif ekonomi dan politik bagi menentukan kuasa politik orang Melayu. Perpaduan Melayu terletak pada konsep perpaduan Islam, dan hanya kerjasama antara PAS dan UMNO yang boleh membawa ke arah penyatuan orang Melayu. Agar cita-cita menjaga kepentingan Melayu

terjamin melalui DEB, sudah tentu dengan Barisan Nasional dapat melindungi kepentingan masyarakat Melayu. Setelah semua golongan kaum berada dalam Barisan Nasional bererti bangkangan akan dapat dikurangkan. Bererti dengan konsolidasi politik, dapatlah kerajaan memberi perhatian pada kepentingan ekonomi orang Melayu.

RM: Di kalangan pemimpin-pemimpin pelapis UMNO (zaman Dr. Mahathir) susah mendapatkan political engineer bagi menjamin kelangsungan kepentingan bangsa Melayu. Bagaimana pandangan Tun ?

TK: Semasa saya Presiden UMNO dulu saya membentuk enginier politik UMNO berdasarkan pada konsep kepentingan masyarakat Melayu tapi sekarang enginier politik yang diasuh dalam kabinet belum nampak ketrampilan dalam menghayati perjuangan Melayu.

Buat masa ini yang boleh diharapkan sebagai pejuang politik Melayu adalah saudara Anwar Ibrahim. Zaman saya dulu saya membentuk Dr. Mahathir, Tengku Razaleigh dan Musa Hitam sebagai pemimpin yang mempunyai vision dalam perjuangan mengembalikan maruah politik dan ekonomi orang Melayu.

Saya bangga prestasi yang ditunjukkan oleh Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh, tapi sayangnya mengapa Musa Hitam merajuk

dan terpengaruh dengan suasana politik dalam UMNO. Sebagai orang yang matang dalam politik sepatutnya beliau boleh mengatur langkah permainan politik sesuai dengan adat resam yang terdapat di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO yang suka menggoda dan menimbulkan suasana kacau bilau melalui adat cucuk mencucuk dan fitnah. Apa yang harus Musa Hitam lakukan bersikap bijaksana menentang gelombang mainan politik di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO. Jangan jadikan merajuk sebagai kebudayaan politikus UMNO. Political Engineer sebagai sumber ilham dan sumber gagasan kepada orang Melayu. Ketandusan enjinier politik di kalangan pemimpin pelapis UMNO sekarang harus kita akui. Pemimpin pelapis yang sedang dilatih dan diuji dalam kabinet belum menampakkan wajah politik yang merupakan sumber ilham dan sumber gagasan pada bangsa Melayu. Yang kita nampak mereka tidak lebih daripada seorang pegawai pentadbir. Dalam keadaan orang Melayu terhimpit dengan segala masalah dan cabaran sepatutnya pemimpin-pemimpin pelapis menyedari bahawa peranan mereka tidaklah sekadar pegawai pentadbir malah berfungsi sebagai manusia yang dapat menjadi sumber kekuatan bangsa.

Dalam pandangan saya, anak saya sendiri

Najib buat masa ini bukan political engineer. Di kalangan menteri-menteri besar, Osman Aroff, Ramli Ngah Talib, Mohd Isa Abdul Samad juga tidak mempunyai gagasan idea pada orang Melayu. Haji Muhyiddin Mohd. Yassin Menteri Besar Johor telah menampakkan profil politik sebagai sumber inspirasi dan sumber gagasan perjuangan bangsa Melayu. Saya berbangga melihat Dr. Mahathir mendidik dan mengasuh Megat Junid Megat Ayub sebagai political engineer bangsa Melayu. Beliau telah menunjukkan kemampuan dirinya sebagai orang yang mempunyai gagasan dan sumber ilham pada bangsa Melayu. Anwar Ibrahim pemimpin Melayu yang tidak perlu diragukan lagi. Beliau sudah memiliki syarat sebagai pejuang bangsa Melayu dan Islam.

RM: Tun telah mendidik dan membina karier politik Abdullah Ahmad (wakil rakyat dari Kok Lanas Kelantan), sudah tentu Tun mempunyai harapan yang besar pada Abdullah Ahmad dalam perjuangannya menentukan kepentingan Melayu.

TR: Saya membina dan mendedahkan Abdullah Ahmad sejak awal-awal lagi dalam UMNO dan dalam kabinet semata-mata berdasarkan atas kemampuan intelektual dan dari segi permainan politik yang menjamin kepentingan orang Melayu, tapi sayang bila saya tinggal UMNO; Abdullah Ahmad telah dipojokkan dalam tahanan politik. Untung-

lah Dr. Mahathir dapat mengembalikan semula Abdullah Ahmad dalam arena politik UMNO. Kelebihan yang kita nampak pada Abdullah Ahmad adalah beliau cukup memahami selok belok perjuangan politik Melayu dan mengetahui strategi yang harus dihadapi oleh orang Melayu. Saya yakin kalau Abdullah Ahmad diberi kesempatan dalam kabinet kerajaan mungkin beliau dapat membuktikan strategi yang terdapat dalam fikiran beliau.

RM: Sebagaimana kita maklum Tun telah mendidik Tengku Razaleigh di luar kabinet dan dalam kabinet ketika umurnya menjelang tiga puluhan, bagaimana pandangan Tun perwatakan politik Tengku Razaleigh.

TR: Setelah ketiadaan saya dalam UMNO, harapan yang paling tinggi agar Tengku Razaleigh dapat mendampingi Dr. Mahathir dalam kabinet kerajaan dan sekaligus dalam UMNO. Tapi ternyata Dr. Mahathir lebih menaruh harapan pada Musa Hitam, dan akhirnya Dr. Mahathir kecewa dengan Musa Hitam. Walaupun Tengku Razaleigh tewas sebagai Timbalan Presiden UMNO akibat sokongan yang bulat Dr. Mahathir kepada Musa Hitam.

Tengku Razaleigh menyerahkan kedudukannya dalam UMNO pada Allah Yang Maha Kuasa melalui kebijaksanaan Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO. Sifat yang patut



kita puji, ternyata Tengku Razaleigh setelah mengalami kekalahan itu tidak menyusun strategi melawan pucuk pimpinan, beliau mengikuti kehendak pucuk pimpinan.

Dalam pengamatan saya semasa kempen untuk merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO Tengku Razaleigh tidaklah begitu serius menyusun strategi dan melancarkan kempen bagi perebutan jawatan tersebut. Ternyata pihak Musa Hitam yang lebih ligat menyusun strategi dan melancarkan kempen bagi memastikan kemenangannya dengan sokongan Dr. Mahathir. Sebagai seorang yang memahami hasrat perjuangan Melayu melalui UMNO, Tengku Razaleigh mempunyai penglihatan yang tajam bagaimana strategi bagi mencapai kuasa ekonomi Melayu.

RM: Pemimpin-pemimpin MCA dan MIC telah melepaskan bantahan terhadap pelaksanaan DEB. Seperti Lee Kim Sai dan Subramaniam Timbalan Presiden MIC. Puak MCA telah mengungkapkan kemerosotan calon MCA dalam pilihanraya 1986 adalah disebabkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

TR: Dalam hal ini, Dr. Mahathir sebagai pengerusi Barisan Nasional harus bersikap tegas, sepertimana ketegasannya menentang pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra. Lee Kim Sai memang menggunakan isu orang

Melayu supaya populariti beliau terus bersemadi dalam MCA. Sedangkan Subramaniam Timbalan Presiden MIC mempunyai rangkaian taktik untuk membuka tirai kelemahan pimpinan Samy Vellu.

Sebenarnya kemerosotan MCA dalam pilihanraya 1986 bukan disebabkan oleh pengundi-pengundi Cina kecewa dengan DEB. Tapi yang terang, DAP telah mendapat kepercayaan dari pengundi Cina.

Para pengundi menolak MCA kerana pemimpin-pemimpin MCA terlalu banyak memikirkan kepentingan sendiri dari kepentingan parti, jadi timbullah frustrasi di kalangan kaum Cina terhadap MCA. Persaingan antara pemimpin-pemimpin MCA yang memegang jawatan dalam parti telah menyebabkan perpecahan anggota parti. Puak yang kecewa telah memberi undi pada DAP. Protes dari pemimpin-pemimpin dalam komponen Barisan Nasional tidak perlu dilayan.

Yang penting ketegasan Dr. Mahathir menangkis protes tersebut. Seperti pembentukan jawatankuasa yang mengkaji pelaksanaan DEB tidaklah perlu. Apa yang penting pelaksanaan DEB terus berjalan hingga mencapai matlamatnya.

Kalau Dr. Mahathir bergerak mengikut irama pemimpin-pemimpin parti komponen

bererti Dr. Mahathir mendedahkan kepimpinannya ke arah kemelut politik yang akan membawa kekecewaan penyokong UMNO. Alasan pembenar adalah perlu supaya Dr. Mahathir dapat meletakkan ketegasannya.

RM: Pada pandangan Tun, bolehkah kuasa politik Melayu dapat menjamin kelangsungan perjuangan Melayu bagi mencari taraf ekonomi yang menjadi dasar dalam DEB. Sedangkan orang Melayu sendiri telah berpecah dalam dua kelompok besar iaitu kelompok penganut PAS dan penyokong UMNO, sedangkan PAS telah mengorbankan perpaduan Melayu demi kepentingan parti

TR: Masyarakat Melayu benar-benar telah mengalami perpecahan yang menggerunkan generasi Melayu akan datang. Sepatutnya pemimpin-pemimpin Melayu berfikir lebih serius tentang masalah ini. Apa yang saya nampak pemimpin-pemimpin Melayu baik dari UMNO mahupun PAS menganggap persoalan perpecahan Melayu sebagai masalah yang tidak berat atau dengan kata lain masalah yang enteng sahaja.

Pada hal dulu, saya menumpukan fikiran terhadap perpecahan Melayu. Persoalan perpecahan Melayu harus dilihat dari sudut perpaduan Islam. Agama Islam sebagai

agama yang penganutnya orang Melayu, tidak boleh Islam dijadikan sebagai landasan perpecahan Melayu. Apa yang saya lihat sekarang ini pertelingkahan Melayu ber-sumber pada ajaran Islam juga.

Pemimpin-pemimpin PAS seperti Hadi Awang dan Fadzil Noor tidak boleh menggunakan isu Islam sebagai garis perjuangan parti. Saya yang berada di dunia lain yang lebih dekat dengan para malaikat menggeleng kepala melihat pemimpin-pemimpin PAS telah menggunakan Islam untuk kepentingan politik. Dalam diskusi saya dengan para malaikat ternyata mereka menyatakan kepada saya bahawa tidak ada hubungan politik dengan Islam. Terjadinya hubungan politik dengan Islam bila sesebuah parti seperti UMNO memegang teraju kerajaan kemudian mengembangkan syiar Islam dan mengajak para umatnya mengerjakan ajaran-ajaran Islam, mengerjakan ibadat-ibadat yang disuruh oleh Allah maka barulah dikatakan hubungan politik dengan Islam. Tetapi bila pemimpin-pemimpin PAS cuba menggunakan Islam untuk kepentingan parti, cara ini sudah bertentangan dengan kehendak Allah, Allah Yang Maha Kuasa, Maha Penyayang, dan Maha Bijaksana mahu melihat umatnya hidup di dunia

ini dengan menggunakan akal fikiran bukan menggunakan nafsu. Kalau menggunakan akal fikiran bererti umat Allah mestilah menyesuaikan dengan situasi dan kondisi.

RM: Pada penglihatan Tun trend Melayu akan hilang di dunia berpunca dari perpecahan orang Melayu ditambah dengan exploitasi dari pemimpin-pemimpin bukan Melayu.

TR: Memang faktor perpecahan boleh menghancurkan orang Melayu di bumi mereka sendiri. Perpecahan dapat meruntuhkan kuasa politik dan sekaligus pencapaian ekonomi orang Melayu. Perpecahan yang bermula daripada keluarga, kelompok-kelompok dalam masyarakat dan akhirnya perpecahan dalam parti lama kelamaan akan berkembang dalam masyarakat Melayu. Seperti tradisi nenek moyang Melayu. Kesan dari perpecahan itu akan dilihat oleh pemimpin-pemimpin bukan Melayu sebagai satu potensi untuk terus menekan kepentingan Melayu dalam kehidupan bernegara. Di sinilah pemimpin-pemimpin dari kaum lain mengeksploitasikan segala kelemahan pemimpin-pemimpin Melayu dan menggunakan potensi politik dan ekonomi untuk kepentingan kaum mereka. Sebetulnya keadaan ini sudah berlaku yang mana pemimpin-pemimpin bukan Melayu telah menggunakan kelemahan pemimpin Melayu

(iaitu satu tradisi nenek moyang yang mereka warisi seperti sifat tamak dan hasad dengki). Sebagai contoh bagaimana George Tan Hong Kong mendekati pemimpin Melayu untuk menarik sejumlah wang dari poket Melayu, kelemahan yang terdapat pada pemimpin Melayu seperti Lorraine, Shamsuddin dan Rais telah dimanfaatkan sebaik-baiknya. Cuba saudara lihat sedangkan penasihat BBMB waktu itu adalah Wong Aun Phui. Kenapa dalam persoalan BBMB ini peranan Wong Aun Phui ini tidak timbul sedangkan beliau adalah penasihat kepada BBMB. Sedangkan BMF anak syarikat BBMB. Dan inilah yang dikatakan kelemahan yang terdapat pada pemimpin-pemimpin Melayu telah dipergunakan oleh pemimpin dari kaum lain.

RM: Tidakkah Tun merasa sedih sebagai bekas negarawan Malaysia dan sebagai Bapa Penyelamat Melayu memperhatikan kenakalan pemimpin-pemimpin Melayu dalam melaksanakan inspirasi dan cita-cita perjuangan perpaduan Melayu demi kelangsungan kuasa politik Melayu.

TR: Sebagai orang Melayu tidak perlu sedih dan kecewa. Melayu hari ini patut membuang nilai sedih/kecewa, sudah tidak sesuai lagi dengan generasi Melayu kini. Nilai sedih/kecewa nenek moyang Melayu tidak perlu

dijadikan warisan generasi.

Kenakalan pemimpin-pemimpin Melayu harus ditegur dan dipersoalkan tentang kejujuran mereka dalam mencari dan melaksanakan cita-cita perpaduan Melayu. Kepentingan diri atau vested interest lebih kuat mempengaruhi jiwa pemimpin-pemimpin Melayu. Sedangkan kepentingan bersama atau common interest tidak menjadi asas dalam perancangan dan pelaksanaan tugas. Persaingan antara pemimpin-pemimpin dan intelektual Melayu dalam bidang politik sebenarnya memesongkan dan sekaligus melemahkan tenaga politik Melayu.

Sifat tamak warisan dari nenek moyang Melayu sangat menebal di kalangan pemimpin-pemimpin Melayu. Tamak haloba yang tidak ada ukuran telah menjunamkan maruah Melayu dan menimbulkan penyelewengan di kalangan pemimpin-pemimpin Melayu. Inspirasi dan cita-cita perpaduan Melayu akan hanyut bersama pemimpin-pemimpin Melayu.

RM: Kami faham Tun tidak punya waktu bercakap panjang lagi, waktu Subuh sudah menjelang tiba dan akhir kata apakah pesanan Tun pada seluruh pemimpin-pemimpin Melayu dan masyarakat Melayu.

TR: Sebagai pemimpin Melayu ulung dan sebagai negarawan Dr. Mahathir harus mampu

membentuk perpaduan Melayu. Moral bangsa Melayu terletak pada perpaduan, maruah bangsa bukan terletak pada projek prestij. Perpaduan tenaga politik Melayu akan menjamin kesinambungan kuasa Melayu. Pemimpin-pemimpin Melayu dari PAS terutama Haji Hadi Awang dan Fadzil Noor ingatlah bahawa perpaduan Islam sebagai jalan yang dikehendaki Allah. Bukan menegakan kuasa untuk menjalankan hukum-hukum Islam. Kuasa politik yang ada di tangan orang Melayu (UMNO) sudah mampu untuk menggerakkan manusia Melayu mengerjakan perintah dan melaksanakan hukum dan peraturan Allah. Adalah lebih baik bermufakat dan berbincang dengan pemimpin-pemimpin Melayu dari UMNO tentang cara-cara melaksanakan peraturan dan hukum Islam.

Janganlah terlalu ikut dengan alam demokrasi yang membentuk manusia untuk berkompitisi. Para pengikut parti UMNO dan penganut PAS hendaklah faham kalau pemimpin-pemimpin Melayu berperang sesama mereka, jangan pula pengikut PAS dan UMNO ikut bergaduh. Jangan pengikut di perbodohkan oleh pemimpin.

Tugas pemimpin politik untuk bikin sibuk dan orang Melayu (pengikut parti) lihat saja gelagat pemimpin-pemimpin parti. Kalau



pemimpin PAS mengatakan berjuang untuk PAS masuk syurga, itu temberang politik, namanya.

**Tun Razak:**

*Bapa perpaduan Melayu, penyelamat orang Melayu dari hanyut ketika dulu.*



**Tengku Razaleigh Hamzah:**

*Pemimpin Melayu dari UMNO yang suka  
dengar arahan presiden parti. Tidak suka cara  
bertindak berlebihan untuk memegang jawatan  
politik dan kerajaan.*



*Musa Hitam:*

*Mangsa dari tarian politik jaguh-jaguh UMNO, beliau terlambat mengikut rentak samba pemimpin-pemimpin UMNO.*



*Suatu waktu ketika dulu Dr. Mahathir sedang mengatur strategi kempen menyalurkan idea agar pemimpin-pemimpin Melayu mengenal siapa beliau.*



## UNGKAPAN AKHIR

Seluruh percakapan dalam tulisan ini sesungguhnya mengajak anggota masyarakat Melayu kembali sedar betapa pentingnya perpaduan Melayu demi kesinambungan kuasa politik Melayu.

Perpecahan yang berpunca dari pemimpin-pemimpin Melayu yang bersaing mendapatkan kuasa politik telah membawa kesan terhadap perpecahan suara pengundi Melayu. Lanjutan dari itu telah membuka jarak sosial dan pertentangan sesama Melayu, akibat wujudnya pengikut-pengikut parti yang fanatik. Pertentangan antara pengikut dan penganut parti telah menimbulkan keretakan perhubungan dalam kelompok keluarga Melayu.

Perpecahan yang menjadi adat Melayu patut dimusnahkan, bukan menjadi wasiat nasionalisme Melayu. Generasi sekarang dan akan datang tidak mampu menghadapi cabaran zaman tanpa perpaduan Melayu.

Kakitangan Melayu kerajaan dan badan semi kerajaan (ajensi kerajaan) perlu mengujudkan sikap menjaga kepentingan Melayu, bukan sebagai pelingkup bangsa. Rasuah yang menjadi kebudayaan akan membunuh kuasa Melayu dalam kerajaan. Bangkrap kerajaan bererti bangkrap perjuangan Melayu. Tulang belakang kerajaan adalah Melayu.

Kita mengharapkan perpaduan sebagai adat resam Melayu. Bukan perpecahan yang menjadi tradisi dan adat nenek moyang kita.

Semoga Dr. Mahathir Presiden UMNO ke lima dapat membawa kembali perpaduan Melayu seperti yang dirintis Tun Razak. Dan harapan kita Fadzil Noor dan Haji Hadi Awang kembali memikirkan Muslim Unity atas kepentingan bangsa Melayu.

Seluruh pemimpin-pemimpin dan intelektual Melayu bersama-sama mencari rumusan yang dapat mengembalikan perpaduan Melayu.

Kita tidak mahu Melayu Hilang dari dunia. Tak akan Melayu hilang di dunia.

